Ketua Jabatan Kawalan & Pemulihan

Siti Zalifah binti Mohd Shariff
Ketua Jabatan Pentadbiran Kredit Korporat

Yusnor Izzat bin Mohd Yusop
Ketua Jabatan Pelaporan Regulatori

Wan Amelia Nadia binti Wan Sapiansori
Ketua Jabatan Perolehan

Aimi Noraina binti Mohd Azhar
Ketua Jabatan Pematuhan

Mohd Sukhri bin Arifin
Ketua Jabatan Pengurusan Risiko

Mohd Shazry bin Mohamed Roslan
Ketua Jabatan Risiko Teknologi

Mohd Fazli bin Masri
Ketua Jabatan Syariah

Mohd Feruz bin Harron
Ketua Jabatan Audit Dalaman

Amirakmal bin Rozihan
Ketua Jabatan Integriti & Governan

Rodiyah binti Saad
River Leaf Sdn. Bhd.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

ALHAMDULILLAH! RABBIL
'ALAMIN, SEGALA PUJI DAN
SETINGGI-TINGGI
KESYUKURAN DIPANJATKAN
KE HADRAT ALLAH SWT ATAS
LIMPAH KURNIA-NYA.
SELAWAT DAN SALAM KE ATAS
JUNJUNGAN BESAR NABI
MUHAMMAD SAW.

Tahun 2025 merupakan satu lagi tempoh yang mencabar bagi landskap kewangan domestik dan global, dengan ketidaktentuan ekonomi, tekanan kos serta persekitaran geopolitik yang dinamik. Namun demikian, CBP terus memperkukuh daya tahan organisasi dan mencatatkan prestasi yang mampan hasil pelaksanaan strategi yang berdisiplin serta komitmen padu seluruh warga CBP.

Bagi pihak Anggota Lembaga, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Co-opbank Pertama (CBP) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

PRESTASI KEWANGAN DAN OPERASI

DATUK BAHAROM BIN EMBI
Pengerusi

PERUTUSAN PENGERUSI

PERUTUSAN PENGURUSI



Alhamdulillah, walaupun berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi dunia, CBP masih mencatatkan prestasi perniagaan yang memberangsangkan. Bagi tahun kewangan 2025, CBP merekodkan keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM131.15 juta, meningkat 6% berbanding tahun sebelumnya. Jumlah aset turut berkembang sebanyak 13% kepada RM14.48 bilion, mencerminkan pertumbuhan portfolio yang seimbang dan pengurusan risiko yang berhemat.

Jumlah deposit meningkat kepada RM10.78 bilion, dan pembiayaan bersih sehingga 31 Disember 2025 berjumlah RM8.64 bilion, didorong oleh permintaan berterusan terhadap solusi kewangan Islam yang kompetitif dan relevan dengan keperluan pasaran. Pencapaian ini mencerminkan tahap keyakinan anggota dan pelanggan terhadap kekukuhan asas kewangan serta model perniagaan CBP.

Dari aspek keanggotaan CBP pula, terdapat penyusutan dari segi bilangan anggota keseluruhan sebanyak 4.22% berbanding tahun sebelumnya. Keanggotaan individu menyusut daripada 96,082 anggota kepada 91,968 anggota pada tahun 2025 dengan jumlah penyusutan sebanyak 4.28%. Bagaimanapun, jumlah anggota koperasi meningkat 1.68% daripada 954 koperasi kepada 970 koperasi pada tahun 2025. Penyusutan jumlah anggota CBP pada tahun 2025 adalah disebabkan CBP tidak membuka penerimaan permohonan anggota baharu kecuali koperasi dengan jumlah syer minimum RM5,000 sepanjang tahun 2025.



JUMLAH ASET
RM14.48
Bilion
(2024: RM12.84 bilion)

PENGIKTIRAFAN INSTITUSI

CBP terus mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi kewangan koperasi yang berprestasi tinggi apabila sekali lagi diiktiraf sebagai Koperasi Premier Malaysia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi tahun 2025. Pengiktirafan ini, yang diterima untuk tahun keempat berturut-turut, mencerminkan kecemerlangan dalam tadbir urus, prestasi kewangan serta pematuhan peraturan yang mantap.

PERUTUSAN PENGURUSI

Selain itu juga, CBP terus menerima pengiktirafan dan anugerah yang menunjukkan keyakinan masyarakat terhadap CBP. Antaranya adalah (*Nation's Pride - Shariah Compliant Cooperative Banking & Collateralized Borrowing/Pawn Broking;*) (*Highly Commended Top Investment House in Malaysia Ringgit Local Currency Bonds Category;*) (*Pinnacle Champion Brand of The Year 2025;*) (*Pinnacle Established Business of The Year 2025;*) (*Industry Innovation Award (Cooperative Organisation);*) (*Industry Excellence in Cooperative Banking dan ShareGuide Association 2025 ICT Awards*).

Penghargaan ini menunjukkan kredibiliti CBP yang menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan yang patuh syariah kepada orang ramai. Secara tidak langsung, ianya mengukuhkan lagi jenama CBP yang berdiri seiring dengan institusi perbankan yang lain.

PENGUKUHAN TADBIR URUS DAN TRANSFORMASI OPERASI

Sepanjang tahun 2025, CBP terus memperkukuh rangka kerja tadbir urus selaras dengan amalan terbaik industri dan kehendak pengawal selia termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) serta SKM.

Inisiatif pendigitalan kekal menjadi agenda utama. Pelaksanaan DuitNow QR menerusi aplikasi HELOCBP yang diperkenalkan pada Jun 2025 mengukuhkan lagi sistem perbankan CBP di mana pelanggan-pelanggan CBP dapat melakukan transaksi kewangan dengan lebih pantas. Sehingga 31 Disember 2025, HELOCBP mencatatkan lebih 72,000 pengguna.

Dalam masa yang sama, aplikasi HELOBiz untuk pelanggan korporat turut diperkasakan bagi menyokong transaksi yang lebih lancar, selamat dan efisien, sejajar dengan aspirasi transformasi digital CBP.

Selain itu juga, pada April 2025, CBP telah berpindah ke ibu pejabat CBP yang dikenali sebagai Wisma Co-opbank Pertama yang terletak di Kampung Bharu, Kuala Lumpur. Perpindahan ke ibu pejabat baharu yang menempatkan semua jabatan di bawah satu bumbung dapat memudahkan lagi operasi CBP selain daripada mengukuhkan lagi tadbir urus CBP.

Dalam masa yang sama juga, CBP terus memperkenalkan beberapa produk-produk baharu dalam meluaskan lagi capaian sasaran pelanggan CBP. Antara produk yang diperkenalkan adalah Pembiayaan Auto-i, Takaful Travel, Takaful Kredit dan juga Hibah Hartanah.

CBP terus mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi kewangan koperasi yang berprestasi tinggi apabila sekali lagi diiktiraf sebagai Koperasi Premier Malaysia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi tahun 2025.



PERUTUSAN PENGURUSI



PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN BERSIH

13%



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT DAN KELESTARIAN

Sebagai institusi berteraskan koperasi, CBP terus komited melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang memberi impak langsung kepada masyarakat. Inisiatif seperti CB-Prihatin, bantuan *Back to School*, agihan kotak rezeki serta pelbagai program kebajikan kepada golongan B40 dan asnaf mencerminkan komitmen berterusan CBP dalam memperkasa komuniti dan memperkukuh kesejahteraan sosial.

Pendekatan ini selaras dengan prinsip koperasi yang menekankan keseimbangan antara prestasi komersial dan tanggungjawab sosial. Program-program tanggungjawab sosial korporat ini adalah salah satu langkah yang diambil CBP sebagai tanda penghargaan di atas sokongan yang diterima daripada pelanggan dan juga anggota CBP.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Anggota Lembaga, saya merakamkan penghargaan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Bank Negara Malaysia serta semua agensi kerajaan dan rakan strategik atas sokongan dan kerjasama yang berterusan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah, barisan Pengurusan Kanan serta seluruh warga kerja CBP atas dedikasi dan profesionalisme yang ditunjukkan sepanjang tahun.

PENUTUP

Menelusuri tahun kewangan 2025, CBP telah membuktikan keupayaan untuk berkembang secara mampan dalam persekitaran yang mencabar. Dengan asas kewangan yang kukuh, tadbir urus yang mantap dan komitmen terhadap inovasi serta kelestarian, saya yakin CBP berada pada landasan yang tepat untuk terus mencipta nilai jangka panjang kepada anggota, pelanggan dan komuniti.

Insya-Allah, dengan semangat kebersamaan dan iltizam yang tinggi, kita akan terus melangkah ke hadapan, memperkukuh kedudukan CBP sebagai institusi kewangan koperasi yang diyakini dan dihormati.

Wassalam.

Memperkasakan Komuniti,
Memperkukuhkan Nilai

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN



Co-opbank Pertama (CBP) ialah salah sebuah institusi kewangan patuh Syariah yang beriktikad teguh kepada prinsip *Barakah* dalam setiap urusan perniagaan. CBP bukan sekadar mengejar keuntungan duniawi, tetapi komited untuk menghayati roh dan falsafah ekonomi Islam berlandaskan *Maqasid Syariah*.

Berpaksikan konsep *Al-Falah*, CBP menzahirkan kesejahteraan dan kecemerlangan atas paksi *mizan* yang seimbang antara dunia dan akhirat. Matlamat CBP adalah untuk mencipta nilai yang *syumul*, holistik, seimbang antara material dan spiritual dalam memastikan pengagihan sumber ekonomi yang adil demi menegakkan keadilan sosial daripada cetusan prinsip *Al-Aman* wa *Al-Salam* yang sentiasa secara istiqamah menjaga hubungan baik dengan pencipta, manusia dan alam dari kaca mata Syariat pemilik alam semesta.

Oleh itu, semua aktiviti korporat dan aktiviti kewangan Islam oleh CBP, atas paksi *Fiqh al-Mizan*, telah dibuat pertimbangan supaya berorientasi keredaan *Ilahiah* demi ketenangan *ruhaniyyah* dan *aqliyyah*, menyasarkan kemaslahatan *insaniah*, dan kemaslahatan alam dengan meminimalkan seoptimum mungkin unsur dan elemen yang memudaratkan dan membawa *mafsadah* secara berperingkat atas aspirasi prinsip *tadarruj*.

ASPEK TADBIR URUS SYARIAH

Selaras dengan prinsip *Al-Aman* wa *Al-Salam*, CBP menekankan pengukuhan tadbir urus Syariah sebagai asas utama dalam memastikan setiap operasi, produk dan keputusan mematuhi kehendak Syariah. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan pemegang taruh, malah memperkukuh integriti serta reputasi institusi.

Bagi memperkukuh keupayaan, program pembangunan kompetensi telah dilaksanakan termasuk Program Induksi Jawatankuasa Syariah Baharu pada 17-18 Februari 2025. Penganjuran ini memberi pendedahan awal mengenai mandat, struktur dan proses kerja tadbir urus Syariah, sekali gus memastikan ahli jawatankuasa Syariah baharu dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lebih sinergi, yakin dan berkesan.



JUMLAH DEPOSIT

RM10.78

Bilion

(2024: RM9.58 bilion)

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN



CBP menegaskan komitmen terhadap prinsip *Al-Aman wa Al-Salam* melalui pengukuhan tadbir urus Syariah yang mantap dan berstruktur. Pada 17-18 Februari 2025, Majlis Penyampaian Watakah serta Program Induksi Jawatankuasa Syariah Baharu telah dilaksanakan bagi memperkukuh kefahaman dan mandat ahli jawatankuasa dalam melaksanakan tanggungjawab berlandaskan Syariah.

Sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh tadbir urus Syariah, CBP telah menganjurkan *Intellectual Discourse Shariah Control Function* selama tiga hari, dari 28 September hingga 1 Oktober 2025. Program ini memberi fokus kepada pengukuhan kefahaman dan kemahiran teknikal pegawai yang terlibat dalam fungsi kawalan Syariah, termasuk *Shariah Advisory*, *Shariah Review*, *Shariah Risk* dan *Shariah Audit*.

Melalui sesi perkongsian ilmu dan analisis kes, program ini berjaya meningkatkan sinergi dan kapasiti peserta dalam mengenal pasti serta mengurus isu ketidakpatuhan Syariah secara lebih sistematik. Penganjuran ini menegaskan komitmen CBP terhadap tadbir urus Syariah yang mantap, sekali gus memperkukuh integriti, reputasi dan keyakinan pemegang taruh selaras dengan prinsip *Al-Aman wa Al-Salam*.

ASPEK PEMBUDAYAAN ILMU DAN KEFAHAMAN SYARIAH

CBP, melalui gabungan bakat cemerlang dalam Jabatan Syariah dan kepakaran cendekiawan Islam dalam Jawatankuasa Syariah serta para ilmunan di Malaysia, terus memperkukuh agenda perkongsian ilmu dan kebudayaan Syariah kepada warga CBP, anggota koperasi, serta masyarakat umum. Usaha ini menegaskan bahawa Syariah bukan sekadar kerangka pematuhan, tetapi falsafah hidup yang mesti dihayati di semua peringkat organisasi dan komuniti.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN



Sebanyak 13 program telah dilaksanakan sebagai sebahagian daripada strategi pembudayaan ini, termasuk ceramah bersiri bersempena Ramadan, Program Pembudayaan Syariah, serta latihan Syariah untuk warga CBP di seluruh Malaysia. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman dan kesedaran, tetapi juga membentuk budaya kerja yang berteraskan nilai amanah, integriti dan keberkatan, selaras dengan prinsip *Al-Aman wa Al-Salam*.

Dengan pendekatan ini, CBP menegaskan peranan sebagai institusi kewangan Islam yang bukan sahaja memimpin dalam aspek teknikal dan operasi, tetapi juga mencorak minda, membina budaya dan memperkasa masyarakat melalui ilmu Syariah yang inklusif, mampan dan berwibawa.

Sebagai tambahan kepada usaha memperkukuh tadbir urus Syariah, CBP telah mencetuskan dan melaksanakan dua (2) siri *Shariah Masterclass* serta menerbitkan sebanyak 24 buletin *Shariah Quickbites* oleh Jabatan Syariah yang bertujuan memperkukuh kefahaman dan menghayati nilai-nilai Syariah dalam kalangan warga CBP.

Langkah-langkah ini mencerminkan komitmen CBP terhadap prinsip *Al-Aman wa Al-Salam*, dengan menekankan pembudayaan Syariah sebagai asas kepada keamanan, keyakinan dan kesejahteraan organisasi. Melalui pendidikan berterusan dan perkongsian ilmu, institusi ini memastikan nilai Syariah bukan sahaja difahami, tetapi juga diamalkan secara menyeluruh di

semua lapisan organisasi, sekali gus memperkukuh reputasi korporat dan kepercayaan pemegang taruh.

Pada 9 Oktober 2025 dan 3 November 2025, CBP telah menganjurkan Seminar Pematuhan Syariah Sektor Koperasi (SPSSK) di Ibis Hotel, dengan penyertaan lebih daripada 114 koperator pengamal industri koperasi. Seminar ini memberi pendedahan asas mengenai prinsip dan konsep Syariah dalam kewangan Islam, di samping menyediakan panduan praktikal untuk melaksanakan operasi yang mematuhi kehendak Syariah.

Penganjuran SPSSK ini menegaskan komitmen CBP dalam mendokong prinsip sinergi demi memperkukuh ekosistem koperasi yang patuh Syariah. Melalui perkongsian ilmu dan kefahaman mengenai peranan tadbir urus Syariah, seminar ini bukan sahaja meningkatkan kapasiti koperator, malah memperkukuh keyakinan, kestabilan dan kesejahteraan sektor koperasi selaras dengan matlamat *Al-Aman wa Al-Salam*. Langkah ini memperlihatkan peranan CBP sebagai peneraju dalam memperkasa industri koperasi melalui pembudayaan Syariah yang menyeluruh.

ASPEK FILANTROPI ISLAM

CBP mendokong prinsip kewangan Islam sosial serta konsep negara Madani, dengan beriltizam menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi Islam dan kesejahteraan umat. Melalui pengagihan wakalah zakat berjumlah RM1.8 juta,

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

sebahagian daripada inisiatif agihan, CBP telah menjalin kerjasama strategik bersama enam (6) Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) - Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Tabung Baitulmal Sarawak serta Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

Kerjasama ini memperlihatkan nilai filantropi Islam yang dipraktikkan secara sistematik, dengan sokongan kewangan signifikan bagi pelaksanaan pelbagai program berteraskan rangkuman nilai kemaslahatan *insaniah*, *Masalihi al-'ibad* serta ESG seperti program *Murtaziq Zira'ah*, *Matalib al-'Afiyah*, *Murtaziq Tijarah*, *Murtaziq Bahri*, *Qalbun Salim* dan *Itqan al-Huffaz*, yang telah memberi manfaat kepada 56 penerima. Langkah ini menegaskan komitmen CBP dalam mendokong prinsip sinergi demi memperkukuh ekosistem koperasi patuh Syariah, sekali gus menegaskan matlamat *Al-Aman wa Al-Salam* melalui keberkatan, kestabilan dan kesejahteraan yang berterusan.

CBP memperkukuh kedudukan sebagai institusi kewangan Islam berwibawa dengan menjalin kolaborasi strategik bersama Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta *Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia* (ASAS). Inisiatif ini merangkumi pelaksanaan program ilmiah dan pengiktirafan pelajar cemerlang, sekali gus memperkukuh ekosistem ilmu dalam sektor kewangan Islam.

Langkah ini mencerminkan nilai filantropi Islam dan dakwah ilmu yang dipraktikkan secara sistematik, di samping mendokong prinsip sinergi demi memperluaskan manfaat ilmu kepada masyarakat umum. Ia menegaskan komitmen CBP terhadap matlamat *Al-Aman wa Al-Salam* - menjadikan pembudayaan ilmu sebagai asas keberkatan, integriti dan kesejahteraan berterusan dalam industri koperasi dan pembangunan umat.

Sepanjang tahun 2025, CBP telah menyalurkan pengagihan wakalah zakat RM1.8 juta yang memberi manfaat kepada seramai 1,017 individu dan institusi, melalui rangkaian program berimpak tinggi yang menyentuh pelbagai lapisan masyarakat. Program ini merangkumi Bantuan Dakwah Masjid dan Surau, Bantuan Usahawan Asnaf, Dermasiswa Pengajian Tinggi Dalam Negara, Bantuan Pesakit Dialisis, Bantuan Persekolahan Asnaf, Bantuan kepada Nelayan dan Petani Fakir Miskin, Bantuan Asnaf Muallaf, Bantuan Asnaf Orang Kurang Upaya (OKU) serta Bantuan Kewangan kepada Penghafal Al-Quran.

Pengagihan ini bukan sekadar angka, tetapi bukti nyata bagaimana CBP mempraktikkan nilai filantropi Islam secara sistematik dan berstrategi. Ia memperkukuh prinsip sinergi dalam ekosistem koperasi, dengan menyalurkan sokongan kewangan yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan masyarakat. Langkah ini menegaskan peranan CBP sebagai institusi kewangan Islam yang beriltizam menegakkan matlamat *Al-Aman wa Al-Salam* - menjadikan keberkatan, kestabilan dan kesejahteraan sebagai teras pembangunan sosioekonomi Islam serta pengukuhan reputasi korporat yang berterusan.

Pelaksanaan program-program zakat mencerminkan komitmen teguh CBP dalam memastikan agihan wakalah zakat yang menyeluruh, telus dan berimpak tinggi, selari dengan keperluan semasa golongan asnaf. Sepanjang tahun 2025, daripada keseluruhan dana wakalah zakat yang terkumpul, 59% telah diagihkan kepada asnaf fakir miskin, 23% kepada asnaf fisabilillah, 17% kepada asnaf gharimin, manakala asnaf Muallaf dan Riqab masing-masing menerima 1% agihan. Angka ini bukan sekadar statistik, tetapi bukti nyata bagaimana CBP menggerakkan zakat sebagai instrumen strategik untuk memperkukuh kesejahteraan masyarakat.

Pada masa hadapan, CBP akan terus memperkasa kewangan Islam sosial melalui kaedah dan model khusus yang dirangka bagi menjadikan zakat sebagai pemacu pembangunan umat. Berlandaskan pedoman Saidina 'Umar: "*Apabila engkau memberi zakat, kayakanlah mereka*", institusi ini menegaskan bahawa zakat bukan sekadar bantuan sementara, tetapi mekanisme transformasi yang mengangkat asnaf keluar daripada daerah kefakiran. Inilah manifestasi nilai filantropi Islam yang dipraktikkan secara sistematik, mendokong prinsip sinergi dalam ekosistem koperasi, dan menegakkan matlamat *Al-Aman wa Al-Salam* menjadikan keberkatan, kestabilan dan kesejahteraan sebagai teras pembangunan sosioekonomi Islam serta pengukuhan reputasi korporat yang berterusan.

GERBANG INOVASI - BAI' MANFAAH

Penumpuan utama penyelidikan Syariah pada tahun 2025 adalah menyelidiki secara mendalam alternatif bagi menyokong usaha mitigasi risiko baharu, dengan matlamat memperkukuh pemahaman serta pelaksanaan prinsip Syariah dalam produk dan perkhidmatan kewangan. Langkah ini diambil untuk memastikan keberkesanan serta kepatuhan terhadap nilai-nilai Syariah dalam persekitaran kewangan yang dinamik, di samping memperkukuh daya tahan perbankan Islam terhadap risiko evolusi fatwa dan mengurangkan kebergantungan tunggal kepada *Tawarruq*.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

Pada 25 Ogos 2025, CBP telah melakar sejarah apabila mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk memperkenalkan Konsep *Bai' Manfaah Li Al-Amir bi Al-Syira'* (BMPO), menjadikan CBP sebagai institusi pertama di pasaran yang memperkenalkan konsep inovatif ini secara berstruktur.

Konsep tersebut telah dibentangkan oleh Ketua Jabatan Syariah Al-Fadhil Ustaz Mohd Fazli Masri dan Pengerusi JKS Prof. Dr. Mushaddad Hasbullah dalam Majlis Jawatankuasa Penasihat Syariah Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 9 Julai 2025 yang dipengerusikan oleh Al-Fadhil Ustaz Burhanuddin bin Lukman, Encik Abu Hassan Alshari bin Yahaya, Datuk Prof. Dr. Ashraf Md. Hashim, Prof. Datin Dr. Rusni binti Hassan dan Prof. Dr. Zurina binti Shafii.

Kelulusan ini bukan sekadar inovasi produk, tetapi simbol kepimpinan strategik CBP dalam memperkasa kewangan Islam serta menegakkan matlamat *Al-Aman wa Al-Salam* menjadikan keberkatan, kestabilan dan kesejahteraan serta keamanan sebagai teras pembangunan kewangan Islam.

ASPEK PENYELIDIKAN SYARIAH

CBP mencatat pencapaian berprestij apabila Kajian Penyelidikan Dana Zakat bagi Melunaskan Hutang Si Mati berjaya dilaksanakan, dibentangkan di persidangan antarabangsa dan diterbitkan dalam jurnal ilmiah berindeks. Selain itu, Kajian Penyelidikan Analisis Implikasi Syariah terhadap Dagangan Komoditi bagi Pelaksanaan *Tawarruq* dari sudut Perlesenan Dagangan Komoditi turut berjaya dibangunkan dengan cemerlang.

Pencapaian ini menegaskan reputasi CBP sebagai institusi yang bukan sekadar melaksanakan penyelidikan, tetapi juga memperkukuh integriti Syariah melalui kajian yang berakar pada nilai *Maqasid Syariah*, prinsip *Al-Aman wa Al-Salam*, dan *masalih al 'ibad*.

Kajian tersebut membuktikan bahawa kewangan Islam mampu menjadi wahana yang menjaga kemaslahatan umat, membawa ketenangan dan kesejahteraan, serta memastikan manfaat ekonomi dan sosial sampai kepada semua golongan.

Dengan itu, imej korporat CBP diperkukuh sebagai institusi kewangan Islam yang berwibawa di pentas penyelidikan memposisikan Syariah bukan sekadar kerangka pematuhan, tetapi sebagai falsafah pembangunan ekonomi inklusif, mampan dan bernilai tinggi.

ASPEK RESOLUSI SYARIAH

Sepanjang tahun 2025, CBP telah memperkukuh peranan sebagai institusi kewangan Islam yang berwibawa dengan rekod 13 mesyuarat Syariah, meliputi sesi berjadual dan khas, sekali gus melepasi had minimum yang ditetapkan pengawal selia. Daripada keseluruhan mesyuarat tersebut, sebanyak 96 resolusi Syariah penting telah diputuskan secara rasmi, setiap satunya mencerminkan komitmen terhadap prinsip *maqasid Syariah* dalam memastikan keadilan, keberkatan dan kesejahteraan umat.

Pada masa yang sama, CBP turut menambah nilai dengan penerbitan Kompilasi Resolusi Syariah edisi ke-5 pada tahun 2025, menjadikan keseluruhan 481 resolusi Syariah telah direkodkan sejak 2019. Kejayaan ini bukan sekadar pencapaian dalaman, tetapi bukti konsistensi dalam menjaga amanah dan integriti, sekaligus menegaskan peranan CBP sebagai institusi yang berfungsi sebagai penjaga nilai Syariah dan penggerak kepada matlamat *Al-Aman wa Al-Salam* - menjadikan keberkatan, kestabilan dan kesejahteraan sebagai teras pembangunan sosioekonomi Islam.

ASPEK ESG, VBI, ETIKA DAN MAQASID SYARIAH

Penilaian Syariah CBP mendapati tiada pelanggan yang menerima pembiayaan menjalankan aktiviti bercanggah dengan hukum hakam Syariah, prinsip *Maqasid Syariah*, kerangka ESG (*Environmental, Social, Governance*) dan VBI (*Value-Based Intermediation*), serta etika dan reputasi. Lebih daripada itu, penilaian turut menunjukkan bahawa aktiviti kewangan Islam yang dijalankan oleh CBP telah menyumbang baik kepada kecairan pasaran, merancakkan ekonomi runcit, memberi peluang kedua untuk pemulihan kewangan pelanggan, serta mencetuskan aliran tunai inklusif dalam ekonomi.

Kesan paling signifikan ialah sebahagian pelanggan berjaya dibebaskan daripada cengkaman pembiayaan tidak beretika berasaskan riba, sekali gus mengembalikan mereka kepada landasan kewangan yang halal dan berkat. Dengan itu, manfaat ekonomi tidak berlegar hanya pada golongan elit atau berpendapatan tinggi, tetapi digerakkan secara organik di semua peringkat masyarakat, selaras dengan kehendak Syariah bahawa harta mesti beredar dan memberi manfaat kepada semua.

Inilah yang memenuhi prinsip *Maqasid Syariah* dan roh *Al-Aman wa Al-Salam* - membawa keberkatan, ketenangan, keamanan dan kesejahteraan dalam pembangunan sosioekonomi Islam yang mampan, serta menegaskan peranan CBP sebagai institusi kewangan Islam yang bukan sahaja mematuhi Syariah, tetapi juga membebaskan, memulihkan dan memperkasa umat.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

PRINSIP AL-AMAN WA AL-SALAM

CBP memperkukuh penilaian Syariah dengan menelusuri satu konsep inklusif yang mengintegrasikan VBI (*Value Based Intermediation*), ESG (*Environmental, Social, Governance*) dan *Maqasid Syariah*. Namun dengan penuh keyakinan, CBP menegaskan bahawa ESG dan VBI hanyalah unsur kecil daripada falsafah besar Syariah yang berteraskan *Al-Aman wa Al-Salam*.

Konsep inklusif *Al-Aman wa Al-Salam* ini memperkenalkan tiga teras utama - *ḥabl min Allah*, *ḥabl min al nās* dan *ḥabl min al 'ālam* - sebagai asas penilaian Syariah yang seimbang, mampan dan berwibawa. Dengan pendekatan ini, CBP menegaskan bahawa kepatuhan Syariah bukan sekadar pematuhan teknikal, tetapi falsafah menyeluruh yang memastikan:

- Hubungan dengan Allah SWT sebagai sumber keberkatan dan amanah,
- Hubungan dengan manusia sebagai asas keadilan sosial dan kesejahteraan,
- Hubungan dengan alam sebagai teras kelestarian dan kemaslahatan sejagat.

Inilah yang menjadikan ESG dan VBI bukan sekadar kerangka asas, tetapi cabang kecil daripada prinsip Syariah yang lebih agung, iaitu *Al-Aman wa Al-Salam* - mensasarkan matlamat membawa ketenangan, keamanan dan kesejahteraan sebagai teras pembangunan sosioekonomi Islam yang inklusif dan mampan.

PERBENDAHARAAN

Jabatan Perbendaharaan (TYD) terus memainkan peranan strategik dalam memastikan pengurusan dana dan kecairan dilaksanakan secara berhemat dan holistik bagi menyokong pertumbuhan aset pembiayaan serta aktiviti pelaburan CBP. Pendekatan pengurusan yang diguna pakai mengambil kira keseimbangan antara keperluan kecairan jangka pendek, kestabilan pendanaan jangka sederhana dan panjang serta optimasi kos dana.

Sepanjang tahun 2025, TYD memanfaatkan sumber pendanaan sedia ada secara strategik merangkumi Deposit-i Berjangka (D-iB), Kemudahan Kredit Berputar-i (*Revolving Credit-i*) serta *Collateralised Commodity Murabahah* (CCM). Setakat 31 Disember 2025, portfolio CCM mencatat peningkatan penggunaan sebanyak RM1.53 bilion iaitu pertumbuhan 42% berbanding RM1.08 bilion pada tahun sebelumnya. Prestasi ini mencerminkan keberkesanan strategi mobilisasi aset TYD dalam memperkukuh kedudukan pembiayaan dan memastikan kecairan yang mampan.

Dalam usaha mengukuhkan jaringan pasaran antara bank, TYD telah memperluas rangkaianannya bersama 17 institusi Kewangan, dengan had penempatan berjumlah RM6.20 bilion. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada strategi dalam persediaan CBP memohon status “*Interbank Player*” daripada Bank Negara Malaysia.

Dari sudut pengurusan pelaburan, portfolio Sukuk berkembang 42% kepada RM2.91 bilion berbanding RM2.05 bilion pada tahun sebelumnya. Strategi pelaburan yang berfokus telah berjaya memaksimumkan pulangan melalui kombinasi pendapatan kupon dan realisasi keuntungan modal, menyumbang kepada peningkatan pendapatan sebanyak RM34.56 juta kepada RM116.06 juta (2024: RM81.50 juta).

Bagi memperkukuh profil kematangan pendanaan, cadangan terbitan *Structured Covered Sukuk* akan direalisasikan pada tahun 2026 sebagai langkah memperluaskan sumber pendanaan jangka panjang dan mengimbangi konsentrasi kepada dana jangka pendek. Pada April 2025, penarafan Institusi Kewangan (*FI Rating*) Bank telah disahkan semula pada A3/P2 with *Stable Outlook* oleh *RAM Ratings*, mencerminkan kekuatan asas kewangan serta penambahbaikan berterusan dalam aspek tadbir urus dan pematuhan.

Aktiviti pemasaran telah diperkukuh melalui pelaksanaan inisiatif *Commercial Client Coverage Team* (CCCT) yang melibatkan cabang *Sales Team* di bawah *Commercial Division*. Inisiatif yang dirancang telah berjaya meningkatkan jumlah pendeposit baharu sebanyak 40 organisasi dengan nilai deposit terkumpul berjumlah RM557.11 juta. Ianya mencerminkan keberkesanan strategi pengurusan hubungan pelanggan yang dilaksanakan secara inklusif dan menyeluruh. Dalam tempoh yang sama, inisiatif ini turut menyumbang kepada peningkatan pendapatan berasaskan fi oleh *Wealth Management Department* (WMD), di samping memperkukuh pengurusan keanggotaan yang dilaksanakan dengan lebih sistematik oleh *Membership & Investor Relations Department* (MIR).

Bagi komitmen sebagai Pengurus Dana ADK-KWRS, TYD telah melengkapkan pembangunan Modul ADK-KWRS dalam sistem ALPHA pada Januari 2025. Sistem ini menyatukan perekodan data koperasi dalam sistem perbankan teras (FIRST) serta mengautomasi pengiraan dan pengagihan pulangan kepada pihak berkepentingan, selaras dengan kehendak tatakelola kewangan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Sehingga 31 Disember 2025, sebanyak 1,690 koperasi telah mendeposit KWRS dengan jumlah terkumpul RM524.04 juta, berbanding 903 koperasi dan RM354.10 juta pada tahun sebelumnya.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

TYD turut memperkukuh aspek daya tahan operasi melalui pelaksanaan dan pengujian berkala *Business Continuity Plan* (BCP) termasuk kesiapsiagaan *Disaster Recovery Centre* (DRC). Pelbagai simulasi senario BCP telah dilaksanakan bagi menguji tahap kesediaan DRC, TYD yang terletak di Putrajaya. Dokumen BCP khusus untuk TYD yang memperincikan langkah-langkah perlu bagi memastikan operasi dan kelangsungan perniagaan tidak terganggu semasa Pelan Kesenambungan Perniagaan diaktifkan juga telah dipekelilingkan pada November 2025.

Inisiatif serta usaha pengukuhan operasi yang dilaksanakan oleh TYD secara berterusan mencerminkan komitmen teguh dalam menyokong pelaksanaan Pelan Transformasi Future-30 (F-30) yang berteraskan Kelestarian Kewangan, Kecemerlangan Operasi, Pendigitalan dan Inovasi, Pembangunan Bakat serta ESG.

TYD kekal komited untuk memastikan pengurusan dana yang mampan melalui pelaksanaan strategi pelaburan yang berkesan bagi mengoptimumkan penajaan pulangan. Di samping itu, TYD terus memberi penekanan terhadap aspek pematuhan serta memelihara hubungan strategik yang baik dengan pihak pengawal selia dan rakan niaga dalam usaha menyokong pertumbuhan menyeluruh perniagaan CBP.

MODAL SYER & KEANGGOTAAN CBP 2025


Prestasi modal syer anggota CBP

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, modal syer anggota merekodkan jumlah RM1.60 bilion menurun 1.32% atau RM21.48 juta berbanding RM1.62 bilion pada tahun 2024. Penurunan ini disebabkan oleh pemberhentian anggota dan pengeluaran syer, pelan pemutihan ke atas anggota yang tidak cukup syer minimum, penutupan penerimaan anggota baharu Individu dan penutupan tambahan syer sepanjang tahun 2025.

Kedudukan modal syer anggota CBP mengikut kategori

Modal syer anggota Individu merekodkan penurunan 1.52% atau RM21.02 juta pada tahun 2025 dengan baki berjumlah RM1.36 bilion (2024 : RM1.38 bilion). Modal syer anggota Koperasi dalam tahun yang dinilai juga merekodkan penurunan sebanyak 0.24% atau RM0.59 juta dengan baki berjumlah RM244.30 juta (2024 : RM244.89 juta).

Komposisi Modal Syer



Perbandingan Modal Syer antara 2025 dan 2024

	2024 (RM)	2025 (RM)	YTD (RM)	YTD (%)
Individu	1.38 Bilion	1.36 Bilion	(21.02 Juta)	(1.52%)
Koperasi	244.89 Juta	244.3 Juta	(0.59 Juta)	(0.24%)
Jumlah	1.63 Bilion	1.60 Bilion	(21.48 Juta)	(1.32%)

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

Bilangan anggota CBP mengikut kategori

Secara keseluruhan, jumlah anggota pada tahun 2025 adalah 92,938, menurun 4.22% atau 4,098 anggota berbanding tahun 2024 (97,036 anggota). Dari segi pecahan keanggotaan mengikut kategori pula, jumlah anggota Individu yang direkodkan adalah 91,968 orang menurun 4.28% atau 4,114 orang pada tahun 2025 (2024 : 96,082 orang). Bagi anggota Koperasi meningkat sebanyak 1.68% atau 16 buah menjadikan 970 Koperasi dalam tahun 2025 (2024 : 954 Koperasi).

Perbandingan Bilangan Anggota CBP antara 2025 dan 2024

	2024	2025	YTD	YTD
Individu	96,082	91,968	(4,114)	(4.28%)
Koperasi	954	970	16	1.68%
Jumlah	97,036	92,938	(4,098)	(4.22%)

Pelan pemutihan anggota tidak cukup syer minimum

Selaras dengan pematuhan Undang-undang Kecil (UUK) 13A, CBP kini sedang mempergiatkan usaha untuk meminimumkan jumlah anggota yang tidak cukup syer minimum tertumpu kepada anggota-anggota yang diluluskan keanggotaannya sebelum tahun 2020.

Sehingga 31 Disember 2025, seramai 22,093 anggota Individu dan 39 Koperasi masih tidak mencukupkan syer minimum masing-masing selaras dengan peruntukan UUK CBP yang telah diluluskan sejak tahun 2018 (RM1,000 bagi Individu ; RM5,000 bagi Koperasi).

Tahun Keanggotaan	Individu <1000		Koperasi <5000	
	Bil.	RM	Bil.	RM
< 1990	34	24,719.29	-	-
1990 -1999	322	238,113.51	-	-
2000 - 2009	4,768	3,399,573.14	4	15,740.00
2010 - 2019	16,969	9,921,033.29	35	115,100.00
Jumlah	22,093	13,583,439.23	39	130,840.00

“

Jumlah anggota CBP
adalah sebanyak

92,938

anggota yang terdiri
daripada anggota
Individu dan Koperasi

”

LAPORAN KEMAMPAHAN
DAN ANALISA PENGURUSAN

Bayaran manfaat anggota melalui peruntukan Kumpulan Wang Kebajikan Anggota (KWKA)

Bermula 1 Januari 2025, CBP telah melancarkan Portal CBP-OnE sebagai platform yang membolehkan anggota mendapatkan maklumat keanggotaan masing-masing secara holistik dan memudahkan anggota memohon skim manfaat keanggotaan CBP.

Lanjutan dari itu, CBP telah membayar manfaat skim kebajikan anggota melalui peruntukan Kumpulan Wang Kebajikan Anggota berjumlah RM469,840 pada tahun 2025 merangkumi pelbagai kategori skim manfaat.

Perbandingan Bayaran Skim Manfaat antara 2025 dan 2024

Bil. Skim Manfaat	Jumlah Bayaran (RM)	
	2024	2025
1 Skim Salam Khairat	372,000	364,500
2 Skim Prihatin Bencana Alam	7,000	9,800
3 Skim Medik/Skim Medik Plus	17,860	-
4 Skim Medik	-	4,570
5 Skim Medik Plus	-	7,900
6 Dermasiswa Kecemerlangan SPM/Dermasiswa Ijazah Sarjana Muda	88,000	-
7 Dermasiswa Kecemerlangan SPM	-	8,000
8 Dermasiswa Ijazah Sarjana Muda	-	72,000
9 Skim Ibadah Haji	-	3,000
10 Saguhati 20 Tahun Keanggotaan & Kursus	37,469	-
Jumlah	522,329	469,770

Pembangunan Portal untuk kemudahan anggota CBP

CBP sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang professional dan terbaik kepada anggota-anggota dengan membangunkan beberapa portal khusus untuk kemudahan semua anggota CBP.

Bil. Portal	Fungsi
1 Portal CBP-OnE (cbp-one.cbp.com.my)	Anggota boleh menyemak profil keanggotaan, penyata bayaran dividen dan mengemukakan apa-apa permohonan berkaitan keanggotaan tanpa perlu ke cawangan CBP.
2 Portal MAK CBP (mak.cbp.com.my)	Portal khas untuk Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) merangkumi keseluruhan proses pelaksanaan MAK.
3 Portal MAPT CBP (mapt.cbp.com.my)	Portal khas untuk Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) merangkumi keseluruhan proses pelaksanaan MAPT.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN



Prospek

Melangkah ke hadapan, CBP terus kekal optimis dan akan sentiasa menambah baik mutu perkhidmatan kepada para anggota dengan iltizam untuk memastikan pertumbuhan pulangan yang berterusan dan peningkatan nilai dalam jangka panjang.

CBP - MEMPERKASAKAN KOMUNITI, MEMPERKUKUKKAN NILAI

Sejajar dengan pencapaian prestasi kewangan yang positif, CBP terus memperkasakan komuniti serta memperkukuhkan nilai-nilai teras yang termaktub dalam moto CBP sebagai satu organisasi. CBP terus menekankan aspek kepentingan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam lima teras utama perancangan strategik dan operasi perniagaan. Pelaksanaan elemen ESG terus diperkasakan di dalam Pelan Strategik Lima Tahun CBP, Future 2030 (F-30) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi (ALK) Bil. 11/2025. Pelan ini menetapkan hala tuju CBP bagi tahun 2026 hingga 2030 dengan objektif memastikan pertumbuhan yang berdaya tahan, inklusif serta bertanggungjawab, sejajar dengan unjuran ekonomi negara serta tren industri semasa, termasuk pendigitalan, kos operasi yang efektif, dan ekspektasi pemegang taruh terhadap kelestarian CBP.

F-30 disusun berdasarkan lima (5) teras utama: Kelestarian dan Keterangkuman Kewangan, Kecemerlangan Operasi, Pendigitalan dan Inovasi, Pembangunan Bakat, dan ESG. Dalam pelaksanaannya, CBP memberi fokus kepada pengukuhan asas teras perbankan, penambahbaikan tadbir urus dan pengurusan risiko, peningkatan kualiti aset, percepatan inisiatif digital, serta penawaran penyelesaian kewangan berteraskan keperluan anggota dan pelanggan. Jabatan Pengurusan Strategik memainkan peranan penting dalam menyelaraskan, memantau, dan menilai pelaksanaan F-30, memastikan penyelarasan antara sasaran strategik, Petunjuk Prestasi Utama (KPIs), inisiatif jabatan, serta penilaian risiko dalaman dan luaran yang berpotensi menjejaskan pencapaian objektif strategik CBP.

Sejajar dengan komitmen terhadap aspek ESG, CBP merancang memperkenalkan Rangka Kerja ESG selewat-lewatnya pada akhir tahun 2026.

Pada April 2025, semua warga ibu pejabat CBP telah ditempatkan di ibu pejabat baharu CBP yang terletak di Kampung Bharu, Kuala Lumpur. Perpindahan ke bangunan 13 tingkat, Wisma Co-opbank Pertama, memudahkan pengurusan dan operasi kerana semua jabatan kini beroperasi dalam satu premis yang sama.

Perpindahan ini bukan sahaja menjadi satu kebanggaan bagi warga kerja CBP, malah juga bagi semua anggota CBP. Ibu pejabat baharu ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti kemudahan ATM, kafe, kedai serbaneka, gimnasium dan sebagainya, yang secara langsung meningkatkan keselesaan dan kemudahan untuk warga CBP serta pelanggan.

Majlis perasmian Wisma Co-opbank Pertama telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, mewakili YAB Perdana Menteri pada 10 Julai 2025, dalam satu majlis yang penuh berprestij.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Bagi memastikan jenama CBP terus kukuh di pasaran kewangan, Jabatan Komunikasi Korporat (COM) telah menyusun dan menjalankan pelbagai aktiviti pengiklanan, pemasaran dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) sepanjang tahun 2025. Usaha pemasaran jenama dilakukan secara menyeluruh melalui radio, televisyen, akhbar, media sosial, ekspo dan pameran.

Seiring dengan itu, CBP turut melaksanakan penjenamaan semula dan *station domination* di Stesen LRT Kampung Bharu, yang kini dikenali sebagai Stesen Kampung Bharu CBP, selaras dengan lokasi ibu pejabat baharu CBP.

Selain itu, CBP menghargai kerjasama rakan-rakan media dengan menganjurkan Karnival Sukan CBP Bersama Media, yang secara langsung menyokong usaha penjenamaan dan memperkukuhkan imej CBP di mata masyarakat.

Dalam konteks tanggungjawab sosial korporat (CSR), CBP telah menjalankan program CSR 2025 yang strategik, berstruktur, dan bersasar, dengan tujuan memperkukuh hubungan dengan komuniti, meningkatkan kesejahteraan sosial, serta memupuk kesedaran sivik di seluruh Malaysia. Program ini dirancang dalam pelbagai fasa sepanjang tahun 2025:

1. Mac 2025 - Agihan Bubur Lambuk

Dilaksanakan sempena bulan Ramadan, menyokong SDG 2 (Tiada Kelaparan) dan SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan), memberikan bantuan nutrisi kepada komuniti tempatan sambil memperkukuh hubungan masyarakat dan nilai kebajikan CBP.

2. Mei 2025 - Program Agihan Apron Sekitar Wisma CBP

Memberi sokongan praktikal kepada pekerja, sukarelawan, dan komuniti setempat, selaras dengan nilai inklusiviti dan tanggungjawab sosial, serta memperkenalkan CBP sebagai institusi prihatin terhadap kesejahteraan dan keselamatan komuniti terutama dalam penyediaan makanan yang baik.

3. Jun 2025 - Jelajah Masjid Terpilih Setiap Negeri

Menyokong SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan), memperkukuh institusi keagamaan sebagai pusat komuniti melalui pengagihan sumbangan, sokongan pendidikan, dan aktiviti pembangunan sosial. Program ini meningkatkan kesedaran tentang peranan CBP dalam menyokong masyarakat berbilang agama.

4. Julai 2025 - CSR di Zoo Melaka

Menekankan pendidikan alam sekitar dan pemuliharaan hidupan liar, selaras dengan SDG 13 (Tindakan terhadap Perubahan Iklim) dan SDG 15 (Kehidupan di Darat), serta meningkatkan kesedaran sivik dan tanggungjawab ekologi dalam kalangan peserta dan komuniti setempat.

5. Ogos 2025 - Bayi Merdeka dan Hari Malaysia

Menyatukan semangat patriotik dan inklusiviti, memupuk perpaduan nasional sambil memberikan sumbangan kepada komuniti dan memperkukuh reputasi CBP sebagai institusi yang aktif dalam pembangunan sosial negara.

6. Oktober 2025 - Aktiviti pembersihan pantai

Warga CBP terlibat di dalam aktiviti pembersihan pantai di Pantai Draw Bridge, Kuala Terengganu dengan kerjasama Geng Plastik Hijau yang menggabungkan kesedaran kesihatan, pendidikan, dan pembangunan sosial, selaras dengan SDG 3 dan SDG 4, mempromosikan gaya hidup sihat, keterangkuman, dan pemeraksanaan komuniti melalui aktiviti pendidikan interaktif.

Setiap program CSR dibiayai melalui dana khusus yang telah diperuntukkan dalam perancangan kewangan tahunan CBP, dengan pengurusan yang telus, bertanggungjawab, dan diaudit secara berkala bagi memastikan keberkesanan dan pematuhan.

Secara keseluruhan, program CSR CBP 2025 bukan sahaja menyumbang kepada masyarakat dan alam sekitar, tetapi juga memperkukuh budaya kerja bersepadu, meningkatkan reputasi jenama, mempertingkatkan moral dan kerjasama antara jabatan, serta memastikan ketelusan dan pematuhan pelaporan.

Rancangan Jangka Panjang

CBP berhasrat untuk terus memperluas dan meningkatkan skala CSR melalui inisiatif yang lebih berstruktur, merangkumi seluruh negara, selaras dengan F-30, ESG, dan SDGs. Pendekatan ini menekankan kesinambungan, keberkesanan, dan impak yang bermakna, memastikan CBP kekal sebagai institusi kewangan koperasi yang bertanggungjawab, berdaya tahan, dan berfokus kepada pembangunan masyarakat serta kelestarian alam sekitar.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

Pengukuhan Infrastruktur ICT

Pengukuhan infrastruktur ICT merupakan strategi yang dirancang untuk menyokong operasi perniagaan dan perbankan CBP. Elemen utama pengukuhan infrastruktur ICT adalah dengan menilai keupayaan sebenar setiap perkakasan, perisian, rangkaian dan perkhidmatan sokongan bagi memastikan infrastruktur ICT di CBP berdaya tahan dan mapan.

Pengukuhan infrastruktur ini merangkumi pengembangan infrastruktur ICT, peningkatan kelajuan rangkaian, pemasangan sandaran berteknologi tinggi, perlindungan data pelanggan serta pemantauan berkala untuk menjamin prestasi optimum dan keselamatan siber terjamin. Strategi yang dirancang ini dapat meningkatkan operasi perniagaan dan perbankan CBP setaraf dengan institusi-institusi perbankan yang lain.

Tadbir Urus dan Keselamatan ICT CBP

Bagi menyokong pertumbuhan dan kemampaan ekosistem digital yang semakin berkembang, infrastruktur Teknologi Maklumat (IT) CBP telah dipertingkatkan secara berterusan selaras dengan keperluan operasi dan perniagaan. Penambahbaikan meliputi aspek rangkaian, perkakasan dan perisian, termasuk pengukuhan kawalan keselamatan bagi memastikan akses kepada sistem dan rangkaian adalah terkawal dan selamat. Inisiatif-inisiatif ini dilaksanakan selaras dengan keperluan *Risk Management in Technology* (RMiT) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Di samping itu, keselamatan ICT turut diperkasakan, bagi menangani pelbagai ancaman siber di samping melindungi aset serta maklumat kritikal organisasi. Seiring dengan peningkatan penggunaan saluran digital, keselamatan aplikasi mudah alih turut diberi keutamaan melalui pelaksanaan kawalan keselamatan aplikasi yang komprehensif bagi melindungi integriti aplikasi, keselamatan komunikasi dan data pelanggan.

Transformasi Digital CBP

Memperkuh agenda transformasi digital CBP melalui pelaksanaan serta penambahbaikan perkhidmatan perbankan digital. Inisiatif utama termasuk pelaksanaan platform Perbankan Dalam Talian (HELOCBP) serta pengenalan kemudahan *electronic Know-Your-Customer* (eKYC) bagi membolehkan pelanggan mendaftar perbankan dalam talian secara digital dengan lebih selamat dan efisien.

Dalam tempoh yang sama, salah satu pencapaian penting CBP adalah melalui penyertaan dalam ekosistem *Real-time Retail Payments Platform* (RPP) di Malaysia. Penyertaan ini membolehkan CBP menjadi sebahagian daripada rangkaian pembayaran masa nyata serta memperkuh keupayaan perkhidmatan dan pembayaran digital yang lebih cekap, selamat dan inklusif.

Peningkatan Kecekapan Operasi dan Produktiviti

Pelaksanaan teknologi melalui penggunaan sistem digital, automasi proses kerja serta platform dalam talian telah menyumbang kepada peningkatan kecekapan operasi dan produktiviti. Inisiatif pendigitalan dokumen serta penggunaan sistem bersepadu turut mengurangkan kebergantungan terhadap dokumen fizikal dan penggunaan kertas. Pendekatan ini bukan sahaja mempercepatkan proses penyampaian perkhidmatan, malah menyokong amalan kerja yang lebih cekap, mampan dan mesra alam dalam memperkuh transformasi digital serta memastikan kelangsungan operasi yang berdaya tahan.

MEMPERKASA GERAKAN KOPERASI DAN KORPORAT

Pada tahun kewangan 2025, *Cooperative & Corporate Banking* (CCB) telah meluluskan permohonan pembiayaan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM349.76 juta. Daripada keseluruhan jumlah kelulusan ini, kelulusan kepada sektor koperasi adalah sebanyak RM152.72 juta, manakala pembiayaan kepada sektor korporat adalah sebanyak RM197.04 juta. Jumlah yang dicatatkan ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 37.68% dari tahun kewangan 2024 (jumlah kelulusan yang dicatatkan adalah RM254.04 juta).

Sebanyak 44 kelulusan pembiayaan baharu telah direkodkan pada tahun 2025. Perkembangan ini menunjukkan produk pembiayaan yang ditawarkan semakin menjadi pilihan daripada sektor koperasi dan korporat. Sehingga 31 Disember 2025, jumlah pengeluaran pembiayaan adalah berjumlah RM166.64 juta dengan masing-masing dari koperasi (RM75.47 juta) dan korporat (RM91.16 juta).

Selain dari itu, peratusan baki kasar pembiayaan sehingga 31 Disember 2025 telah direkodkan sebanyak RM465.14 juta dengan masing-masing sebanyak RM163.98 juta bagi sektor koperasi dan RM301.16 juta untuk sektor korporat yang diambilkira daripada keseluruhan portfolio CCB.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN



CBP juga kekal komited dalam mengembangkan peranan sebagai bank koperasi terutama kepada sektor Koperasi Kredit dengan melanjutkan tawaran Skim Pembiayaan COSTART yang telah dilancarkan pada bulan November 2023 dengan nama baru, Skim Pembiayaan COSTART Plus. Skop skim pembiayaan ini juga turut diperluaskan kepada semua koperasi kredit yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Di bawah skim pembiayaan ini, penambahan dana pembiayaan sebanyak RM15.0 juta telah diperuntukan daripada dana pembiayaan asal sebanyak RM10.0 juta menjadikan dana pembiayaan keseluruhan sebanyak RM25.0 juta bagi membantu pertumbuhan koperasi - koperasi kredit yang berkecayaan bagi menjana sektor ekonomi koperasi di seluruh negara.

Berdasarkan perkembangan semasa, CCB turut menawarkan secara aktif pembiayaan secara Kredit Pusingan kepada koperasi-koperasi yang terlibat di dalam aktiviti perniagaan Ar Rahnun bagi membantu keperluan dana kepada koperasi bagi menghadapi kerancakan industri perniagaan emas khususnya perniagaan Ar Rahnun mutakhir ini.

Bagi sektor korporat, CCB juga komited dalam merangka strategi pembiayaan kepada sektor perkhidmatan terutamanya dalam industri teknologi maklumat dengan pengkhususan kepada kontrak-kontrak kerajaan dengan menawarkan terma yang kompetitif dan mampu bersaing dengan institusi-institusi kewangan yang lain. Sehingga 31 Disember 2025, CCB telah mencatatkan kelulusan Pembiayaan i-Kontrak berjumlah RM344.91 juta dengan nilai kontrak yang berjumlah RM510.87 juta.

Secara keseluruhan, pertumbuhan portfolio pembiayaan CCB bagi tahun kewangan 2025 telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Perkembangan yang positif ini telah didorong hasil pelaksanaan aktiviti pemasaran yang proaktif serta penilaian kredit yang mampan bagi menyokong pertumbuhan bagi kedua-dua sektor koperasi dan korporat.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

KEPELBAGAIAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN BERASASKAN FI

Tahun 2025 merupakan tahun penting dan mencabar bagi *Wealth Management Department* (WMD) untuk terus menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan berasaskan fi kepada para pelanggan, anggota dan warga CBP. Jabatan ini terus memainkan peranan strategik dalam menyumbang pendapatan fi kepada CBP melalui segmen kredit, langsung, berkelompok dan digital. Pelbagai produk, perkhidmatan, kempen pemasaran dan inisiatif komuniti telah dilaksanakan bagi memenuhi aspirasi bank secara efisien dan efektif.

1. Prestasi Kewangan Mampan

Pada tahun kewangan 2025, pendapatan fi mencatatkan sebanyak RM20.31 juta penerimaan fi kasar, meningkat sebanyak RM4.33 juta atau 27% berbanding RM15.98 juta pada tahun 2024. Peningkatan ini didorong oleh:

- Kempen pemasaran yang berkesan.
- Pelancaran produk baharu yang relevan dan inklusif
- Pendekatan pengedaran yang lebih cekap melalui saluran digital dan rakan strategik
- Penglibatan langsung warga CBP

2. Inovasi Produk & Penyelesaian Pelanggan

WMD terus berkerjasama dengan rakan strategiknya untuk melancarkan produk-produk baharu yang sejajar dengan agenda keseimbangan sosial dan ekonomi. Beberapa produk baharu yang berorientasikan perancangan kewangan jangka pendek dan panjang pelanggan adalah :

1. CBP Hibah Hartanah

Penyelesaian perancangan harta patuh Syariah bagi memastikan pemindahan aset yang teratur dan berkesan kepada waris.

2. Takaful CBP Travel

Perlindungan perjalanan yang komprehensif bagi menyediakan percutian dan perjalanan yang lancar dan penuh ketenangan kepada pelanggan.

3. Takaful CBP Protect (Edisi Digital)

Produk perlindungan kemalangan diri mampu milik yang telah disediakan berasaskan platform digital bagi memudahkan akses, langganan dan pembayaran secara dalam talian.

4. CBP WasiatKu

Perkhidmatan penulisan wasiat komprehensif patuh Syariah yang direka khusus untuk pelanggan dan anggota CBP menggunakan jenama sendiri bagi memperkukuh perancangan legasi pelanggan.

Pengenalan produk-produk baharu ini menyokong keterangkuman kewangan serta meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan perlindungan dan perancangan harta di kalangan pelanggan.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

3. Kolaborasi Strategik & Ekosistem Industri

Bagi menyediakan prasarana produk dan perkhidmatan yang efisien dan pantas, WMD telah menjalinkan kolaborasi dengan rakan strategik yang mempunyai pelbagai latarbelakang dan pengalaman di dalam pasaran. Kerjasama strategik ini membolehkan CBP menawarkan produk dan perkhidmatan setanding dengan institusi kewangan lain dalam masa yang singkat.

Di antara rakan strategik baru yang diperkenalkan di dalam tahun 2025 adalah :

1. Etiqa General Takaful

Kolaborasi strategik bagi pengembangan penawaran produk takaful perjalanan yang menarik melalui platform digital iaitu Takaful CBP Travel.

2. MyANGKASA Amanah Berhad

Kerjasama menawarkan produk Hibah Hartanah tidak bercagar bagi pelanggan bagi merancang Pengurusan Legasi kepada waris atau penerima.

Kerjasama ini bukan sahaja memperluas rangkaian produk, malah meningkatkan kecekapan operasi dan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

4. Inisiatif Keterlibatan Komuniti & Impak Sosial

Sebagai sebahagian daripada komitmen kemampanan sosial, WMD telah melaksanakan inisiatif keterlibatan komuniti yang menyasarkan masyarakat setempat, khususnya di kawasan sekitar Kampung Bharu. Pendekatan ini bertujuan meningkatkan penjenamaan CBP di kalangan komuniti Kampung Bharu di samping mempromosikan produk dan perkhidmatan berasaskan fi CBP.

Antara inisiatif utama yang kerap dilaksanakan ialah program “*Nasi Lemak Attack*”, sebuah pendekatan santai dan mesra komuniti yang menggabungkan aktiviti kebajikan dengan penerangan ringkas mengenai produk dan perkhidmatan CBP. Program ini telah dilaksanakan di beberapa lokasi strategik, iaitu:

- Stesen LRT Kampung Bharu Co-opbank Pertama
- Stesen MRT Raja Uda
- Surau IJN

Selain itu, WMD turut membuka kaunter promosi di stesen-stesen LRT terpilih bagi:

- Mendekati pelanggan-pelanggan baru bagi meluaskan pasaran produk.
- Memudahkan pertanyaan dan rujukan segera daripada pelanggan
- Meningkatkan kebolehcapaian produk dan perkhidmatan kepada pengguna LRT.

Inisiatif keterlibatan komuniti ini mencerminkan komitmen CBP dalam menyokong agenda kemampanan sosial dengan mendekati masyarakat secara inklusif, praktikal dan berimpak,

5. Rancangan Masa Hadapan

WMD akan terus memperkukuh peranannya sebagai Bank Koperasi Syariah yang memacu pertumbuhan melalui pembangunan produk yang lebih inovatif dan bernilai tinggi, selaras dengan keperluan pelanggan dan anggota yang sentiasa berkembang. WMD komited untuk memperkenalkan penyelesaian kewangan yang memberi manfaat jangka panjang, merangkumi perlindungan, perancangan harta serta pengurusan legasi secara menyeluruh.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

Sejajar dengan perubahan landskap perbankan dan keutamaan generasi muda, WMD akan mengembangkan penawaran produk dan perkhidmatan secara digital bagi meningkatkan kebolehcapaian, kecekapan serta pengalaman pelanggan. Pendekatan pendigitalan ini bertujuan menarik penglibatan generasi muda melalui penyelesaian yang mudah, pantas dan mesra pengguna.

Di samping itu, WMD akan terus menawarkan solusi perancangan kewangan yang inklusif bagi menyokong keterangkuman kewangan merentas pelbagai lapisan masyarakat. Usaha ini mencerminkan komitmen WMD dalam memperluas akses kepada semua lapisan pelanggan dan anggota.

PENGUKUHAN INTEGRITI DAN GOVERNANS

Jabatan Integriti dan Governans (IGD) membawa 4 fungsi teras iaitu Pengurusan Aduan, Pengesanan Dan Pengesahan, Governans dan Pengukuhan Integriti. Pada tahun 2025, IGD telah merangka Pelan Anti Rasuah Koperasi CBP selaras dengan saranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang mengkehendaki CBP mempunyai pelan anti rasuah seumpama Pelan Anti Rasuah Kerajaan, iaitu *National Anti-Corruption Plan* (NACP) dan *National Anti-Corruption Strategy* (NACS). Pelan ini dibangunkan melalui kerjasama menyeluruh dengan semua jabatan di CBP bagi mengenal pasti risiko-risiko berkaitan rasuah, tadbir urus dan operasi. Hasil daripada proses penilaian tersebut, sebanyak 202 risiko telah dikenal pasti, di mana 24 risiko telah diklasifikasikan sebagai risiko tahap tinggi setelah dibincangkan dan dipersetujui bersama ketua-ketua jabatan yang berkaitan. Pandangan dan input daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut dirujuk sepanjang proses pembangunan pelan ini bagi memastikan keselarasan dengan amalan terbaik dan keperluan kawal selia.

Dari fungsi pengurusan aduan dan pengesanan dan pengesanan IGD sentiasa membawa aduan dan laporan yang diterima kepada Panel Menilai Aduan (PMA) bagi mengetahui hala tuju aduan tersebut, ini dibantu oleh kerjasama dari Jabatan Audit Dalam (IAD), Jabatan Risiko (RMD), Jabatan Pematuhan (CMP) dan Jabatan Sumber Manusia (HCD). IGD juga sentiasa mengikuti perkembangan semasa dari pihak berkuasa SPRM bagi menjalankan tadbir urus yang baik dapt dilakukan di CBP.

PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh CBP sepanjang tahun 2025 bagi mengurangkan risiko impak ekonomi terhadap CBP. Antara strategi yang dilaksanakan oleh CBP bagi mengawal pendedahan risiko sepanjang tahun 2025 adalah seperti berikut:

1. Risiko Kredit - Penilaian Pembiayaan

Pemulihan sektor pekerjaan masih dilihat bertambah baik pada 2025 dan ditambah dengan kadar OPR yang diturunkan kepada paras 2.75% pada 9 Julai 2025. Langkah-langkah mitigasi dan pemantauan awal dilakukan bagi mengenalpasti akaun-akaun yang mempunyai tunggakan 1-3 bulan iaitu di peringkat *early care*. Penambahbaikan analisa risiko kredit juga terus dilakukan bagi pembiayaan koperasi dan korporat dan peribadi untuk memastikan kualiti aset serta membantu mitigasi risiko peringkat awal.

Semakan *Risk Appetite Statement* (RAS) telah diluluskan oleh ALK pada 25 Mac 2025 beberapa penambahbaikan terutamanya ialah *Single-Counterparty Limit* (SCL) dan *Group Single-Counterparty Limit* (GSCL) selaras dengan perkembangan perniagaan CBP. Selain itu juga, *Risk Management Framework* dan *Risk Management Policy* telah diluluskan untuk pelaksanaan pada 28 Julai 2025 dan 26 November 2025 sebagai panduan menyeluruh kepada aktiviti perniagaan CBP terutamanya risiko kredit.

2. Pengukuhan Risiko Kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada kemampuan CBP menanggung peningkatan aset dan memenuhi obligasi, tanpa perlu menanggung kerugian melampau, termasuk kecairan pembiayaan dan pasaran.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

CBP meningkatkan pengawasan ke atas risiko kecairan melalui Ujian Tekanan (*Stress Testing*) kecairan melalui pelaporan bulanan. CBP juga telah melaksanakan semakan semula ke atas Had Risiko Kecairan dan Pasaran sebagai inisiatif untuk memperkukuhkan lagi kawalan ke atas risiko kecairan. Tambahan lagi, CBP telah mewujudkan rangka kerja dan Polisi Pengurusan Risiko (*Risk Management Framework and Policy*) serta laporan bulanan *Risk Appetite Statement*.

3. Pengukuhan Kawalan Modal

Dari aspek pengukuhan kawalan modal, CBP melaksanakan pelbagai ujian tekanan *Stress Testing* sebagai langkah mitigasi CBP dalam memastikan modal CBP berada di dalam keadaan yang memuaskan dan mengenalpasti risiko yang mengancam reputasi CBP. *Stress Testing* ke atas Modal dilakukan sebanyak 2 kali setahun di samping analisa ke atas perubahan OPR yang boleh memberi kesan ke atas *Spread* CBP.

CBP juga telah mengemaskini *Contingency Funding Plan* berdasarkan keadaan semasa CBP. Ini bagi memastikan Tadbir Urus Pengurusan Risiko sentiasa relevan dan efektif.

4. Pengukuhan Pengurusan Risiko Operasi

Risiko operasi ialah risiko kerugian yang berpunca daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, sumber manusia, sistem, atau faktor luaran yang boleh mengganggu operasi perniagaan.

Berdasarkan definisi Risiko Operasi, Seksyen Risiko Operasi di Jabatan Pengurusan Risiko telah mengumpul data-data insiden meliputi risiko ketidakpatuhan Syariah, perundangan / litigasi, teknologi maklumat, keselamatan bangunan dan lain-lain risiko berkaitan yang dilaporkan oleh Jabatan dan Cawangan melalui Laporan *Incident Data Management* (IDM) termasuk saranan-saranan penambahbaikan seterusnya dibawa ke peringkat pengurusan dan ahli lembaga untuk pertimbangan.

Pendedahan pengurusan operasi risiko adalah melalui pembangunan dan penyelenggaraan kawalan dalaman yang menyeluruh ke atas prosedur berasaskan pengasingan tugas, pemeriksaan bebas, pembahagian sistem akses kawalan dan proses kelulusan pelbagai peringkat. Beberapa inisiatif telah diambil untuk mengukuhkan pengurusan risiko operasi di CBP.

Pada tahun 2025, CBP memberi tumpuan kepada pelaksanaan pelbagai aktiviti dan program bagi meningkatkan tahap kesedaran risiko, khususnya berkaitan kesinambungan perniagaan. Inisiatif ini dilaksanakan melalui pembangunan garis panduan baharu, sesi perkongsian pengetahuan, penerbitan buletin serta inisiatif berkaitan yang lain.

Penilaian *Business Impact Analysis* (BIA) juga telah berjaya dilaksanakan bagi kesemua 34 jabatan di Ibu Pejabat untuk menentukan tahap kritikal setiap fungsi perniagaan dalam jabatan masing-masing. Melalui pelaksanaan BIA ini, setiap pengguna perniagaan telah memperincikan fungsi perniagaan mereka, seterusnya menetapkan *Maximum Tolerable Downtime* (MTD) bagi setiap fungsi tersebut. MTD ialah tempoh maksimum sesuatu fungsi perniagaan boleh terhenti tanpa menjejaskan operasi, kewangan atau reputasi organisasi secara ketara, dan digunakan sebagai panduan dalam menetapkan keutamaan pemulihan semasa krisis. Penetapan MTD ini membolehkan CBP merangka strategi pemulihan yang lebih berkesan sekiranya berlaku gangguan operasi atau krisis di CBP.

Bagi membimbing kakitangan CBP dalam melengkapkan penilaian BIA, Garis Panduan Operasi berkaitan Penilaian Risiko (*Risk Assessment - RA*) dan *Business Impact Analysis* (BIA) telah dibangunkan dan diedarkan sebagai rujukan.

Selain itu, Tapak Alternatif (*Alternate Sites*) rasmi CBP telah berjaya disiapkan sepenuhnya pada November 2025 bagi menyokong pelaksanaan semua aktiviti pemulihan untuk fungsi perniagaan kritikal sekiranya berlaku krisis.

Bagi mengesan, memantau, dan mengukur tahap risiko yang boleh mempengaruhi prestasi atau matlamat sesebuah organisasi, pelaksanaan *Key Risk Indicator* (KRI) telah dijalankan bermula dengan pemantauan KRI secara berkala kepada PayNet. PayNet adalah pengendali infrastruktur pembayaran nasional yang tertakluk kepada kawal selia dan pengawasan Bank Negara Malaysia (BNM).

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN



KRI bertujuan untuk memberikan maklumat awal atau amaran tentang potensi risiko yang mungkin berlaku pada masa depan, supaya tindakan pencegahan atau pengurangan dapat dilakukan dengan cepat dan tepat.

Selain itu, aktiviti *Risk Control Self-Assessment* (RCSA) telah dilaksanakan di semua Jabatan di CBP berfungsi sebagai alat sistematik untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko operasi dalam proses dan aktiviti organisasi, termasuk menilai kebarangkalian dan impak risiko, keberkesanan kawalan sedia ada, serta mengenal pasti jurang kawalan. Melalui RCSA, pemilik proses bertanggungjawab menilai risiko masing-masing dan mencadangkan pelan mitigasi yang sesuai bagi memastikan tahap risiko berada dalam had yang boleh diterima, di samping menyokong tadbir urus, pematuhan dan pembuatan keputusan pengurusan berasaskan risiko.

Beberapa kaedah penilaian dan pemantauan risiko dan kawalan operasi telah diwujudkan bagi membantu dalam pengurusan risiko operasi seperti mewujudkan *Self Risk Assessment Template* (SRAT) dan *Product Materiality Assessment Template* (PMAT) untuk mendidik pemilik proses atau risiko mengenalpasti risiko dan kawalan yang sesuai dengan aktiviti atau projek yang dilaksanakan.

5. Pengurusan Risiko Syariah

Pengurusan Risiko Syariah merujuk kepada proses sistematik yang dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam bagi mengenal pasti, menilai, memantau dan mengawal risiko ketidakpatuhan terhadap prinsip Syariah dalam operasi dan aktiviti perniagaan.

Tujuan utama pengurusan risiko Syariah adalah untuk memastikan semua aktiviti perbankan dan kewangan yang dijalankan adalah selaras dengan hukum Islam, mengelakkan unsur-unsur yang dilarang seperti *riba* (faedah), *gharar* (ketidakpastian) dan *maysir* (perjudian).

Memandangkan risiko Syariah adalah sebahagian daripada risiko operasi, kaedah yang digunakan untuk menguruskan risiko Syariah berpanduan kepada Rangka Kerja Risiko Operasi dan menggunakan *tool* yang sama iaitu *Incident Data Management* (IDM), *Risk Control Self-Assessment* (RCSA) dan *Key Risk Indicator* (KRI).

Melalui mekanisme ini, isu dan kejadian berkaitan risiko Syariah direkodkan, dipantau dan dilaporkan secara berstruktur kepada pihak pengurusan serta pihak berkepentingan berkaitan bagi tujuan pemantauan dan pengawasan berterusan.

Selain itu, CBP melalui *Shariah Risk Unit*, juga telah melaksanakan semakan *Risk Appetite Statement* (RAS) Syariah bagi memastikan tahap penerimaan risiko ketidakpatuhan Syariah yang ditetapkan adalah selaras dengan hala tuju strategik, toleransi risiko institusi serta keperluan tadbir urus Syariah yang berkuat kuasa. Hasil semakan RAS Syariah ini digunakan sebagai panduan dalam pemantauan risiko, penetapan ambang KRI serta pelaksanaan langkah mitigasi yang bersesuaian.

AKTIVITI 2025

MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI CBP 8 APRIL 2025



Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri CBP diadakan di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang dihadiri oleh pihak pengawalselia dan rakan strategik CBP yang bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim dan kerjasama selain meraikan sambutan Aidilfitri dalam suasana penuh kemesraan.

MAJLIS PENGUMUMAN DIVIDEN ADK KWRS 4 FEBRUARI 2025



Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Leftenan Jeneral (B) Datuk Ahmad Norihan Jalal, telah mengumumkan dividen ADK-KWRS dalam satu majlis yang diadakan di Renaissance Hotel, Kuala Lumpur, yang turut dihadiri oleh Anggota Lembaga dan Pengurusan Kanan CBP

PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK 12 MAC 2025



CBP menganjurkan program agihan bubur lambuk beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur sempena bulan Ramadan sebagai usaha berkongsi rezeki serta menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat.

AKTIVITI 2025

PROGRAM CSR JELAJAH MASJID

14 JUN 2025



CBP menganjurkan program CSR Jelajah Masjid yang dilaksanakan di 14 masjid terpilih di seluruh negara menerusi cawangan-cawangan CBP sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat CBP.

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN CBP KE-65

21 JUN 2025



CBP mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT-65) secara atas talian. Mesyuarat ini melibatkan lebih daripada 900 perwakilan, terdiri daripada Anggota Individu dan Koperasi seluruh Malaysia.

AKTIVITI 2025

HARI KOPERASI NEGARA 27 JULAI 2025



CBP menganjurkan program tanggungjawab sosial bersempena Hari Koperasi Negara yang diadakan di Zoo Melaka yang turut disertai oleh pelajar-pelajar daripada Politeknik Merlimau, Melaka.

MAJLIS PERASMIAN WISMA CO-OPBANK PERTAMA 10 JULAI 2025



Majlis Perasmian Wisma CBP disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Ewon Benedick, mewakili Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim pada 10 Julai 2025.

AKTIVITI 2025

PROGRAM AGIHAN APRON AR-RAHNU 30 MEI 2025



CBP mengagihkan apron Ar-Rahnu kepada para peniaga makanan di sekitar Kampung Bharu sebagai tanda sokongan kepada komuniti perniagaan setempat.

CBP HELO RUN 16 NOVEMBER 2025



Perjalanan 75 tahun CBP disemarakkan dengan penganjuran CBP HELO RUN 2025, yang diadakan buat julung kalinya disertai lebih dari 700 peserta.

SUKAN BERSAMA MEDIA 13 DAN 29 NOVEMBER 2025



CBP menganjurkan aktiviti sukan bersama rakan media selama dua hari, antaranya bola sepak di Stadium Merdeka dan boling di Ampang Superbowl, Berjaya Times Square. Program ini dihadiri wakil daripada pelbagai saluran media.

AKTIVITI 2025

BRANDLAUREATE AWARDS

30 OKTOBER 2025



CBP menerima pengiktirafan berprestij di **The BrandLaureate 20th Anniversary Special Limited Best Brand Awards 2025** di bawah kategori *Nation's Pride - Shariah Compliant Cooperative Banking & Collateralized Borrowing/Pawn Broking*.

SEMINAR PEMATUHAN SYARIAH SEKTOR KOPERASI

9 OKTOBER 2025



CBP menganjurkan Seminar Pematuhan Syariah Sektor Koperasi selama dua hari di Hotel Ibis, Kuala Lumpur. Seminar ini disertai oleh peserta-peserta daripada 60 buah koperasi, mewakili pelbagai pihak dalam sektor koperasi.

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH CBP 75 SUKU KE-2

26 NOVEMBER 2025



CBP menyampaikan hadiah kepada para pemenang Kempen CBP75 suku ke-2 di Wisma Co-opbank Pertama. Kempen ini menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM1.2 juta.

AKTIVITI 2025

KENDURIAN BERSAMA MEDIA 27 NOVEMBER 2025



CBP memeriahkan hubungan dengan rakan media melalui Kenduri Bersama Media di Restoran Haji Ghani, Ampang Jaya, Selangor, yang dihadiri wakil daripada pelbagai saluran media.

KUNJUNGAN HORMAT CLIMBS LIFE AND GENERAL INSURANS COOPERATIVE (CLIMBS) 3 DISEMBER 2025



CBP menerima kunjungan hormat daripada CLIMBS Life and General Insurance Cooperative (CLIMBS) sempena 2nd Global Coop Climate Summit ke Wisma Co-opbank Pertama, yang turut disertai wakil ANGKASA.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Anggota Lembaga Co-opbank Pertama (CBP) berhasrat untuk meneruskan usaha dalam meningkatkan tadbir urus yang lebih baik dengan membina pengurusan yang lebih berkesan dan bijak yang mampu meraih kejayaan tempoh jangka panjang kepada CBP di samping mencapai kredibiliti dan integriti tertinggi terutamanya dalam prinsip perniagaan, profesionalisme yang diharapkan oleh para Anggota, Pelanggan dan Pengawal Selia.

ANGGOTA LEMBAGA

Komposisi

Komposisi Anggota Lembaga CBP adalah terdiri daripada sembilan (9) orang yang dilantik pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) menurut Fasal 36 Undang-Undang Kecil CBP sebagaimana berikut:

- (a) Enam (6) orang perwakilan dipilih dalam MAPT; dan
- (b) Tiga (3) orang Anggota atau perwakilan yang dinamakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berhak melantik mana-mana individu sebagai Anggota Lembaga CBP sepertimana yang dibenarkan di dalam Seksyen 69 (1)(iv)(B). Semua Anggota Lembaga bebas untuk membuat pertimbangan dalam menentukan hala tuju, strategi, menetapkan indeks penunjuk prestasi utama, pemilihan sumber-sumber dan penetapan dasar-dasar.

Struktur tadbir urus korporat CBP sepertimana kehendak GP11: Garis Panduan Penubuhan dan Pengendalian Co-opbank (Pindaan) 2019 (GP11) adalah merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Anggota Lembaga hendaklah memenuhi kriteria layak dan sesuai menurut GP3: Garis Panduan Pelantikan atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga;
- (ii) Pengurusan berasingan daripada Anggota Lembaga CBP;
- (iii) Jawatankuasa Audit Dalaman yang bebas; dan
- (iv) Jawatankuasa lain yang dibentuk seperti Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

Anggota Lembaga mempunyai latar belakang yang berbeza serta mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang perbankan, kewangan, pengauditan, perakaunan, perundangan dan perniagaan. Anggota Lembaga juga mempunyai pengalaman dalam menangani risiko dan isu-isu utama yang berkaitan dengan perniagaan CBP terutamanya dalam dasar-dasar, strategi dan pelan tindakan bagi merangka strategi untuk mengatasi sebarang cabaran dan halangan yang bakal dihadapi dengan berkesan dalam persekitaran perbankan masa kini.

Tempoh Memegang Jawatan

Berdasarkan Perkara 39 Undang-Undang Kecil CBP:

- (i) Satu per tiga (1/3) daripada Anggota Lembaga menurut perenggan (a), Undang-Undang Kecil 36 hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap MAPT.
- (ii) Kesemua Anggota Lembaga menurut perenggan (b) Undang-Undang Kecil 36 hendaklah mengosongkan jawatan pada tiap-tiap MAPT dan boleh dilantik semula.
- (iii) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat menurut sub-sub perenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada fasal (2).
- (iv) Kekosongan jawatan anggota Lembaga menurut perenggan (a) Undang-Undang Kecil 36 hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana anggota yang berkelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga MAPT akan datang.
- (v) Kekosongan jawatan Anggota Lembaga menurut perenggan (b) Undang-Undang Kecil 36 hendaklah diisi oleh Suruhanjaya dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga MAPT akan datang.

Tugas dan Tanggungjawab

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, Anggota Lembaga komited dan mematuhi sepenuhnya piawaian tertinggi tadbir urus korporat. Ini adalah perlu bagi memastikan CBP akan terus mencatat prestasi kewangan yang kukuh dalam memberi nilai jangka panjang dan mampan kepada pihak berkepentingan.

Tugas dan tanggungjawab Anggota Lembaga yang menjalankan aktiviti perbankan sepertimana kehendak GP11 SKM adalah seperti berikut:

- (a) Memastikan supaya hala tuju koperasi adalah jelas dan selaras dengan peranan yang telah dimandatkan oleh Anggota. Anggota Lembaga dipertanggungjawabkan untuk menerajui CBP supaya perkhidmatan kewangan dan kemudahan yang bersesuaian dapat disediakan dengan baik. Anggota Lembaga

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

juga boleh memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal kepada sektor-sektor yang disasarkan dalam ekonomi negara;

- (b) Memilih dan melantik Pegawai-Pegawai Kanan yang layak dan kompeten untuk mengurus CBP dengan berkesan dan baik. Anggota Lembaga bertanggungjawab memastikan kakitangan CBP adalah kompeten dan efektif dalam melaksanakan tugasnya. Di samping itu, Anggota Lembaga hendaklah memastikan supaya kakitangan CBP memahami misi korporat, strategi, program dan berbagai skim serta dana yang diwujudkan oleh Kerajaan dan SKM;
- (c) Menyelia dan mengambil maklum hal ehwal CBP dan dasar pengurusan dalam memastikan bahawa CBP diurus dengan baik. Anggota Lembaga dipertanggungjawabkan untuk mengawasi dan menyelia CBP supaya beroperasi dalam keadaan selamat dan utuh. Justeru, komitmen pengawasan dan penyeliaan yang diamanahkan memerlukan tahap kearifan, kehematan, keputusan perniagaan yang baik dan kompetensi yang tinggi;
- (d) Menerima pakai dan mematuhi dasar dan objektif CBP yang telah disediakan dengan baik dan telah dibincangkan dengan terperinci. Anggota Lembaga hendaklah menetapkan dasar dan objektif yang jelas bagi membolehkan pengurusan dan kakitangan melaksanakan tugas operasi. Aspek operasi yang perlu dipantau dan digubal dasarnya adalah perancangan strategik, pentadbiran dan pengawalan kredit, pengurusan aset dan liabiliti (merangkumi pengurusan risiko likuiditi dan risiko kadar keuntungan dan pasaran), pentadbiran dan pengawalan sistem perakaunan, mutu perkhidmatan, sistem maklumat dan perancangan automasi, pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasannya pembiayaan keganasan, perancangan keuntungan dan bajet serta kecukupan pembangunan modal wang dan modal insan;
- (e) Mewujudkan dan memastikan keberkesanan fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan, dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko;
- (f) Menubuhkan Jabatan Audit Dalaman yang efektif dan diuruskan oleh kakitangan yang berkelayakan untuk melaksanakan fungsi audit dalaman yang merangkumi audit kewangan serta audit pengurusan;
- (g) Mengelak amalan mementingkan diri sendiri dan percanggahan kepentingan. Anggota Lembaga hendaklah melaksanakan peranan fidusiari yang mencerminkan kepercayaan tertinggi kepada CBP dalam urusan mereka dengan CBP ataupun dengan pihak-pihak lain. Anggota Lembaga dikehendaki membuat pendedahan kepentingan perniagaan mereka kepada Lembaga. CBP dilarang memberikan pembiayaan kepada Anggota Lembaga atau mana-mana individu/syarikat yang mempunyai kepentingan tersebut; dan

- (h) Mematuhi kehendak perundangan, perintah dan peraturan yang berkaitan. Anggota Lembaga hendaklah berpengetahuan di dalam hal-hal perundangan, peraturan, tafsiran perintah dan notis untuk memastikan kesemua kehendak berkenaan dipatuhi. Anggota Lembaga akan dipertanggungjawabkan sekiranya CBP menanggung kerugian akibat tindakan menyalahi undang-undang.

Latihan dan Pembangunan Kompetensi

Anggota Lembaga mengikuti perkembangan terkini di dalam industri perbankan dengan menghadiri persidangan dan seminar yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia* (IBFIM), Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) dan lain-lain.

Di samping itu, Anggota Lembaga juga sentiasa dimaklumkan mengenai Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Garis Panduan SKM serta BNM yang baharu berkaitan industri perbankan dan sektor koperasi di negara ini.

Anggota Lembaga juga digalakkan menghadiri ceramah dan latihan untuk mengetahui perkembangan terbaharu yang berkaitan dengan persekitaran perniagaan perbankan. Dengan ini, Anggota Lembaga akan mendapat maklumat dan mengikuti perkembangan terkini industri perbankan dan sektor koperasi di negara ini dalam melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA

Anggota Lembaga akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua (2) bulan, manakala mesyuarat tambahan atau khas akan diadakan sekiranya perlu bagi membantu proses membuat keputusan penting yang memerlukan perbincangan dan pertimbangan sewajarnya. Bagi sesi 2025, Anggota Lembaga telah bermesyuarat sebanyak 16 kali termasuk Mesyuarat Khas Anggota Lembaga untuk membincangkan pelbagai perkara termasuk prestasi perniagaan, profil risiko, rancangan perniagaan dan isu strategik lain yang mempengaruhi perniagaan.

Agenda untuk setiap Mesyuarat Anggota Lembaga, beserta laporan lengkap, kertas cadangan dan dokumen sokongan daripada Pengurusan perlu diedarkan kepada Anggota Lembaga sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum tarikh mesyuarat. Ini bertujuan memastikan Anggota Lembaga mempunyai masa yang mencukupi untuk mengkaji hal-hal yang akan dibincangkan dalam Mesyuarat Anggota Lembaga dan seterusnya membantu Pengurusan dalam membuat keputusan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Semua Anggota Lembaga diwajibkan untuk mengisytiharkan dengan serta-merta kepada Mesyuarat Anggota Lembaga jika mereka mempunyai sebarang percanggahan kepentingan peribadi dalam sebarang urusan yang dimeterai secara langsung atau tidak langsung dengan CBP. Mana-mana Anggota Lembaga yang berkepentingan tersebut dikehendaki mengecualikan diri daripada perbincangan dan proses membuat keputusan berhubung urusan yang tersebut bagi menjamin supaya beliau tidak mempengaruhi Anggota Lembaga lain berkaitan urusan yang terbabit.

Berikut adalah senarai Anggota Lembaga dan rekod kehadiran Mesyuarat Anggota Lembaga Penuh dan Mesyuarat Anggota Lembaga Khas bagi sesi 2025:

Anggota Lembaga		
Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Datuk Baharom bin Embi - Pengerusi	16/16
2.	Hajah Nor Hidayah binti Omar- Timbalan Pengerusi	15/16
3.	*Yunus bin Kasim	14/15
4.	*Mohd. Shapie bin Idris	11/13
5.	Dr. Hajah Jamilah binti Din	16/16
6.	Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad	16/16
7.	Dato' Zaini bin Sa'ad	16/16
8.	Dr. Mohd Azlan bin Yahya	16/16
9.	Prof. Madya Dr. Azharudin bin Ali	16/16

Nota: Tempoh kehadiran Mesyuarat Anggota Lembaga dari 01 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025.

* Yunus bin Kasim (Meletak jawatan berkuat kuasa pada 30 November 2025)

* Mohd. Shapie bin Idris (Meninggal dunia pada 30 September 2025)

Kuorum Mesyuarat

Kuorum bagi mesyuarat Lembaga hendaklah melebihi satu per dua (1/2) daripada jumlah Anggota Lembaga di mana sekurang-kurangnya satu per dua (1/2) daripada Anggota Lembaga yang dilulus oleh Suruhanjaya hendaklah dikira sebagai kuorum tersebut.

Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua (2) bulan.

Fungsi dan Terma Rujukan Anggota Lembaga

Fungsi Anggota Lembaga adalah selaras dengan peranan yang telah dimandatkan ke atas koperasi sepertimana peruntukan GP11 SKM iaitu:

- (i) Menetapkan hala tuju, visi, misi, objektif dan strategi CBP.
- (ii) Melantik Kumpulan Pengurusan Kanan yang terdiri daripada Ketua-Ketua Pegawai, Setiausaha Co-opbank dan Ketua Audit Dalam CBP. Anggota Lembaga hendaklah memilih dan melantik Pengurusan Kanan dari kalangan individu yang layak dan kompeten untuk mengurus CBP dengan berkesan dan baik.
- (iii) Meneliti, membincang dan memutuskan perancangan strategik perniagaan CBP.
- (iv) Membentuk dan memastikan fungsi jawatankuasa-jawatankuasa kecil peringkat Anggota Lembaga dilaksanakan dengan penuh hemah dan berlandaskan tadbir urus terbaik.
- (v) Menetapkan dan meluluskan dasar, polisi dan peraturan aktiviti CBP.
- (vi) Melantik Juruaudit Luar yang bertauliah untuk melaksanakan pengauditan perakaunan dan lain-lain perkara selaras dengan keperluan statutori.
- (vii) Menubuhkan jabatan-jabatan yang bertindak dan melaporkan secara berkecuali seperti Jabatan Audit Dalam, Jabatan Pematuhan dan Jabatan Pengurusan Risiko.
- (viii) Bertanggungjawab ke atas pematuhan perundangan yang diperuntukkan oleh pihak berwajib (seperti SKM dan BNM).
- (ix) Sentiasa memahami profil semasa risiko-risiko CBP dan berusaha untuk meminimalkan risiko berkenaan.
- (x) Menimbang, menyemak penyata kewangan CBP serta perkembangan aktiviti subsidiari CBP (jika ada).
- (xi) Melaksanakan fungsi dan tanggungjawab sebagaimana peruntukan Perkara 48 Undang-Undang Kecil Koperasi CBP.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA ANGGOTA LEMBAGA

Dalam melaksanakan tugas, Anggota Lembaga dibantu oleh beberapa Jawatankuasa yang ditubuhkan dan dipengerusikan oleh seorang Anggota Lembaga mengikut terma rujukan (TOR) yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini terdiri daripada Jawatankuasa Tadbir Urus & Pemantauan Risiko (JKTPR), Jawatankuasa Keanggotaan, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan, Jawatankuasa Pelaburan dan Produk, Jawatankuasa Kredit, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Jawatankuasa Syariah.

TOR setiap Jawatankuasa juga sentiasa disemak dan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi memastikan semua Jawatankuasa memenuhi matlamat dan objektif utama CBP. Setiap Jawatankuasa juga melaporkan kepada Mesyuarat Anggota Lembaga Penuh mengenai keputusan yang dibuat bagi memastikan semua Anggota Lembaga mengetahui setiap aspek perjalanan operasi CBP.

1. JAWATANKUASA TADBIR URUS & PEMANTAUAN RISIKO (JKTPR)

Keanggotaan dan Komposisi

Jawatankuasa Tadbir Urus & Pemantauan Risiko (JKTPR) yang dilantik oleh Anggota Lembaga adalah terdiri daripada tidak kurang daripada tiga (3) ahli yang dipilih dari kalangan ALK dan majoriti ahli JKTPR terdiri daripada ALK di bawah perenggan (b) Undang-Undang Kecil 36 [UUK51 (v)]. Berikut adalah senarai Anggota JKTPR dan rekod kehadiran sesi 2025:

Jawatankuasa Tadbir Urus & Pemantauan Risiko

Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad - <i>Pengerusi* (Januari 2025 - kini)</i>	10/10
2.	Datuk Baharom bin Embi	10/10
3.	Mohd. Shapie bin Idris - <i>(Julai 2025 - September 2025)</i>	3/3
4.	Dr. Hajah Jamilah binti Din - <i>(Januari 2025 - Jun 2025)</i>	4/5
5.	Dato' Zaini bin Sa'ad - <i>(Januari 2025 - Jun 2025)</i>	5/5
6.	Dr. Mohd Azlan bin Yahya - <i>(Julai 2025 - Kini)</i>	5/5
7.	Prof. Madya Dr. Azharudin bin Ali	9/10

Nota: Tempoh kehadiran mesyuarat Anggota Lembaga dari 01 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025.

Kuorum Mesyuarat

Kuorum mesyuarat JKTPR adalah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli termasuk Pengerusi JKTPR.

Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun atau apabila diperlukan.

Fungsi dan Terma Rujukan Jawatankuasa

- Meneliti, menilai dan seterusnya mengesyorkan Rangka Kerja serta dasar Pengurusan Risiko yang merangkumi risiko operasi, kredit, pasaran dan likuiditi/kecairan untuk kelulusan Mesyuarat Anggota Lembaga.
- Mengesyorkan tahap toleransi risiko dan *risk appetite* serta Pelan Kontigensi/Kesinambungan Perniagaan yang bersesuaian dengan sifat, skala dan tahap kerumitan aktiviti CBP.
- Memastikan aktiviti mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengurus pelbagai jenis risiko yang dihadapi CBP merangkumi risiko operasi, risiko kredit, risiko pasaran termasuk risiko kecairan dan reputasi dilaksanakan dengan berkesan.
- Melaksanakan fungsi pengawasan risiko dan pematuhan di peringkat pengurusan kanan, melalui pelaporan berkala.
- Memastikan proses dan budaya pengurusan risiko serta pematuhan diamalkan di semua peringkat proses kerja oleh setiap kakitangan.
- Memberi khidmat nasihat serta pandangan berkaitan pendedahan risiko ke atas aktiviti/isu yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kredit Pembiayaan (CRECO) dan Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti (ALCO).
- Memantau kedudukan pendedahan risiko operasi, kredit, pasaran dan kecairan semasa CBP serta pematuhan kepada:
 - Undang-Undang Kecil CBP;
 - Polisi dan Prosedur dalaman CBP;
 - Arahan dan Garis Panduan pengawal selia;
 - Akta Koperasi 1993 dan Akta-Akta yang berkaitan dengan aktiviti perbankan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- (viii) Memberi pandangan serta mengesyorkan penggubalan/semakan semua rangka kerja, polisi dan garis panduan operasi CBP untuk kelulusan Anggota Lembaga dengan memastikan ianya selaras dengan amalan terbaik industri perbankan.
- (ix) Mempertimbangkan pendekatan dan cadangan pelaksanaan projek IT CBP termasuk keperluan perolehan, keperluan perniagaan, keperluan teknikal dan sumber manusia.
- (x) Menyokong inisiatif dan perolehan IT yang melebihi had JKPIIT.
- (xi) JKTPR mempunyai akses kepada semua maklumat yang dibincangkan di mesyuarat jawatankuasa lain bagi menjalankan semakan pengurusan risiko dan pematuhan di CBP.
- (xii) Boleh mengarahkan semakan pengurusan atau mencadangkan siasatan audit sekiranya mesyuarat mendapati terdapat sebab-sebab yang memerlukan semakan atau siasatan dilaksanakan.
- (xiii) Lain-lain kewajipan yang diarahkan oleh Anggota Lembaga kepada Jawatankuasa ini.

2. JAWATANKUASA KEANGGOTAAN

Keanggotaan dan Komposisi

Jawatankuasa Keanggotaan (JKKA) yang dilantik oleh Anggota Lembaga hendaklah terdiri daripada tidak kurang tiga (3) ahli yang dipilih dari kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK). Berikut adalah senarai Anggota JKKA dan rekod kehadiran sesi 2025:

Jawatankuasa Keanggotaan		
Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Dr. Hajah Jamilah binti Din - Pengerusi (Januari 2025 - Jun 2025)	6/6
2.	Hajah Nor Hidayah binti Omar	5/6
3.	***Yunus bin Kasim - Anggota (Ogos 2025 - November 2025)	2/2
4.	**Mohd. Shapie bin Idris - Anggota (Januari 2025 - Jun 2025)	4/4
5.	Dato' Zaini bin Sa'ad	6/6
6.	*Dr. Mohd Azlan bin Yahya - Pengerusi (Julai 2025 - Kini)	5/6

Nota: Tempoh kehadiran Mesyuarat Anggota Lembaga dari 01 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025.

- * Dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Keanggotaan berkuatkuasa pada Julai 2025 sehingga kini.
- ** Menamatkan tugas sebagai Anggota Jawatankuasa Keanggotaan pada Jun 2025.
- *** Meletak jawatan berkuat kuasa pada 30 November 2025.

Kuorum Mesyuarat

Kuorum mesyuarat JKKA adalah sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) ahli termasuk Pengerusi JKKA.

Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun atau apabila diperlukan.

Fungsi dan Terma Rujukan Jawatankuasa

- (i) Mempertimbangkan cadangan tatacara pelaksanaan Mesyuarat Agung Kawasan dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan CBP.
- (ii) Menyemak dan menyokong permohonan masuk anggota (baharu).
- (iii) Meluluskan penambahan syer, pengeluaran sebahagian syer, berhenti atau pindahan saham keanggotaan sehingga RM500,000.00 (jumlah kumulatif maksimum untuk setiap anggota) dan dimaklumkan kepada Mesyuarat ALK untuk pengesahan.
- (iv) Mengesahkan dan meluluskan permohonan dan bayaran-bayaran berkaitan Kumpulan Wang Kebajikan Anggota CBP.
- (v) Menyemak, membincang dan menetapkan syarat-syarat serta mencadangkan pindaan kepada aturan aktiviti Kumpulan Wang Kebajikan Anggota dan lain-lain kumpulan wang yang melibatkan bidang kuasa jawatankuasa ini yang dicadangkan dari semasa ke semasa.
- (vi) Meluluskan cadangan bagi setiap program atau majlis yang melibatkan Kumpulan Wang Kebajikan Anggota sehingga RM100,000.00.
- (vii) Mempunyai akses kepada maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti keanggotaan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- (viii) Boleh mengarahkan semakan audit atau siasatan sekiranya mesyuarat mendapati timbul maklumat, data atau kelulusan yang meragukan.
- (ix) Lain-lain kewajipan yang diserahkan oleh Anggota Lembaga kepada Jawatankuasa ini.

3. JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Keanggotaan dan Komposisi

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (JKPI) yang dilantik oleh Anggota Lembaga dan mengandungi sekurang-kurangnya tiga (3) ahli termasuk Pengerusi JKPI dan majoriti ahli JKPI terdiri daripada ALK di bawah perenggan (b) Undang-Undang Kecil 36 CBP. [UUK 51(v)]. Untuk mengelak berlakunya percanggahan kepentingan, Anggota Jawatankuasa tersebut hendaklah tidak mengambil bahagian dalam perbincangan dan membuat keputusan yang melibatkan dirinya. Berikut adalah senarai Anggota JKPI dan rekod kehadiran sesi 2025:

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan

Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Dato' Zaini bin Sa'ad - Pengerusi (Januari 2025 - Kini)	7/7
2.	Datuk Baharom bin Embi	7/7
3.	Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad	7/7
4.	Prof. Madya Dr. Azharudin bin Ali	7/7
5.	*Nur Fatin binti Mohamad Hashim - Pengurusan Koperasi (Januari 2025 - Kini)	4/7

Nota: Tempoh kehadiran Mesyuarat Anggota Lembaga dari 01 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025.

* Dilantik menjadi Anggota Mesyuarat JKPI mewakili Pengurusan Koperasi (Januari 2025 - Kini).

Kuorum Mesyuarat

Kuorum mesyuarat JKPI adalah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli termasuk Pengerusi JKPI dan majoriti ahli JKPI terdiri daripada ALK di bawah perenggan (b) Undang-Undang Kecil 36 CBP. [UUK 51(v)].

Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun atau apabila diperlukan.

Fungsi dan Terma Rujukan Jawatankuasa

- (i) Mengesyorkan penetapan keperluan minimum bagi Anggota Lembaga iaitu kombinasi kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan teras yang diperlukan oleh seseorang Anggota Lembaga.
- (ii) Mewujudkan dan mengesyorkan rangka kerja bagi imbuhan termasuk gaji, elaun, bonus dan manfaat serta keperluan kelayakan minimum bagi:
 - (a) Anggota Lembaga;
 - (b) Jawatankuasa Audit Dalam;
 - (c) Jawatankuasa Syariah;
 - (d) Pengurusan Kanan;
 - (e) Ketua Jabatan Audit Dalam;
 - (f) Ketua Jabatan Syariah; dan
 - (g) Setiausaha Co-opbank.
- (iii) Melaksanakan proses penentusahan dan mengesyorkan kepada Mesyuarat Anggota Lembaga cadangan semakan dan penentusahan Anggota Lembaga.
- (iv) Menilai secara tahunan dan memastikan Anggota Lembaga serta individu di atas memenuhi syarat kelayakan sepertimana yang ditetapkan di bawah:
 - (a) Undang-Undang Kecil CBP;
 - (b) Arahan Statutori SKM;
 - (c) Garis Panduan SKM;
 - (d) Akta Koperasi 1993; dan
 - (e) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.
- (v) Menilai dan mengesyorkan kepada Mesyuarat Anggota Lembaga calon untuk jawatan:
 - (a) Jawatankuasa Audit Dalam;
 - (b) Jawatankuasa Syariah;
 - (c) Pengurusan Kanan;
 - (d) Ketua Jabatan Audit Dalam (tertakluk saranan penilaian Jawatankuasa Audit Dalam);
 - (e) Ketua Jabatan Syariah (tertakluk saranan dan penilaian JKS); dan
 - (f) Setiausaha Co-opbank.
- (vi) Menilai dan mengesyorkan penilaian individu-individu berikut:
 - (a) Jawatankuasa Audit Dalam;
 - (b) Jawatankuasa Syariah;
 - (c) Pengurusan Kanan;
 - (d) Ketua Jabatan Audit Dalam (tertakluk saranan penilaian Jawatankuasa Audit Dalam);
 - (e) Ketua Jabatan Syariah (tertakluk saranan dan penilaian JKS); dan
 - (f) Setiausaha Co-opbank.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- (vii) Menjalankan penilaian prestasi tahunan berdasarkan kriteria yang ditetapkan selaras dengan objektif dan strategi perniagaan CBP. Kriteria penilaian ini hendaklah diluluskan oleh Mesyuarat Anggota Lembaga.
- (viii) Mengawasi dan mengesyorkan pelantikan dan pelantikan semula individu tersebut di atas.
- (ix) Meneliti, menilai dan mengesyorkan perancangan dan penggantian individu tersebut di atas.
- (x) Mengesyorkan kepada Mesyuarat ALK penggantungan mana-mana ALK sekiranya ALK tidak mematuhi kelayakan berdasarkan peruntukan UUK.
- (xi) Mengesyorkan kepada Mesyuarat ALK tentang penamatan individu tersebut di atas sekiranya terdapat salah laku dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.
- (xii) Menilai dan mengesyorkan kepada Mesyuarat ALK berhubung semakan struktur organisasi induk CBP melibatkan penstrukturan dan pemansuhan (pindaan).
- (xiii) Mengesyorkan dan menyemak cadangan rangka kerja imbuhan termasuk gaji, elaun, bonus dan manfaat kakitangan CBP yang wajar secara keseluruhan berdasarkan prestasi individu.
- (xiv) Mengesyorkan sistem pengurusan prestasi yang baik dan seiring dengan amalan industri.
- (xv) Mengesyorkan dasar-dasar imbuhan perlu diambil kira seperti berikut:
 - (a) Didokumenkan dan diluluskan oleh Mesyuarat ALK dan sebarang perubahan kepadanya hendaklah tertakluk kepada pengesahan Mesyuarat ALK.
 - (b) Menarik serta mengekalkan kakitangan dan pada masa yang sama seimbang dengan keperluan, pengalaman, dan tanggungjawab mereka.
 - (c) Dana CBP mencukupi untuk memberi pakej imbuhan.
 - (d) Tidak diputuskan hanya mengikut budi bicara mana-mana individu atau sekumpulan individu yang terhad. Berdaya saing dan setimpal dengan objektif serta strategi CBP.
- (xvi) Meneliti dan mengesyorkan apa-apa perubahan yang dianggap perlu untuk skim, terma perkhidmatan dan terma baharu kakitangan CBP sebelum dikemukakan kepada Mesyuarat ALK.
- (xvii) Memberikan pertimbangan sewajarnya kepada penilaian KPI mengenai keberkesanan dan pencapaian Pengurusan Kanan, Ketua Jabatan Audit Dalaman (tertakluk kepada saranan JAD), Ketua Jabatan Syariah (tertakluk kepada saranan dan penilaian JKS), dan Setiausaha Co-opbank dalam menentukan ganjaran dan imbuhan.
- (xviii) Menyemak dan mengesyorkan apa-apa cadangan pembangunan modal insan terutamanya dari segi latihan kepada ALK, JAD, JKS, Pengurusan Kanan, Ketua Audit Dalaman, Ketua Syariah dan Setiausaha Co-opbank.
- (xix) Mempunyai akses kepada maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pencalonan.
- (xx) Boleh mengarahkan semakan pengurusan atau mencadangkan semakan audit atau siasatan sekiranya mesyuarat mendapati terdapat sebab-sebab yang memerlukan semakan atau siasatan dilaksanakan.
- (xxi) Memantau status dan laporan kes-kes dan tindakan disiplin yang telah diputuskan oleh JK Disiplin di peringkat Pengurusan terhadap kakitangan CBP (Ketua Jabatan dan ke bawah) tanpa mengubah keputusan yang telah diputuskan (melainkan rayuan dibuat). Oleh yang demikian, JK Disiplin Pengurusan perlu membentangkan Laporan Kes-Kes Disiplin CBP di JKPI.
- (xxii) Mengesyorkan tindakan disiplin yang boleh diambil ke atas kesalahan disiplin yang dilakukan oleh ALK, JAD dan JKS Pengurusan Kanan.
- (xxiii) Meneliti, menilai dan mengesyorkan penambahbaikan/penggubalan ke atas polisi JK Disiplin Pengurusan CBP sedia ada.
- (xxiv) Lain-lain kewajipan yang diarahkan oleh ALK kepada jawatankuasa ini dari semasa ke semasa.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

4. JAWATANKUASA PELABURAN DAN PRODUK (JKPP)

Keanggotaan dan Komposisi

Jawatankuasa Pelaburan Dan Produk (JKPP) yang dilantik oleh Anggota Lembaga adalah terdiri daripada Anggota Lembaga bukan eksekutif dan hendaklah terdiri daripada tidak kurang tiga (3) ahli yang dipilih dari kalangan ALK. Berikut adalah senarai Anggota JKPP dan rekod kehadiran sesi 2025:

Jawatankuasa Pelaburan Dan Produk (JKPP)

Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Prof. Madya Dr. Azharudin bin Ali - Pengerusi (Januari 2025 - Kini)	7/7
2.	Hajah Nor Hidayah binti Omar - (Januari 2025 - Jun 2025)	3/4
3.	*Yunus bin Kasim - (Julai 2025 - November 2025)	3/3
4.	Mohd. Shapie bin Idris - (Januari 2025-September 2025)	6/6
5.	Dr. Hajah Jamilah binti Din - (Januari 2025 - Jun 2025)	4/4
6.	Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad	6/7
7.	**Dato' Zaini bin Sa'ad - (Julai 2025 - Kini)	3/3
8.	Dr. Mohd Azlan bin Yahya - (Januari 2025 - Jun 2025)	3/4

Nota: Tempoh kehadiran mesyuarat dari 01 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024.

* Dilantik menjadi Jawatankuasa Pelaburan dan Produk bermula Julai 2025.

** Dilantik menjadi Jawatankuasa Pelaburan dan Produk bermula Julai 2025.

Kuorum Mesyuarat

Kuorum mesyuarat JKPP adalah sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) ahli termasuk Pengerusi JKPP.

Kekerapan Mesyuarat

JKPP hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun atau apabila diperlukan.

Fungsi dan Terma Rujukan

- (i) Menasihati Anggota Lembaga CBP dalam menilai dan memberi sokongan terhadap cadangan aktiviti operasi perbankan, pelaburan dan kewangan yang berdaya maju untuk CBP.

- (ii) Bertanggungjawab dalam meneliti, merancang dan menilai aktiviti operasi perbankan, pelaburan dan kewangan agar sentiasa berada pada tahap risiko yang boleh diterima dan bersesuaian dengan kedudukan kewangan CBP.
- (iii) Meneliti portfolio prestasi pelaburan dan unit dana yang berkaitan.
- (iv) Memantau perkembangan prestasi operasi cawangan CBP.
- (v) Memantau dan menilai pengurusan pendanaan dan liabiliti CBP.
- (vi) Mengesyorkan dan memastikan garis panduan dan polisi pelaburan dalaman CBP sentiasa dipatuhi.
- (vii) Memastikan aktiviti-aktiviti pelaburan CBP sentiasa mematuhi:
 - (a) Seksyen 54 dan 54A(1) Akta Koperasi 1993;
 - (b) GP16: Garis panduan Pelaburan Wang Koperasi;
 - (c) GP24: Garis panduan Pelaburan Harta Tak Alih; dan
 - (d) *The Code of Conduct for Malaysia Wholesale Financial Markets*.
- (viii) Mempertimbangkan polisi bagi pelaburan, pengagihan aset, hala tuju, kawalan risiko dan pelaburan lain yang relevan.
- (ix) Mempertimbang dan mencadangkan kepada Mesyuarat Anggota Lembaga apa-apa cadangan oleh Jawatankuasa Pengurusan CBP berkaitan produk atau perkhidmatan baharu yang akan dilaksana dan dipasarkan.
- (x) Penilaian sesuatu cadangan pelaksanaan produk atau perkhidmatan baharu mestilah berdasarkan:
 - (a) Keperluan dan kehendak pasaran.
 - (b) Ciri-ciri produk.
 - (c) Daya saing dan jangkaan pasaran.
 - (d) Penilaian risiko dan mitigasi mencakupi risiko pasaran, operasi, kredit, syariah dan lain-lain.
 - (e) Sistem dan infrastruktur sedia ada dan yang diperlukan.
 - (f) Kaedah pelaksanaan dan pemasaran produk atau perkhidmatan yang bakal diperkenalkan.
- (xi) Memastikan pelaksanaan dan pembangunan produk atau perkhidmatan baharu adalah mengikut tahap piawaian perbankan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia.
- (xii) Menggariskan jangkaan bagi sesuatu produk atau perkhidmatan baharu bagi memastikan ianya mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh ALK CBP.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- (xiii) Memantau dan menilai prestasi sesuatu produk atau perkhidmatan yang dilancar untuk tempoh enam (6) bulan dan menilai cadangan penambahbaikan (jika perlu).
- (xiv) Menilai dan mencadangkan strategi-strategi alternatif bagi pemasaran sesuatu produk atau perkhidmatan baharu yang telah dilancarkan.
- (xv) Membincang dan mengesyorkan cadangan produk atau perkhidmatan baharu kepada Mesyuarat ALK.
- (xvi) Mempunyai akses kepada maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pelaburan dan operasi.
- (xvii) Boleh mengarahkan semakan pengurusan atau mencadangkan semakan audit atau siasatan sekiranya mesyuarat mendapati terdapat sebab-sebab yang memerlukan semakan atau siasatan dilaksanakan.
- (xviii) Lain-lain kewajipan yang diarahkan oleh ALK kepada jawatankuasa ini.

5. JAWATANKUASA KREDIT (JKK)

Keanggotaan dan Komposisi

Jawatankuasa Kredit (JKK) yang dilantik oleh Anggota Lembaga adalah terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga bukan eksekutif dan hendaklah terdiri daripada tidak kurang tiga (3) ahli yang dipilih dari kalangan ALK. Berikut adalah senarai Anggota JKK dan rekod kehadiran sesi 2025:

Jawatankuasa Kredit (JKK)		
Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Hajah Nor Hidayah binti Omar - Pengerusi (Januari 2025 - Kini)	10/11
2.	Datuk Baharom bin Embi	11/11
3.	*Yunus bin Kasim (Januari 2025 -November 2025)	10/10
4.	**Mohd. Shapie bin Idris (Januari 2025 - September 2025)	8/8
5.	***Dr. Hajah Jamilah binti Din (Julai 2025 - Kini)	6/6
6.	Dr. Mohd Azlan bin Yahya	10/11

Nota: Tempoh kehadiran mesyuarat Anggota Lembaga dari 01 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025.

* Meletak jawatan berkuat kuasa pada 30 November 2025

** Meninggal dunia pada 30 September 2025

*** Dilantik menjadi Anggota Jawatankuasa Kredit bermula Julai 2025.

Kuorum Mesyuarat

Kuorum Mesyuarat JKK adalah sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) ahli termasuk Pengerusi JKK.

Kekerapan Mesyuarat

JKK hendaklah bermesyuarat sekurang- kurangnya enam (6) kali setahun atau apabila diperlukan.

Fungsi dan Terma Rujukan

- (i) Memantau dan menyemak pembiayaan yang diluluskan di Jawatankuasa Pembiayaan (CRECO).
- (ii) Meluluskan, menolak dan meminda terma kemudahan pembiayaan berdasarkan had kuasa melulus CBP yang ditetapkan.
- (iii) Mengesyorkan dan menilai pembiayaan yang melebihi had kuasa kepada Mesyuarat ALK.
- (iv) Mengesyor, menilai atau meluluskan pembiayaan baharu, pembiayaan tambahan dan melakukan semakan kredit.
- (v) Mengesyor, menilai dan meluluskan apa-apa penstrukturan dan penjadualan semula (R&R).
- (vi) Mengesahkan atau meluluskan lain-lain perkara yang ditetapkan dalam had kuasa melulus CBP.
- (vii) Mempunyai akses kepada maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pengurusan kredit CBP.
- (viii) Boleh mengarahkan semakan pengurusan atau mencadangkan semakan audit atau siasatan sekiranya mesyuarat mendapati terdapat sebab-sebab yang memerlukan semakan atau siasatan dilaksanakan.
- (ix) Lain-lain kewajipan yang diarahkan oleh ALK kepada jawatankuasa ini.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

1.0 PENDAHULUAN

Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman ini disediakan bagi memenuhi keperluan Undang-Undang Kecil (UUK) 51(2)(i)(ii) untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Co-opbank Pertama (CBP).

2.0 LATAR BELAKANG

Peranan dan kuasa Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dalam melaksanakan tanggungjawabnya terletak di bawah Garis Panduan 4 (GP4), Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Undang-Undang Kecil CBP para 59(1). Pelantikan Anggota JAD pula adalah di bawah kuasa Lembaga Koperasi seperti dinyatakan dalam perenggan 48(h) Undang-undang Kecil CBP. Anggota-anggota JAD sehingga 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

Pengerusi : Nik Muhamad Fauzi bin Nik Sulaiman C.A. (M)
 Anggota : Dr. Zaharuddin Bin Zainal Abidin CPA (M), C.A. (M)
 Anggota : Mohd Anuar Bin Md Noh C.A. (M)

3.0 PENGENALAN

Sepanjang tahun 2025, Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) telah meneliti dan membincangkan hasil penemuan audit yang dibentangkan oleh Jabatan Audit Dalaman CBP. Kesemua rancangan audit tersebut telah dilaksanakan selaras dengan peraturan yang digariskan oleh pihak kawal selia Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Rancangan audit yang dilaksanakan telah mendapat kelulusan daripada JAD dan diperakui oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK). JAD telah juga mengadakan mesyuarat dengan Juruaudit Luar bagi meneliti perancangan audit yang disediakan oleh Juruaudit Luar bagi pengauditan Penyata Kewangan CBP Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025.

4.0 AKTIVITI JAD SEPANJANG TAHUN 2025

Pada tahun 2025, mesyuarat JAD bagi Sesi 2024/2025 dan 2025/2026 telah diadakan sebanyak lapan (8) kali meliputi 65 agenda. JAD turut mengadakan beberapa perbincangan atau mesyuarat secara tidak formal melalui aplikasi WhatsApp. Kesemua kehadiran bagi mesyuarat JAD adalah memenuhi kuorum dua pertiga (2/3) sebagaimana penetapan Garis Panduan Operasi Jawatankuasa Audit Dalaman. JAD juga telah mengadakan mesyuarat dengan ALK sebanyak empat (4) kali dimana sejumlah empat belas (14) laporan JAD telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN PENGAUDITAN

Kesemua isu yang dibangkitkan dalam pemerhatian audit telah dibentangkan kepada ALK dan juga kepada pihak pengurusan. Pihak pengurusan telah menerima dengan positif isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Dalaman dan mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan terhadap semua perkara-perkara yang dibangkitkan. Antara kertas pembentangan yang telah dibawa dan dibincangkan oleh JAD adalah melibatkan pengauditan terhadap Akaun Simpanan, Pembiayaan Peribadi, Pembiayaan Perumahan, Pengurusan Pembendaharaan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Tunai dan Operasi Cawangan, Pengurusan Akaun, Dokumentasi Ar-Rahnu, Pengurusan Aset & Fasiliti dan Pengurusan Data & Maklumat ICT.

Tumpuan utama JAD adalah memastikan segala isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Dalaman diambil tindakan pembetulan dan memastikan ianya tidak berulang. Ini bagi memastikan setiap aktiviti dan operasi CBP mematuhi segala peraturan dan undang-undang serta kawalan dalaman yang ada agar objektif CBP tercapai dan kepentingan pemegang taruh dilindungi.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

6.0 KESIMPULAN

Penelitian terhadap maklumbalas yang diterima serta bukti yang dikemukakan kepada JAD menunjukkan pihak pengurusan mengambil serius terhadap segala teguran dan pandangan yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Dalaman dengan mengambil tindakan dan menangani semua isu yang dibangkitkan diselesaikan dengan sewajarnya. Banyak penambahbaikan serta syor yang dicadangkan oleh Jabatan Audit Dalaman telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan yang secara langsung meningkatkan kawalan pengurusan operasi dan kewangan CBP.

7.0. PENGHARGAAN

JAD ingin merakamkan penghargaan yang amat tinggi kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang amat baik dalam membantu JAD melaksanakan tugas yang diamanahkan demi kejayaan dan kecemerlangan CBP.

Disediakan oleh:

(Nik Muhamad Fauzi Bin Nik Sulaiman C.A. (M))
Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman

(Dr. Zaharuddin Bin Zainal Abidin CPA (M), C.A. (M))
Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman

(Mohd Anuar Bin Md Noh C.A. (M))
Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA PENERUS EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA DAN
ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD (Co-opbank), yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025 bagi Kumpulan dan Co opbank dan Penyata Pembahagian Keuntungan, Penyata Untung Atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif lain, Penyata Perubahan dalam Dana Pemegang Syer dan Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan Co-opbank bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan penting yang dibentangkan di muka surat 94 hingga 155.

Pada pendapat kami, penyata kewangan berkenaan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Co-opbank pada 31 Disember 2025 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs"), keperluan dalam Akta Koperasi, 1993, di Malaysia, garis panduan dan arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab-tanggungjawab kami di bawah piawaian berkenaan telah diuraikan dengan lebih lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami adalah bebas dari Kumpulan dan Co-opbank mengikut Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia, (Undang-Undang Kecil), dan Kod Etika bagi Akauntan Profesional daripada Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan, (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Anggota Lembaga Co-opbank bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Anggota Lembaga Co-opbank dan maklumat yang dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank dan laporan juruaudit kami mengenainya. Laporan Anggota Lembaga Co-opbank diperoleh sebelum tarikh laporan juruaudit ini, manakala Laporan Tahunan dijangka akan disediakan kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Co-opbank tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan penyata audit kewangan Kumpulan dan Co-opbank, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, pertimbangkan sama ada maklumat lain tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank atau pengetahuan yang diperolehi dalam audit atau sebaliknya tersalah nyata dengan material.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan terhadap maklumat lain yang diperolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata material tentang maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta itu. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini ke atas Laporan Anggota Lembaga Co-opbank.

Apabila kami membaca Laporan Tahunan, jika kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami dikehendaki untuk berkomunikasi perkara tersebut kepada Anggota Lembaga Co-opbank dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA PENGURUS EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA DAN
ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD

Tanggungjawab Anggota Lembaga Co-opbank bagi Penyata Kewangan

Para Anggota Lembaga Co-opbank bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut MFRSs dan keperluan dalam Akta Koperasi 1993, di Malaysia. Para Anggota Lembaga Co-opbank juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang para Anggota Lembaga Co-opbank tentukan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank, para Anggota Lembaga Co-opbank bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Co-opbank untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan melainkan jika para Anggota Lembaga Co-opbank sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan dan Co-opbank atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA) akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting jika, secara individu atau dalam agregat, mereka boleh dengan dijangkakan dengan munasabahannya akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merekabentuk dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, disebabkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, perwakilan yang tidak benar, atau tindakan melebihi kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Co-opbank.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Anggota Lembaga Co-opbank.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas keupayaan Kumpulan dan Co-opbank untuk meneruskan secara usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk membawa perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, maka kami perlu mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Kumpulan dan Co-opbank untuk menghentikan terus sebagai satu usaha berterusan.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA PENERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA DAN
ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan (Samb.)

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank mewakili urus niaga asas dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.
- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan entiti atau dalam aktiviti perniagaan Kumpulan untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas arahan, penyeliaan dan prestasi audit Kumpulan. Kami kekal bertanggungjawab bagi pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para Anggota Lembaga Co-opbank antara lain, mengenai skop yang dirancang dan masa yang diberikan untuk audit dan penemuan audit penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan pengawasan Lain.

Selaras dengan keperluan Akta Koperasi 1993, di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut;

- Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Kumpulan dan Co-opbank telah disimpan dengan sempurna mengikut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.
- Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan pemerolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi yang dilihat semasa audit dalam tahun ini adalah selaras dengan Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 1995 di Malaysia, dan peraturan dan undang-undang kecil Koperasi.
- Aset-aset dan liabiliti-liabiliti, dalam semua aspek material, dinyatakan dengan saksama mengikut dasar perakaunan.

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan semata-mata kepada Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia anggota-anggota Koperasi, selaras dengan Seksyen 63 Akta Koperasi, 1993 dan Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap pihak-pihak lain bagi kandungan laporan ini.



AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI PLT
(No. 201506002872)
(LLP0006652-LCA) (AF 1522)
Akauntan-Akauntan Bertauliah/
Chartered Accountants

Kuala Lumpur

Tarikh: 25 Februari 2026



AHMAD SYHAZAN BIN YAACOB
SKM(B)0597
Akauntan Bertauliah/Chartered Accountant

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA CO-OPBANK

Anggota Lembaga KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD (Co-opbank) dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama-sama dengan penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Co-opbank adalah sebagai koperasi yang menjalankan aktiviti Perbankan Islam berlandaskan prinsip-prinsip syariah melalui pengambilan deposit Islam, pemberian pembiayaan dan perkhidmatan kewangan yang dibenarkan.

Kegiatan-kegiatan utama bagi subsidiari adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 12.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan utama Co-opbank dan anak syarikat pada tahun kewangan semasa.

KEPUTUSAN

Keputusan operasi Kumpulan dan Co-opbank bagi tahun kewangan berakhir adalah:

	KUMPULAN RM'000	CO-OP BANK RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	131,260	131,154
Cukai	(23)	-
Zakat	(4,000)	(4,000)
Keuntungan selepas Cukai dan Zakat	127,237	127,154
Pembahagian berkanun	(19,673)	(19,673)
Lain-lain pembahagian	(650)	(650)
Pelarasan bukan operasi	(524)	(524)
Keuntungan tahun semasa	106,390	106,307
Pendapatan komprehensif lain	10,759	10,759
Pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	117,149	117,066

DIVIDEN

Pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2025, Co-opbank telah membayar dividen tunai modal syer anggota sebanyak 6.5% berjumlah RM88.13 Juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Bagi tahun kewangan semasa, Anggota Lembaga Co-opbank telah mencadangkan dividen tunai sehingga 6.5% berjumlah RM104.79 juta. Dividen yang dicadangkan akan diiktiraf dalam tempoh kewangan yang berikutnya selepas mendapat kelulusan pihak yang berkuasa.

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA CO-OPBANK

MAKLUMAT BERKANUN

Anggota Lembaga Co-opbank berpendapat penyata kewangan yang telah disediakan di muka surat 94 hingga 155 telah disusun untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama berkenaan hal ehwal Kumpulan dan Co-opbank pada 31 Disember 2025 dan hasil operasi serta aliran tunai mereka bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut. Anggota Lembaga Co-opbank berpuas hati bahawa sebelum Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung Atau Rugi Dan Pembahagian Keuntungan Dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Dana Pemegang Syer dan Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan Co-opbank dibuat, langkah-langkah sewajarnya telah diambil ke atas perkara-perkara berikut:

- i. Semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan secukupnya telah dibuat terhadap hutang ragu; dan
- ii. Nilai buku bagi aset semasa yang berkemungkinan tidak menunjukkan nilai sebenar berdasarkan urus niaga biasa, telah dibuat pengurangan nilai yang dijangkakan wajar.

Sepanjang pengetahuan Anggota Lembaga Co-opbank, tidak wujud pada tarikh laporan ini sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:

- i. Jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau peruntukan bagi hutang ragu tidak mencukupi dengan ketaranya didalam penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank;
- ii. Nilai aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank yang mengelirukan;
- iii. Mana-mana jumlah yang dicatatkan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank yang mengelirukan; dan
- iv. Cara yang wujud untuk menilai aset atau liabiliti Kumpulan dan Co-opbank yang mengelirukan dan tidak sesuai.

Tidak ada liabiliti luar jangka atau komitmen modal yang perlu ditanggung oleh Kumpulan dan Co-opbank yang belum diselesaikan kecuali seperti yang dinyatakan di Nota 24 kepada penyata kewangan ini. Anggota Lembaga Co-opbank berpendapat bahawa dalam tempoh dua belas bulan yang akan datang, Kumpulan dan Co-opbank berupaya memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya terhadap komitmen modal yang telah atau berkemungkinan dikuatkuasakan ke atas mereka.


Pada tarikh laporan, tidak wujud:

- i. Sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan dan Co-opbank untuk menjamin liabiliti pihak lain selepas berakhirnya tahun kewangan; dan
- ii. Sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Co-opbank selepas berakhirnya tahun kewangan.

Tidak ada sebarang pemindahan yang ketara, dari rizab atau peruntukan atau sebaliknya, pada sepanjang tahun kewangan kecuali yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Anggota Lembaga Co-opbank, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa tiada perkara-perkara lain dalam pengetahuan mereka yang tidak dinyatakan menurut Seksyen 59(3), Akta Koperasi, 1993.

Ditandatangani bagi pihak Anggota Lembaga Co-opbank mengikut resolusi para Anggota Lembaga Co-opbank.



Datuk Baharom Bin Embi
Pengerusi



Hajah Nor Hidayah Binti Omar
Timbalan Pengerusi

Kuala Lumpur

Tarikh: 25 Februari 2026

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA

YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD

Saya, Khairil Anuar Bin Mohammad Anuar, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD (Co-opbank) dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung Atau Rugi Dan Pembahagian Keuntungan Dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan dalam Dana Pemegang Syer dan Penyata Aliran Tunai beserta nota-nota di dalamnya telah disediakan untuk menunjukkan gambaran sebenar dan saksama tentang kedudukan Kumpulan dan Co-opbank pada 31 Disember 2025 dan hasil pencapaian serta aliran tunai Kumpulan dan Co-opbank bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut dan mematuhi kehendak Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs") dan peruntukan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan telah dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip Syariah.



Khairil Anuar bin Mohammad Anuar
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur

Tarikh: 25 Februari 2026

KENYATAAN Pengerusi DAN TIMBALAN Pengerusi

Kami, Datuk Baharom Bin Embi, Pengerusi, dan Hajah Nor Hidayah Binti Omar, Timbalan Pengerusi, menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung Atau Rugi Dan Pembahagian Keuntungan Dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Dana Pemegang Syer dan Penyata Aliran Tunai yang disediakan dalam penyata kewangan ini beserta nota-nota di dalamnya telah disediakan untuk menunjukkan gambaran sebenar dan saksama tentang kedudukan Kumpulan dan Co-opbank pada 31 Disember 2025 dan hasil pencapaian serta aliran tunai Kumpulan dan Co-opbank bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut dan mematuhi kehendak Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs") dan peruntukan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan telah dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip Syariah.



Datuk Baharom bin Embi
Pengerusi

Kuala Lumpur

Tarikh: 25 Februari 2026



Hajah Nor Hidayah binti Omar
Timbalan Pengerusi

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH



1. Bagi menunaikan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah (JKS) Co-opbank Pertama (CBP), dengan berlandaskan pengetahuan dan kepakaran kami dalam bidang kewangan Islam dan prinsip-prinsip Syariah, melalui penelitian kepada pendedahan-pendedahan yang dikemukakan kepada JKS, kami dengan ini memperakukan bahawa JKS telah meneliti, menilai, dan mempertimbangkan aspek pematuhan Syariah terhadap produk-produk, aktiviti, urus niaga, perniagaan, aset kewangan, liabiliti, pendapatan operasi, pendapatan lain-lain, serta operasi perbankan CBP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.
2. JKS telah difahamkan bahawa kajian-kajian penyelidikan yang dijalankan oleh fungsi-fungsi Syariah dalaman untuk memastikan CBP mematuhi prinsip-prinsip Syariah, keputusan dan resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh pihak pengawal selia, badan berkuasa tertinggi Majlis Penasihat Syariah di peringkat kebangsaan, yang mana relevan telah diadaptasi secara bersesuaian serta dikuatkuasakan melalui resolusi-resolusi JKS, polisi-polisi berkaitan yang mengikat CBP untuk dilaksanakan secara berterusan.
3. JKS juga telah meneliti laporan daripada fungsi-fungsi kawalan Syariah di bawah rangka kerja Tadbir Urus Syariah yang baik oleh Sekretariat Syariah, Penasihat Syariah, Semakan Syariah, Pengurusan Risiko Syariah dan Audit Syariah, justeru berpuas hati untuk mengemukakan pengesahan serta pandangan yang bebas berdasarkan pemerhatian dan penelitian JKS ke atas Tadbir Urus Syariah bagi mengesahkan perkara berikut:-
 - 3.1 JKS telah diperakukan tentang penilaian bebas yang dilaksanakan oleh barisan pertahanan ketiga iaitu Jawatankuasa Audit Dalam, termasuk fungsi Jabatan Audit Dalam dan Juruaudit Luar, yang bertujuan memenuhi objektif jaminan Syariah yang munasabah ("reasonable Shariah assurance"). Penilaian ini melibatkan pemeriksaan transaksi, dokumen yang berkaitan, dan prosedur yang digunakan oleh CBP secara sampel dan rawak, serta kesimpulan dapatan audit. Potensi risiko ketidakpatuhan Syariah yang dikenalpasti serta proses pembetulan dan penambahbaikan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan secara berterusan juga telah dipertimbangkan.
 - 3.2 JKS telah meneliti laporan yang disediakan oleh fungsi-fungsi Syariah dalaman daripada barisan pertahanan kedua, untuk memperoleh maklumat dan penjelasan yang diperlukan bagi membolehkan JKS menilai serta mendapatkan bukti yang mencukupi. Ini adalah untuk memberi jaminan yang munasabah ("reasonable assurance") bahawa CBP tidak melanggar atau mengabaikan prinsip-prinsip Syariah.
4. Setelah meneliti dengan penilaian Syariah yang wajar, laporan-laporan yang telah dilaporkan oleh semua barisan pertahanan, kami secara sepakat bersetuju mengesahkan dengan pandangan yang bebas, tertakluk kepada pandangan juruaudit Syariah luar, bagi tahun kewangan yang berakhir, bahawa:
 - 4.1 Dari segi sumber modal dan pendanaan melalui pengambilan model syer berlandaskan prinsip *Musyarakah*, pengambilan deposit liabiliti jangka panjang, dan urusniaga melalui instrumen perbendaharaan, produk-produk serta instrumen kewangan Islam untuk pengambilan deposit daripada pasaran wang Islam, korporat dan runcit serta orang awam berlandaskan prinsip *Murabahah* (melalui pengaturan konsep *Tawarruq*), *Bai' Salam* dan *Qard* telah didapati memuaskan dan disahkan mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

- 4.2 Dari segi aktiviti pembiayaan Islam, kontrak-kontrak, urusan-ususniaga, transaksi-transaksi, dan program semasa pembiayaan Islam dilakukan oleh CBP bagi urusan-ususniaga runcit, komersial, koperasi dan korporat berlandaskan prinsip *Murabahah* (melalui pengaturan konsep *Tawarruq*) dan/atau *Murabahah* (MPO) dan/atau *Wakalah* boleh ubah kepada *Tawarruq* serta lain-lain konsep Syariah didapati bahawa produk-produk ini mematuhi prinsip-prinsip Syariah dan sentiasa tertakluk kepada proses penambahbaikan berterusan. Oleh itu, adalah wajar disahkan bahawa pendapatan dan keuntungan yang diterima oleh CBP daripada produk-produk ini telah didapati memuaskan dan disahkan mematuhi prinsip-prinsip Syariah.
- 4.3 Dari segi pembiayaan *Ar-Rahnu*, semua penawaran produk pembiayaan *Ar-Rahnu* adalah berlandaskan prinsip *Murabahah* (melalui pengaturan konsep *Tawarruq*) dan *Ar-Rahn* adalah mematuhi prinsip Syariah. JKS mengesahkan juga bahawa perkembangan terkini melalui penawaran *Ar-Rahnu* Flexi-i berlandaskan prinsip *Murabahah* (melalui pengaturan konsep *Tawarruq*) dan *Ar-Rahn* serta *Ijarah al-khidmat* adalah mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Oleh itu, pendapatan dan keuntungan yang diterima oleh CBP daripada produk-produk ini telah didapati memuaskan dan disahkan mematuhi prinsip-prinsip Syariah.
- 4.4 Dari segi pendapatan berasaskan fi dan pendapatan lain-lain, peruntukan keuntungan berkaitan akaun kewangan daripada pendapatan berasaskan fi daripada aktiviti pemasaran Takaful, Produk Wasiat Muslim, caj *Ta'widh* (ganti rugi), fi *Wakalah*, *Ju'alah*, fi penstrukturan pembiayaan, fi perkhidmatan kiriman wang, serta keuntungan lain-lain yang diserap telah didapati memuaskan dan disahkan mematuhi prinsip-prinsip Syariah.
- 4.5 Dari segi pendapatan anak syarikat dan subsidiari, aktiviti teras yang dijalankan adalah aktiviti neutral yang menyokong perniagaan utama CBP, dan tidak mempunyai apa-apa unsur yang bertentangan dengan penilaian kualitatif Syariah dan telah didapati memuaskan dan disahkan mematuhi prinsip-prinsip Syariah.
- 4.6 Dari segi implikasi kewangan daripada pendapatan yang tidak berhak diiktiraf, JKS mengesahkan bahawa ada pendapatan yang tidak berhak diiktiraf telah dikenalpasti sebanyak RM69,499.81 yang terhasil daripada pembiayaan peribadi dan pembiayaan perumahan. Selepas tindakan pembetulan, sejumlah RM67,862.87 telah dibuat "reversal" dan tidak lagi mewujudkan implikasi kewangan, justeru amaun bersih kena bayar kepada tujuan "wajah al-khayr" selepas pelarasan dibenarkan untuk penyucian pendapatan telah dimuktamadkan hanya sebanyak RM1,636.94 daripada transaksi berikut:-
 - 4.6.1 Dikenalpasti dari laporan *Incidental Data Management (IDM)* oleh fungsi risiko Syariah (RMD) di mana jumlah pengeluaran tidak sama dengan jumlah jual beli komoditi (dalam transaksi pembiayaan perumahan).
 - 4.6.2 Jumlah pendapatan tidak patuh Syariah terbabit telah dinyahiktiraf daripada pendapatan CBP dan direkodkan sebagai liabiliti dengan teratur. Rekod tersebut telah disemak dan amaun berkenaan dimasukkan dengan tepat pada liabiliti kewangan CBP pada item 18(ii) penyata akaun. Urusan ini didapati teratur dan memuaskan menurut Polisi Pengurusan Pendapatan dan Harta Tidak Berhak Diiktiraf (PHTBD) sebagai garis panduan dalam mengurus pendapatan dan harta yang tidak berhak diiktiraf.
- 4.7 Bagi menjemput keberkatan pada aset dan perkembangan harta CBP, mengikut mandat yang diberikan dalam Undang-Undang Kecil (UUK), penaksiran zakat perniagaan bagi haul tempoh kewangan berakhir yang dinyatakan, selaras dengan kewajipan berzakat, rukun-rukun dan syarat-syarat wajib zakat adalah seperti berikut:-
 - 4.7.1 CBP menaksirkan zakat perniagaan bagi pihak anggota-anggota Muslim berdasarkan kaedah "*urfyyah*" dengan formula "Modal Berkembang Dipelarkan" merangkumi ekuiti Muslim dan modal syer serta apa-apa perkembangan kepada aset termasuk keuntungan tertakluk kepada pelarasan yang munasabah. Oleh itu, pulangan dividen yang dinikmati oleh anggota pemegang syer Muslim adalah suatu amaun bersih selepas zakat. Maka anggota-anggota CBP tidak lagi menanggung kewajipan zakat atas modal syer *Musarakah* dan dividen kerana kewajipan berzakat memadai dikenakan sekali sahaja sepertimana yang ditunaikan oleh CBP.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

- 4.7.2 Oleh kerana pengambilan wang deposit oleh CBP melalui akaun deposit berjangka-i *Tawarruq*, akaun simpanan-i Salam, akaun simpanan-i *Qard*, akaun Salam biz-i adalah merupakan dana-dana yang dianggap bukan dana milik CBP, yang mana pendeposit daripada akaun-akaun ini adalah bukan dianggap pemegang syer atau pemilik harta CBP, maka dana-dana deposit ini tidak ditaksirkan zakat perniagaan oleh CBP. Justeru pendeposit-pendeposit akaun tersebut masih lagi menanggung kewajipan zakat atas wang deposit dan simpanan mereka sendiri tertakluk kepada nisab dan haul individu pendeposit masing-masing, bukan di bawah tanggungjawab CBP.
 - 4.7.3 Tertakluk kepada prinsip dan asas-asas perakaunan yang telah diaudit oleh juruaudit, penaksiran zakat perniagaan dengan ini dibenarkan oleh JKS untuk direkodkan dalam penyata akaun teraudit bagi tempoh kewangan berakhir yang dinyatakan dalam item penyata untung atau rugi, sebagai suatu jumlah peruntukan sebagai komitmen perbelanjaan atau tanggungan yang dianggarkan menurut kepada anggaran munasabah yang terbaik menurut pandangan Ketua Pegawai Kewangan serta juruaudit luar atas asas-asas pengiraan yang wajar dan jangkaan pelarasan-pelarasan tolakan yang dibenarkan.
 - 4.7.4 Menurut pandangan JKS, adalah menjadi kewajipan kepada CBP untuk membuat taksiran hakiki zakat perniagaan setelah penyata akaun teraudit muktamad dan ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan/atau penyata akaun teraudit tersebut telah sedia muktamad untuk cetakan supaya taksiran dibuat atas data-data kewangan yang muktamad secara wajar. Adalah menjadi kewajipan CBP, jika peruntukan zakat perniagaan dalam penyata akaun teraudit mempunyai kekurangan, untuk membuat penambahan dan pembayaran atas taksiran sebenar serta membuat pelarasan yang wajar menurut kepada asas-asas perakaunan yang dikehendaki pada penyata aliran tunai tahun semasa.
 - 4.7.5 Pembayaran zakat haul 2024 yang wajib dilakukan dalam tahun kewangan 2025 sepertimana dinyatakan dalam penyata aliran tunai telah selesai dibayar dengan jumlah taksiran sebenar telah dipelarasakan adalah melebihi daripada jumlah diperuntukkan dan pembayaran telah dilakukan berdasarkan jumlah taksiran sebenar sebanyak RM3,847,772.00. Komitmen pembayaran zakat haul 2025 yang wajib dilakukan dalam tahun kewangan 2026 akan dilakukan setelah mendapat penentuan muktamad oleh pihak berkuasa zakat. Anggaran taksiran zakat atas kemunasabahan dibuat peruntukan seperti dalam penyata akaun ialah sebanyak RM4,000,000.00. Pusat utama pembayaran zakat perniagaan oleh CBP untuk tempoh semasa ini adalah Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
 - 4.7.6 CBP juga menerima amanah sebagai pengagih wakalah zakat dana baitulmal daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Semua dana wakalah zakat berjumlah RM1.82 juta telah selesai diagihkan kepada asnaf yang layak mengikut garis panduan wakalah zakat dan arahan Majlis Agama Islam tersebut.
5. Berdasarkan GP-28 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Polisi Tadbir Urus Syariah CBP, adalah menjadi tanggungjawab pengurusan CBP untuk memastikan perniagaan dijalankan mengikut prinsip-prinsip Syariah. JKS telah menerima perakuan daripada pengurusan CBP telah melaksanakan resolusi dan ketetapan Syariah yang telah diputuskan sepanjang tempoh kewangan yang dinyatakan dengan penuh jujur dan amanah.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

6. Kami, Jawatankuasa Syariah CBP, dengan ini memperakui bahawa pelaporan Syariah di atas adalah benar, telus dan dibuat secara bebas tanpa apa-apa pengaruh dan konflik kepentingan. Kami berpuas hati untuk mengesahkan bahawa pada tempoh semasa ini, CBP adalah suatu institusi yang menjalankan aktiviti perniagaan dan operasi secara patuh Syariah tanpa was-was.

Disahkan oleh,

BAGI PIHAK JAWATANKUASA SYARIAH



Prof. Dr. Mushaddad bin Hasbullah
Pengerusi Jawatankuasa Syariah




Prof. Dr. Romzie bin Rosman
Anggota Jawatankuasa Syariah

Kuala Lumpur
Tarikh: 20 Februari 2026

PENYATA KEWANGAN

- 94** Penyata Kedudukan Kewangan
 - 96** Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain
 dan Pembahagian Keuntungan
 - 98** Penyata Perubahan Dalam Dana Pemegang Syer
 - 100** Penyata Aliran Tunai
 - 102** Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan
-



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025

	NOTA	KUMPULAN	
		2025 RM'000	2024 RM'000
ASET			
Tunai dan Dana Jangka Pendek	4	1,337,279	1,883,340
Deposit dan Penempatan di Institusi Kewangan	5	720,309	547,779
Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama			
Melalui Pendapatan Komprehensif lain	6	1,243,098	899,773
Pelaburan Kewangan Pada Kos Terlunas	7	1,821,663	1,271,119
Pembiayaan dan Pendahuluan	8	8,637,254	7,627,120
Aset-aset lain	9	431,485	358,966
Hak Penggunaan Aset	10	6,503	5,474
Tanah Untuk Pembangunan	11	850	489
Aset dipegang untuk jualan	13	6,300	6,300
Hartanah dan Peralatan	14	202,755	181,511
Aset Tak Ketara	15	70,184	57,527
Jumlah Aset		14,477,680	12,839,398
LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SYER			
Deposit dan Simpanan Pelanggan	16	10,776,232	9,581,080
Kewajipan Atas Urusniaga Sekuriti di Bawah			
Instrumen Murabahah Komoditi Bercagar	17	1,534,700	1,082,546
Liabiliti-liabiliti lain	18	165,685	189,306
Liabiliti Cukai Tertunda	19	4,380	4,380
Pembiayaan daripada Institusi Kewangan	20	58,000	58,000
Jumlah Liabiliti		12,538,997	10,915,312
DANA PEMEGANG SYER			
Modal Syer Anggota	21	1,604,326	1,634,590
Rizab Berkanun	22	136,610	120,872
Rizab-rizab lain	23	50,169	33,328
Keuntungan Tertahan		147,578	135,296
Jumlah Dana Pemegang Syer		1,938,683	1,924,086
Jumlah Liabiliti dan Dana Pemegang Syer		14,477,680	12,839,398
Komitmen Modal			
Komitmen Modal	24	242,055	58,641

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2025

	NOTA	CO-OPBANK	
		2025 RM'000	2024 RM'000
ASET			
Tunai dan Dana Jangka Pendek	4	1,336,699	1,882,951
Deposit dan Penempatan di Institusi Kewangan	5	719,893	547,473
Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama			
Melalui Pendapatan Komprehensif lain	6	1,243,098	899,773
Pelaburan Kewangan Pada Kos Terlunas	7	1,821,663	1,271,119
Pembiayaan dan Pendahuluan	8	8,637,254	7,627,120
Aset-aset lain	9	431,633	358,872
Hak Penggunaan Aset	10	6,503	5,474
Tanah Untuk Pembangunan	11	850	489
Aset dipegang untuk jualan	13	6,300	6,300
Hartanah dan Peralatan	14	202,740	181,491
Aset Tak Ketara	15	70,184	57,527
Jumlah Aset		14,476,817	12,838,589
LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SYER			
Deposit dan Simpanan Pelanggan	16	10,776,232	9,581,080
Kewajipan Atas Urusniaga Sekuriti di Bawah Instrumen Murabahah Komoditi Bercagar	17	1,534,700	1,082,546
Liabiliti-liabiliti lain	18	165,398	188,990
Liabiliti Cukai Tertunda	19	4,380	4,380
Pembiayaan daripada Institusi Kewangan	20	58,000	58,000
Jumlah Liabiliti		12,538,710	10,914,996
DANA PEMEGANG SYER			
Modal Syer Anggota	21	1,604,326	1,634,590
Rizab Berkanun	22	136,610	120,872
Rizab-rizab lain	23	50,169	33,328
Keuntungan Tertahan		147,002	134,803
Jumlah Dana Pemegang Syer		1,938,107	1,923,593
Jumlah Liabiliti dan Dana Pemegang Syer		14,476,817	12,838,589
Komitmen Modal			
	24	242,055	58,641

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN
KOMPREHENSIF LAIN DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	NOTA	KUMPULAN		CO-OPBANK	
		2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Pendapatan	25	751,520	678,728	751,212	678,515
Perbelanjaan	26	(400,315)	(373,540)	(400,300)	(373,522)
Pendapatan Bersih		351,205	305,188	350,912	304,993
Peruntukan untuk rosotnilai	27	(76,361)	(62,735)	(76,361)	(62,735)
Pendapatan Lain-lain	28	66,627	80,596	66,616	80,586
Perbelanjaan Operasi	29	(210,211)	(198,754)	(210,013)	(198,652)
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat		131,260	124,295	131,154	124,192
Cukai	31	(23)	5,882	-	5,896
Zakat		(4,000)	(3,300)	(4,000)	(3,300)
Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat		127,237	126,877	127,154	126,788
Pembahagian Berkanun					
Kumpulan Wang Rizab Statutori:					
12% (2024: 10%)		(15,738)	(12,419)	(15,738)	(12,419)
Kumpulan Wang Amanah					
Pendidikan Koperasi: 2% (2024: 2%)		(2,623)	(2,484)	(2,623)	(2,484)
Kumpulan Wang Amanah					
Pembangunan Koperasi: 1% (2024: 1%)		(1,312)	(1,242)	(1,312)	(1,242)
		(19,673)	(16,145)	(19,673)	(16,145)
Pembahagian lain					
Honorarium Anggota Lembaga		(650)	(620)	(650)	(620)
Pelarasan Bukan Operasi		(524)	-	(524)	-
Keuntungan Dalam Tahun		106,390	110,112	106,307	110,023

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN DAN PEMBAGIAAN KEUNTUNGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Keuntungan Dalam Tahun	106,390	110,112	106,307	110,023
Pendapatan komprehensif lain				
Item yang berkemungkinan akan dikelaskan semula dalam untung atau rugi:				
Instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain				
- Perubahan bersih dalam nilai saksama bagi tahun kewangan	10,801	1,495	10,801	1,495
- Perubahan dalam peruntukan bagi kerugian kredit dijangka	(42)	(10)	(42)	(10)
Jumlah keuntungan komprehensif lain	10,759	1,485	10,759	1,485
Keuntungan Komprehensif bagi Tahun	117,149	111,597	117,066	111,508

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA PEMEGANG SYER

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

KUMPULAN

	← Tidak boleh diagihkan →				Boleh diagihkan	
	Modal Syer Anggota RM'000	Syer Keutamaan RM'000	Rizab Berkanun RM'000	Rizab-rizab lain RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2024	1,262,089	161	108,453	13,424	31,793	1,415,920
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat	-	-	-	-	124,295	124,295
Pembahagian Keuntungan	-	-	12,419	6,609	62,460	81,488
Dividen (Nota 33)	-	-	-	-	(76,643)	(76,643)
Penerimaan dalam tahun	402,768	-	-	(2,266)	-	400,502
Pembayaran dalam tahun	(30,267)	(161)	-	979	-	(29,449)
Pengagihan dalam tahun	-	-	-	(771)	(6,609)	(7,380)
Keuntungan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	1,485	-	1,485
Keuntungan daripada penilaian semula hartanah	-	-	-	13,868	-	13,868
Pada 31 Disember 2024	1,634,590	-	120,872	33,328	135,296	1,924,086
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat	-	-	-	-	131,260	131,260
Pembahagian Keuntungan	-	-	15,738	5,973	(24,870)	(3,159)
Dividen (Nota 33)	-	-	-	-	(88,135)	(88,135)
Penerimaan dalam tahun	10,949	-	-	(229)	-	10,720
Pembayaran dalam tahun	(41,213)	-	-	1,004	-	(40,209)
Pengagihan dalam tahun	-	-	-	(666)	(5,973)	(6,639)
Keuntungan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	10,759	-	10,759
Pada 31 Disember 2025	1,604,326	-	136,610	50,169	147,578	1,938,683

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA PEMEGANG SYER

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

CO-OPBANK

	← Tidak boleh diagihkan →				Boleh diagihkan	
	Modal Syer Anggota RM'000	Syer Keutamaan RM'000	Rizab Berkasun RM'000	Rizab-rizab lain RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2024	1,262,089	161	108,453	13,424	31,389	1,415,516
Keuntungan sebelum cukai & zakat	-	-	-	-	124,192	124,192
Pembahagian keuntungan	-	-	12,419	6,609	62,474	81,502
Dividen (Nota 33)	-	-	-	-	(76,643)	(76,643)
Penerimaan dalam tahun	402,768	-	-	(2,266)	-	400,502
Pembayaran dalam tahun	(30,267)	(161)	-	979	-	(29,449)
Pengagihan dalam tahun	-	-	-	(771)	(6,609)	(7,380)
Keuntungan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	1,485	-	1,485
Keuntungan daripada penilaian semula hartanah	-	-	-	13,868	-	13,868
Pada 31 Disember 2024	1,634,590	-	120,872	33,328	134,803	1,923,593
Keuntungan sebelum cukai & zakat	-	-	-	-	131,154	131,154
Pembahagian keuntungan	-	-	15,738	5,973	(24,847)	(3,136)
Dividen (Nota 33)	-	-	-	-	(88,135)	(88,135)
Penerimaan dalam tahun	10,949	-	-	(229)	-	10,720
Pembayaran dalam tahun	(41,213)	-	-	1,004	-	(40,209)
Pengagihan dalam tahun	-	-	-	(666)	(5,973)	(6,639)
Keuntungan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	10,759	-	10,759
Pada 31 Disember 2025	1,604,326	-	136,610	50,169	147,002	1,938,107

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

PENYATA
ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025	2024	2025	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat	131,260	124,295	131,154	124,192
Pelarasan Untuk:				
Penjejasan dipulihkan	(63,135)	(76,052)	(63,135)	(76,052)
Penjejasan pembiayaan	75,319	62,047	75,319	62,047
Rosotnilai pelaburan aset kewangan	226	151	226	151
Rugi atas hapuskira pembiayaan	816	537	816	537
Susutnilai hak penggunaan aset	4,548	2,915	4,548	2,915
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	7,562	6,894	7,557	6,889
Susutnilai aset tak ketara	5,797	7,697	5,797	7,697
Kos kewangan	233	189	233	189
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	162,626	128,673	162,515	128,565
PERGERAKAN MODAL KERJA				
Kurangan/(Tambahan) dalam aset operasi				
Pembiayaan dan pendahuluan	(1,023,134)	(1,063,440)	(1,023,134)	(1,063,440)
Lain-lain aset	(59,556)	(181,332)	(59,616)	(181,263)
Tanah untuk pembangunan	(361)	330	(361)	330
Tambahan/(Kurangan) dalam liabiliti operasi				
Deposit dan simpanan pelanggan	1,195,152	826,313	1,195,152	826,313
Lain-lain liabiliti	(28,080)	80,546	(28,234)	80,422
Tunai diperoleh daripada operasi	246,647	(208,910)	246,322	(209,073)
Kos kewangan dibayar	(233)	(189)	(233)	(189)
Honorarium dibayar	(620)	(600)	(620)	(600)
Cukai dibayar	(750)	(1,870)	(726)	(1,859)
Zakat dibayar	(3,847)	(3,970)	(3,847)	(3,970)
Tunai bersih dijanakan dari/ (digunakan dalam) aktiviti operasi	241,197	(215,539)	240,896	(215,691)

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN				
Lain-lain kumpulan wang	(13,085)	(12,818)	(13,085)	(12,818)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti bayaran berkanun dan agihan	(13,085)	(12,818)	(13,085)	(12,818)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian aset tetap	(47,260)	(85,435)	(47,260)	(85,435)
Tambahan aset kewangan	(883,336)	(575,201)	(883,336)	(575,201)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti Pelaburan	(930,596)	(660,636)	(930,596)	(660,636)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
(Penebusan)/Penerbitan syer	(29,489)	371,052	(29,489)	371,052
Pembayaran dividen	(88,135)	(76,643)	(88,135)	(76,643)
Bayaran balik liabiliti pajakan	(5,577)	(4,814)	(5,577)	(4,814)
Tambahan pembiayaan daripada Institusi kewangan	452,154	633,002	452,154	633,002
Tunai bersih dijanakan dari aktiviti Pembiayaan	328,953	922,597	328,953	922,597
ALIRAN TUNAI BERSIH TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI	(373,531)	33,604	(373,832)	33,452
Pada awal Tahun	2,431,119	2,397,515	2,430,424	2,396,972
Pada akhir Tahun	2,057,588	2,431,119	2,056,592	2,430,424
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:				
Tunai dan Dana Jangka Pendek	1,337,279	1,883,340	1,336,699	1,882,951
Deposit dan Penempatan di Institusi Kewangan	720,309	547,779	719,893	547,473
	2,057,588	2,431,119	2,056,592	2,430,424

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

Kegiatan-kegiatan utama Co-opbank adalah menjalankan aktiviti perbankan Islam, pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) dan pelaburan.

Kegiatan-kegiatan utama subsidiari adalah seperti yang dinyatakan di Nota 12.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama Kumpulan dan Co-opbank pada tahun kewangan semasa. Co-opbank telah ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993.

Alamat prinsipal dan berdaftar Co-opbank adalah di Wisma Co-opbank Pertama, No.115, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kampung Bharu, 50300 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan disahkan untuk diisukan oleh Anggota Lembaga Co-opbank pada 25 Februari 2026.

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Co-opbank telah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs") dengan pengubahsuaian dibuat berdasarkan peraturan / garis panduan / pekeliling yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Penyata kewangan bagi subsidiari telah disediakan menurut MFRSs dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

(i) Penggunaan Piawaian Perakaunan Baru dan Piawaian Perakaunan Yang Dipinda

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2025

- * Pindaan kepada MFRS 121, *Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing* - Kekurangan Kebolehtukaran

Penggunaan piawaian dan pindaan yang dinyatakan di atas tidak memberi sebarang kesan kewangan yang material terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank.

(ii) MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi MFRSs yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum diguna pakai oleh Kumpulan dan Co-opbank.

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2026

- * Pindaan kepada MFRS 1 *Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia*, MFRS 10 *Penyata Kewangan Disatukan*, MFRS 107 *Penyata Aliran Tunai*, Penambahbaikan Kepada Piawaian Perakaunan MFRS.
- * Pindaan kepada MFRS 7 *Instrumen Kewangan - Pendedahan* dan MFRS 9 *Instrumen Kewangan - Pengelasan dan Pengukuran Instrumen Kewangan*, Penambahbaikan kepada Piawaian Perakaunan MFRS, Kontrak Elektrik bergantung kepada Alam Semula Jadi

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2027

- * Pindaan kepada MFRS 18 *Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan* dan MFRS 19 *Subsidiari tanpa Akauntabiliti Awam* - Pendedahan - Pengelasan dan Pengukuran Instrumen Kewangan, Kontrak Elektrik bergantung kepada Alam Semula Jadi

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang belum disahkan

- * Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama* - Penjualan atau Sumbangan Aset di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

a) Penyata pematuhan (Samb.)

- (ii) MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (Samb.)

Kumpulan dan Co-opbank berhasrat untuk menerima pakai piawaian dan pindaan yang dinyatakan di atas apabila ia mula berkuat kuasa. Pemakaian tersebut dijangka tidak akan memberi kesan material kepada penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank, kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

MFRS 18: Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan

MFRS 18 memperkenalkan kategori dan jumlah kecil baharu dalam penyata untung atau rugi. Piawaian ini juga menghendaki pendedahan ukuran prestasi yang ditakrifkan oleh pengurusan serta memperkenalkan keperluan baharu berkaitan lokasi, pengagregatan dan pengasingan maklumat kewangan.

Penyata untung rugi

MFRS 18 menghendaki Co-opbank mengklasifikasikan semua pendapatan dan perbelanjaan dalam penyata untung atau rugi kepada salah satu daripada lima kategori berikut: operasi; pelaburan; pembiayaan; cukai pendapatan; dan operasi terhenti. MFRS 18 juga menghendaki Co-opbank membentangkan jumlah kecil dan jumlah bagi 'untung atau rugi operasi', 'untung atau rugi sebelum pembiayaan dan cukai pendapatan' serta 'untung atau rugi'.

Ukuran prestasi yang ditakrifkan oleh pengurusan

MFRS 18 memperkenalkan konsep ukuran prestasi yang ditakrifkan oleh pengurusan ("MPM"), yang ditakrifkan sebagai jumlah kecil bagi pendapatan dan perbelanjaan yang digunakan oleh Co-opbank dalam komunikasi awam di luar penyata kewangan untuk menyampaikan pandangan pengurusan mengenai prestasi kewangan Co-opbank kepada pengguna. MFRS 18 juga menghendaki pendedahan maklumat mengenai semua MPM Co-opbank dalam satu nota kepada penyata kewangan serta beberapa pendedahan berkaitan setiap MPM, termasuk kaedah pengiraan ukuran tersebut dan penyesuaian kepada jumlah kecil yang paling setanding yang ditetapkan oleh MFRS 18 atau piawaian perakaunan MFRS yang lain.

Lokasi maklumat, pengagregatan dan pengasingan

MFRS 18 membezakan antara pembentangan maklumat dalam penyata kewangan utama dan pendedahan maklumat tersebut dalam nota, serta memperkenalkan prinsip bagi menentukan lokasi maklumat berdasarkan peranan yang dikenal pasti bagi penyata kewangan utama dan nota. MFRS 18 juga menghendaki pengagregatan dan pengasingan maklumat dilaksanakan dengan merujuk kepada ciri-ciri yang serupa dan tidak serupa.

Co-opbank sedang menilai kesan kewangan yang mungkin timbul daripada penerapan MFRS 18.

Pada masa ini, penerapan piawaian ini tidak dijangka memberi kesan material kepada penyata kewangan Co-opbank.

Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7 memberikan penjelasan mengenai:

- Liabiliti kewangan dinyahiktiraf pada 'tarikh penyelesaian' iaitu apabila obligasi berkaitan telah diselesaikan, dibatalkan, tamat tempoh atau sebaliknya memenuhi syarat untuk dinyahiktiraf. Ia juga memperkenalkan pilihan dasar perakaunan untuk menyahiktiraf liabiliti kewangan yang diselesaikan melalui sistem pembayaran.
- Cara menilai aliran tunai berkontrak bagi ciri aset kewangan yang termasuk alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta ciri kontigen lain yang serupa.
- Layanan terhadap aset tanpa rekurs (non recourse assets) dan instrumen yang berkait secara kontrak.

Kumpulan dan Co-opbank sedang menilai impak kewangan yang mungkin timbul daripada pemakaian pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

a) Penyata pematuhan (Samb.)

- (ii) MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (Samb.)

Penggunaan awal piawaian perakaunan, pindaan atau interpretasi dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan ketara bagi tempoh semasa dan penyata kewangan terdahulu Kumpulan dan Co-opbank.

b) Asas penyediaan

Penyata kewangan telah disediakan berasaskan asas kos sejarah melainkan yang dinyatakan dalam Nota 2.

c) Mata wang fungsian dan dipersembahkan

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu fungsi matawang Kumpulan dan Co-opbank dan telah dibundarkan ke nilai ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank selaras dengan MFRSs yang memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan nilai yang dilaporkan untuk aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar kemungkinan berbeza daripada anggaran yang dilakukan.

Anggaran dan andaian yang digunakan telah dikaji semula secara berterusan. Semakin terhadap anggaran-anggaran perakaunan diiktiraf dan tempoh di mana anggaran itu disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terlibat.

Maklumat berkaitan bahagian-bahagian penganggaran, ketidakpastian dan pertimbangan kritikal yang signifikan dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun diiktiraf dalam penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 3.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

a) Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Co-opbank dan kesemua subsidiari pada tarikh lembaranimbangan.

Di mana perlu, hasil daripada pengambilalihan atau penjualan subsidiari pada tahun semasa dimasukkan di dalam penyata kewangan disatukan bermula dari tarikh efektif pengambilalihan dan sehingga tarikh penjualan yang berkenaan.

Di mana perlu, pelarasan akan dibuat terhadap penyata kewangan subsidiari bagi menyeragamkan dasar perakaunannya dalam Kumpulan. Urus niaga di antara Co-opbank dan subsidiari berkaitan dihapuskan semasa penyatuan dan penyata-penyata kewangan yang disatukan tersebut menggambarkan urus niaga luaran sahaja.

b) Pelaburan dalam subsidiari

Subsidiari ialah di mana Co-opbank menguasai komposisi Lembaga Pengarah atau lebih daripada setengah kuasa mengundi, atau memegang lebih daripada separuh syer-syer biasa yang diterbitkan oleh subsidiari tersebut.

Pelaburan di dalam subsidiari dinyatakan pada kos, dan dikurangkan nilainya apabila para Anggota Lembaga Co-opbank berpendapat bahawa adanya pengurangan nilai terhadap pelaburan-pelaburan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

c) Kombinasi perniagaan

Pengambilalihan subsidiari diakaunkan kaedah belian ("acquisition method"). Kos pengambilalihan diukur atas nilai saksama pada tarikh pertukaran aset yang diberi, liabiliti yang dianggap atau diandaikan dan instrumen ekuiti yang dikeluarkan oleh Kumpulan bagi pertukaran kuasa oleh pemilik ditambah dengan sebarang kos langsung yang wujud daripada kombinasi perniagaan tersebut. Aset pemilik yang boleh dikenalpasti, liabiliti dan tanggungan luar jangka yang memenuhi syarat untuk diiktiraf adalah diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, kecuali aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) yang diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual. Aset-aset bukan semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Tidak Sambung, di mana ia diiktiraf dan diukur pada nilai saksama ditolak kos untuk dijual.

Muhibah yang dikenalpasti daripada pengambilalihan diiktiraf sebagai aset dan diukur pada kos, iaitu merupakan lebihan kos. Kombinasi perniagaan terhadap kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang dikenalpasti, liabiliti dan tanggungan luar jangka yang diiktiraf.

Jika selepas penilaian semula, kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih pemilikan aset yang dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka melebihi kos kombinasi perniagaan, lebihan tersebut akan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian.

d) Penghutang

Penghutang dibawa pada nilai boleh realisasi yang dijangka. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan kepada semakan semula semua amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dihapus kira pada tahun kewangan dikenal pasti.

Penghutang termasuk pembiayaan dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh realisasi. Semua hutang lapuk yang diketahui adalah dilupuskan dan peruntukan khas akan dibuat bagi penghutang dan juga pembiayaan yang kutipannya diragukan selepas tempoh 3 bulan.

Kumpulan dan Co-opbank mengkaji pembiayaan ragu, pendahuluan dan pembiayaan pada setiap tarikh pelaporan dibuat untuk menilai samada penjejasan harus dicatatkan dalam penyata kewangan. Ini terutamanya di mana keputusan perlu dibuat untuk mengenalpasti hutang ragu dan anggaran jumlah yang boleh diperolehi daripada hutang ragu apabila paras peruntukannya perlu ditentukan.

e) Hartanah dan peralatan

Hartanah dan peralatan adalah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang penjejasan aset kerugian terkumpul.

Tanah milik bebas dan kerja dalam proses tidak di caj susut nilai.

Hartanah yang sedang dalam pembinaan, untuk tujuan pengeluaran sewaan, pentadbiran, atau yang belum ditentukan kegunaannya adalah dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan yang telah dikenal pasti. Kos meliputi yuran profesional. Bagi aset yang layak, kos pembiayaan dipermodalkan berdasarkan dasar perakaunan Kumpulan. Susut nilai aset ini menggunakan asas yang sama dengan aset hartanah lain dan bermula apabila aset tersebut siap dan sedia untuk digunakan.

Kos-kos yang terlibat bagi aset diambil kira dalam jumlah pembawa aset berkenaan atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan, sekiranya faedah masa depan dan aset berkenaan diperolehi oleh Kumpulan dan kos dikenakan boleh dipercayai. Jumlah pembawa bagi alat atau bahagian aset adalah tidak diiktiraf.

Kesemua kos baik pulih dan penyelenggaraan dicaj kepada untung rugi dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

e) Hartanah dan peralatan (Samb.)

Hartanah dan peralatan lain disusut nilai pada kadar yang dikira mengikut kaedah garisan lurus untuk menghapus kira kos aset-aset tersebut sepanjang anggaran tempoh hayat bergunanya. Kadar susut nilai tahunan utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan milik bebas	2%
Perkakas dan peralatan	20%
Kenderaan	20%
Peralatan komputer	20%
Ubahsuai pejabat	5% - 10%

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, nilai residual dan jangka hayat kegunaan bagi hartanah dan peralatan akan disemak semula. Sebarang kesan terhadap perubahan akan diiktiraf secara perspektif. Keuntungan atau kerugian atas jualan adalah ditentukan melalui perbandingan antara perolehan dengan amaun pembawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian dari operasi.

Sekiranya peralatan atau bahagian item-item hartanah dan peralatan mempunyai jangka hayat kegunaan berbeza, kos atau penilaian terhadap item-item tersebut diperuntukkan berdasarkan asas yang munasabah di antara peralatan-peralatan dan setiap bahagian peralatan yang disusut nilai secara berasingan.

f) Aset tak ketara

Sebagai tambahan kepada muhibah atas penyatuan, aset tak ketara juga termasuk perisian komputer dan perisian dalam pembangunan.

Aset tak ketara yang diperoleh secara berasingan diukur pada pengiktirafan awal pada kos. Kos aset tak ketara yang diperoleh dalam kombinasi perniagaan adalah nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas pengiktirafan awal, aset tak ketara diukur pada kos ditolak mana-mana pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, kecuali perisian dalam pembangunan yang tidak tertakluk kepada pelunasan sehingga pembangunan selesai dan aset sedia untuk digunakan.

Pelunasan aset tak ketara dikira menggunakan kaedah garis lurus untuk memperuntukkan kos mereka kepada nilai sisa mereka sepanjang anggaran hayat berguna seperti berikut:

Perisian komputer	10% - 20%
-------------------	-----------

g) Aset kewangan

Tarikh pengiktirafan

Semua aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga, iaitu pada tarikh Kumpulan dan Co-opbank menjadi pihak berkaitan kepada peruntukan kontrak instrumen tertentu. Ini termasuk cara biasa berniaga, belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyampaian aset dalam kerangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya

Semua aset kewangan diukur pada mulanya pada nilai saksama mereka serta kos urusniaga yang berkaitan secara langsung, kecuali dalam kes aset kewangan yang dicatatkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

g) Aset kewangan (Samb.)

Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (Samb.)

Kumpulan dan Co-opbank mengklasifikasikan semua aset kewangannya berdasarkan model perniagaan untuk menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai kontraktual aset, diukur sama ada:

- Kos terlunas
- Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")

Aset kewangan adalah termasuk seperti berikut:

(i) Aset kewangan pada kos terlunas

Kumpulan dan Co-opbank mengukur aset kewangan pada kos yang dilunaskan jika kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Aset kewangan dipegang dalam model perniagaan dengan matlamat untuk memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontraktual; dan
- Syarat kontrak aset kewangan menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata pembayaran prinsipal dan keuntungan ("SPPP") ke atas amaun prinsipal yang tertunggak.

Butiran syarat-syarat ini digariskan di bawah:

1) Penilaian Model Perniagaan

Kumpulan dan Co-opbank menentukan model perniagaannya di peringkat yang paling mencerminkan bagaimana kumpulan aset kewangan diuruskan untuk mencapai objektif perniagaannya.

Model perniagaan Kumpulan dan Co-opbank tidak dinilai berdasarkan instrumen, tetapi tahap portfolio agregat yang lebih tinggi dan didasarkan pada faktor yang dapat dilihat seperti:

- Bagaimana prestasi model perniagaan dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan itu dinilai dan dilaporkan kepada personel pengurusan utama
- Risiko-risiko yang mempengaruhi prestasi model perniagaan (dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan itu) dan, khususnya, bagaimana risiko-risiko tersebut diuruskan
- Bagaimana pengurus perniagaan dikompensasi (contohnya, sama ada pampasan berdasarkan nilai saksama aset yang diuruskan atau aliran tunai kontraktual yang dikumpulkan)
- Kekerapan, nilai dan masa jualan yang dijangkakan juga merupakan aspek penting dari penilaian Kumpulan dan Co-opbank

Penilaian model perniagaan berdasarkan senario yang dijangkakan dengan wajar tanpa mengambil kira senario terburuk atau senario stres. Jika aliran tunai selepas pengiktirafan awal direalisasikan dengan cara yang berbeza daripada jangkaan asal Kumpulan dan Co-opbank, Kumpulan dan Co-opbank tidak mengubah klasifikasi baki aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan itu, tetapi memasukkan maklumat tersebut apabila menilai aset kewangan baru yang baru dibeli atau yang baru dibeli pada masa hadapan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

g) Aset kewangan (Samb.)

Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (Samb.)

(i) Aset kewangan pada kos terlunas (Samb.)

2) Ujian SPPP

Sebagai langkah kedua proses pengelasannya, Kumpulan dan Co-opbank menilai terma-terma kontrak aset kewangan untuk mengenal pasti sama ada mereka memenuhi ujian SPPP.

"Prinsipal" untuk tujuan ujian ini ditakrifkan sebagai nilai saksama aset kewangan pada pengiktirafan permulaan dan boleh berubah sepanjang hayat aset kewangan (contohnya, jika terdapat pembayaran balik pokok atau pelunasan premium/diskaun).

Unsur keuntungan yang paling penting dalam susunan pembiayaan biasanya adalah pertimbangan untuk nilai masa wang dan risiko kredit. Untuk membuat penilaian SPPP, Kumpulan dan Co-opbank mengenakan penghakiman dan mempertimbangkan faktor-faktor yang berkaitan seperti mata wang di mana aset kewangan didenominasi, dan tempoh di mana kadar keuntungan ditetapkan.

Sebaliknya, istilah kontrak yang memperkenalkan pendedahan lebih daripada de minimis kepada risiko atau turun naik dalam aliran tunai kontraktual yang tidak berkaitan dengan susunan pembiayaan asas tidak menimbulkan aliran tunai kontrak yang semata-mata pembayaran pokok dan keuntungan pada jumlah tertunggak. Dalam kes sedemikian, aset kewangan diperlukan untuk diukur di FVTPL.

Kumpulan dan Co-opbank mengukur pembiayaan dan pendahuluan pada kos yang dilunaskan.

(ii) Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")

Kumpulan dan Co-opbank menggunakan kategori baru di bawah MFRS 9 instrumen hutang yang diukur di FVOCI apabila kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Instrumen ini dipegang dalam model perniagaan, objektifnya dicapai dengan mengumpul aliran tunai kontraktual dan menjual aset kewangan; dan
- Istilah kontrak aset kewangan memenuhi ujian SPPP.

Aset kewangan di FVOCI kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian yang timbul akibat perubahan dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain ("OCI"). Pendapatan keuntungan dan kerugian dan kerugian pertukaran asing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan cara yang sama seperti aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan. Pada pengiktirafan, keuntungan atau kerugian kumulatif sebelum ini diiktiraf dalam OCI diklasifikasi semula daripada OCI kepada keuntungan atau kerugian.

Instrumen ekuiti biasanya diukur pada FVTPL. Walau bagaimanapun, untuk instrumen ekuiti tidak disebut harga, dengan pilihan tidak boleh ditarik balik pada permulaan, Kumpulan dan Co-opbank mengukur perubahan melalui FVOCI (tanpa mengitar semula keuntungan atau kerugian semasa penyahiktirafan).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

h) Rosotnilai aset kewangan

Keperluan rosotnilai MFRS 9 adalah berdasarkan model Kerugian Kredit Dijangka ("ECL"). Model ECL dikenakan kepada aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan atau pada FVOCI, komitmen pembiayaan tidak dapat dibatalkan dan kontrak jaminan kewangan; yang termasuk pembiayaan dan pendahuluan, serta instrumen kewangan yang dipegang oleh Kumpulan dan Co-opbank. Model ECL juga terpakai kepada aset kontrak di bawah MFRS 15, Pendapatan daripada Kontrak dengan Pelanggan dan pajakan belum diterima dibawah MFRS 16, Pajakan.

Pengukuran kerugian kredit yang dijangka melibatkan peningkatan kerumitan dan penghakiman yang termasuk:

- (i) Menentukan peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal.

Penilaian-penilaian kemerosotan yang ketara sejak pengiktirafan awal adalah kunci untuk menentukan titik perpindahan antara mengukur peruntukan berdasarkan ECL 12 bulan, atau peruntukan berdasarkan jangka hayat ECL. Sejumlah penilaian kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam menentukan sama ada terdapat kenaikan risiko kredit yang ketara pada tarikh pelaporan apabila dibandingkan dengan tarikh pengiktirafan awal.

Kumpulan dan Co-opbank menggunakan pendekatan tiga peringkat berdasarkan perubahan dalam kualiti kredit sejak pengiktirafan awal:

Pendekatan 3 peringkat	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3
	Berprestasi	Kurang berprestasi	Tidak berprestasi
Penerangan	Tiada peningkatan ketara dalam risiko kredit	Risiko kredit meningkat dengan ketara	Kredit terjejas aset
Pendekatan ECL	ECL 12-bulan	ECL Sepanjang hayat	ECL Sepanjang hayat
Pengiktirafan pendapatan keuntungan	Pada amaun dibawa kasar	Pada amaun dibawa kasar	Pada amaun dibawa bersih

- (ii) Pengukuran ECL

Terdapat tiga komponen utama untuk mengukur ECL iaitu model kebarangkalian mungkir ("PD"), model kerugian mungkir ("LGD"), dan model pendedahan pada kemungkiran ("EAD").

MFRS 9 tidak membezakan antara penilaian individu dan penilaian kolektif. Oleh itu, Kumpulan dan Co-opbank terus mengukur rosotnilai berdasarkan asas penilaian individu untuk kewangan yang dianggap signifikan secara individu. Semua kewangan lain yang lain akan dinilai secara kolektif mengikut polisi Kumpulan dan Co-opbank.

- (iii) Pelaburan kewangan di FVOCI

Pelaburan kewangan ECL yang diukur pada FVOCI tidak mengurangkan jumlah amaun dibawa aset kewangan ini, yang kekal pada nilai saksama. Sebaliknya, jumlah yang sama dengan peruntukan yang akan timbul jika aset diukur pada kos dilunaskan diiktiraf dalam OCI sebagai amaun rosotnilai terkumpul, dengan caj yang sama kepada untung atau rugi. Kerugian terkumpul yang diiktiraf dalam OCI dikitar semula kepada untung dan rugi apabila penyahiktirafan aset tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

h) Rosotnilai aset kewangan (Samb.)

(iv) Hayat yang dijangkakan

Kerugian kredit dijangka sepanjang hayat mesti diukur sepanjang hayat yang dijangkakan. Ini ditakrifkan sebagai kontrak hayat maksimum, termasuk apa-apa bayaran terdahulu, pelanjutan, panggilan dan pilihan yang sama.

(v) Maklumat *Forward-looking*

Kerugian kredit dijangka adalah kerugian kredit kebarangkalian yang tidak berat sebelah, ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan hasil dan mempertimbangkan keadaan ekonomi masa depan. Maklumat ke hadapan yang munasabah dan boleh dipercayai adalah berdasarkan Bahagian Penyelidikan Ekonomi Co-opbank.

Di mana berkenaan, Kumpulan dan Co-opbank menggabungkan pelarasan berpandangan ke hadapan dalam faktor risiko kredit PD dan LGD yang digunakan dalam pengiraan ECL, dengan mengambil kira kesan pelbagai ramalan ekonomi ramalan masa depan.

Termasuk dalam ECL adalah pelbagai maklumat berpandangan ke depan sebagai input ekonomi, seperti:

- Produk Domestik Kasar ("GDP")
- Indeks Harga Rumah ("HPI")
- Indeks Harga Pengguna ("CPI")
- Kadar Harga Semalaman ("OPR")

Kumpulan dan Co-opbank menggunakan ketiga-tiga alternatif scenario makro-ekonomi berikut untuk mencerminkan pelbagai kebarangkalian tidak bias kemungkinan hasil masa depan dalam menganggarkan ECL:

Senario asas: Senario ini mencerminkan keadaan makro-ekonomi semasa terus berlaku.

Senario Terbaik dan Terburuk: Senario ini ditetapkan berbanding dengan senario asas; mencerminkan keadaan makro-ekonomi yang paling baik dan paling teruk berdasarkan penilaian pakar perkara terbaik dari keadaan ekonomi semasa.

(vi) Penilaian Tahap 3 ECL

Dasar perakaunan Co-opbank untuk cagaran yang diberikan kepadanya melalui pengaturan pembiayaannya di bawah MFRS 9 adalah sama seperti di bawah MFRS 139.

i) Pajakan

Semua pajakan, kecuali bagi aset jangka pendek dan aset nilai rendah diiktiraf sebagai manfaat penggunaan aset dengan liabiliti-liabiliti pajakan yang sama pada tarikh aset pajakan boleh digunakan oleh Kumpulan dan Co-opbank. Kumpulan dan Co-opbank telah memilih untuk mengiktiraf pembayaran bagi pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah mengikut kaedah asas garis lurus sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

Setiap bayaran pajakan dibahagikan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Perbelanjaan keuntungan dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan. Manfaat penggunaan aset disusut nilai mengikut jangka masa yang lebih singkat diantara tempoh hayat dan terma pajakan pada asas garis lurus. Portfolio pajakan bagi Kumpulan dan Co-opbank terdiri daripada sewa bangunan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

i) Pajak (Samb.)

(i) Manfaat Penggunaan Aset ("ROU")

Pada permulaan kontrak, Kumpulan dan Co-opbank menilai sama ada kontrak itu adalah, atau mengandungi, perjanjian pajak di mana jika kontrak tersebut memberi hak kepada pengguna ("pemajak") untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti untuk suatu jangka masa sebagai pertukaran untuk pertimbangan. Sekiranya kontrak mengandungi lebih daripada satu komponen pajak, atau gabungan transaksi pajak dan perkhidmatan, pertimbangan diberikan kepada setiap komponen pajak dan bukan pajak ini dengan kesimpulan dan pada setiap pengukuran semula kontrak berikutnya berdasarkan harga jualan tersendiri. Kumpulan dan Co-opbank menggabungkan komponen pajak dan bukan pajak, dalam kes di mana pemisahan komponen bukan pajak tidak mungkin dilakukan.

Kumpulan dan Co-opbank mengiktiraf manfaat penggunaan aset pada tarikh permulaan pajak (tarikh aset sandaran sedia untuk digunakan). Manfaat penggunaan aset diukur pada kos, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai, dan dilaraskan dengan sebarang pengukuran semula liabiliti pajak. Kos manfaat penggunaan aset merangkumi jumlah liabiliti pajak yang dilaraskan dengan sebarang pembayaran pajak yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan, ditambah dengan kos langsung awal yang timbul dan anggaran kos untuk rombakan dan menghapuskan aset sandaran atau untuk memulihkan aset sandaran atau tapak di mana ia berada, ditolak insentif sewa yang diterima. Tempoh pajak merangkumi tempoh dengan pilihan untuk disambung sekiranya Kumpulan dan Co-opbank cukup yakin untuk melaksanakan pilihan tersebut. Melainkan jika Kumpulan dan Co-opbank cukup yakin untuk memperoleh pemilikan aset yang disewa pada akhir tempoh pajak, manfaat penggunaan aset yang diiktiraf disusut nilai pada asas garis lurus di antara jangka hayat dan tempoh pajak yang mana lebih pendek. Manfaat penggunaan aset tertakluk kepada penilaian rosot nilai.

(ii) Liabiliti pajak

Pada tarikh permulaan pajak, Kumpulan dan Co-opbank mengiktiraf liabiliti pajak yang diukur pada nilai semasa pembayaran pajak yang akan dibuat sepanjang tempoh pajak. Bayaran pajak merangkumi pembayaran tetap (termasuk dasar pembayaran tetap) ditolak insentif pajak yang diterima, pembayaran pajak berubah yang bergantung pada indeks atau kadar, dan jumlah yang dijangkakan akan dibayar di bawah nilai sisa terjamin. Pembayaran pajak juga merangkumi harga pelaksanaan opsi pembelian yang mungkin pasti akan dilaksanakan oleh Kumpulan dan Co-opbank dan pembayaran penalti untuk menamatkan pajak, jika jangka masa pajak mencerminkan Kumpulan dan Co-opbank melaksanakan pilihan untuk menamatkan. Pembayaran pajak berubah yang tidak bergantung pada indeks atau kadar diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana peristiwa atau keadaan yang mencetuskan pembayaran itu berlaku.

Dalam mengira nilai pembayaran pajak semasa, Kumpulan dan Co-opbank menggunakan kadar kenaikan pembiayaan pada tarikh permulaan pajak kerana kadar keuntungan yang tersirat dalam pajak tidak dapat ditentukan dengan mudah. Selepas tarikh permulaan, jumlah liabiliti sewa dinaikkan untuk menunjukkan penambahan keuntungan dan dikurangkan untuk pembayaran pajak yang dibuat. Di samping itu, nilai dibawa liabiliti pajak diukur semula sekiranya terdapat pengubahsuaian, perubahan dalam jangka masa pajak, perubahan dalam pembayaran sewa tetap substansi atau perubahan dalam penilaian untuk membeli aset sandaran.

(iii) Pertimbangan penting dalam menentukan jangka masa kontrak dengan pilihan pembaharuan

Kumpulan dan Co-opbank menentukan jangka masa pajak sebagai jangka masa pajak yang tidak dapat dibatalkan, bersama dengan mana-mana tempoh yang merangkumi pilihan untuk menyambung tempoh pajak jika cukup wajar dilaksanakan, atau tempoh yang merangkumi pilihan untuk menamatkan pajak, jika sudah pasti ianya tidak dapat dilaksanakan.

Kumpulan dan Co-opbank mempunyai pilihan, di bawah beberapa pajakkannya untuk memajak aset bagi jangka masa tambahan tiga hingga lima tahun. Kumpulan dan Co-opbank menggunakan pertimbangan dalam menilai sama ada wajar untuk melaksanakan pilihan untuk memperbaharui kontrak. Bermaksud, ia mempertimbangkan semua faktor relevan yang menimbulkan insentif ekonomi untuk memperbaharui perjanjian pajak tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

i) Pajakan (Samb.)

- (iii) Pertimbangan penting dalam menentukan jangka masa kontrak dengan pilihan pembaharuan (Samb.)

Selepas tarikh permulaan, Kumpulan dan Co-opbank menilai semula jangka masa pajakan jika terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang berada di dalam kawalannya dan mempengaruhi kemampuannya untuk melaksanakan (atau tidak menjalankan) pilihan untuk memperbaharui (contohnya seperti perubahan strategi perniagaan).

Kumpulan dan Co-opbank telah menggunakan praktikal manfaat berikut yang dibenarkan oleh piawaian untuk pajakan:

- (a) Pajakan dengan tempoh pajakan 12 bulan atau lebih pendek; dan

Kumpulan dan Co-opbank menggunakan pengecualian pengiktirafan pajakan jangka pendek kepada pajakan jangka pendeknya yang mempunyai jangka masa pajakan 12 bulan atau kurang dari tarikh permulaan yang tidak mempunyai pilihan klausa pajakan boleh diperbaharui dan pilihan pembelian.

- (b) Pajakan untuk aset bernilai rendah yang kurang daripada RM20,000

Kumpulan dan Co-opbank juga menggunakan pengecualian pengiktirafan aset bernilai rendah untuk pajakan aset yang dianggap bernilai rendah dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan berdasarkan asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Kumpulan dan Co-opbank mengiktiraf bayaran pajakan, apabila berlaku, dalam penyata pendapatan untuk pajakan yang tidak memenuhi penilaian ROU dan yang mana ia telah menggunakan pengecualian yang dibenarkan oleh piawaian.

j) Aset bukan semasa dipegang untuk jualan

Aset bukan semasa dan jualan Kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk jualan sekiranya amaun dibawa akan dipulihkan semula melalui transaksi jualan berbanding melalui penggunaan berterusan. Syarat ini dianggap dipatuhi sekiranya jualan telah ditentukan sepenuhnya dan aset (atau jualan Kumpulan) untuk tujuan jualan serta merta adalah dalam keadaan semasa.

Pihak pengurusan perlu komited terhadap penjualan tersebut yang dijangka layak untuk dikenal pasti sebagai jualan yang telah disempurnakan dalam masa setahun daripada tarikh klasifikasi. Aset bukan semasa (dan jualan Kumpulan) diklasifikasikan sebagai pegangan untuk jualan telah diukur pada amaun dibawa terendah pada tahun sebelum dan nilai saksama ditolak kos untuk dijual.

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi perundangan semasa atau konstruktif, hasil daripada keputusan peristiwa masa lalu yang berkemungkinan pengaliran keluar sumber diperlukan untuk menjelaskan obligasi berkenaan dan anggaran menyakinkan amaun obligasi boleh dibuat.

k) Penjejasan aset

Amaun pembawa hartanah, loji dan peralatan, pembangunan hartanah serta pelaburan di dalam subsidiari akan disemak bagi tujuan penjejasan nilai apabila terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin akan terjejas. Penjejasan nilai dikira dengan membandingkan amaun pembawa aset dengan amaun boleh pulih aset tersebut. Kerugian daripada penjejasan nilai akan di caj ke penyata pendapatan dengan serta-merta, kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai, di dalam kes ini, kerugian daripada penjejasan nilai akan di anggap sebagai pengurangan penilaian.

Jumlah pemulihan adalah nilai saksama melebihi kos jualan dan nilai terpakai. Dalam menilai nilai terpakai, anggaran hadapan aliran tunai telah didiskaun ke nilai semasa menggunakan kadar diskaun cukai terdahulu yang menunjukkan nilai pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko kepada aset yang belum dipelaras anggaran hadapan aliran tunai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

k) Penjejasan aset (Samb.)

Kenaikan seterusnya ke atas amaun boleh pulih aset tersebut akan diambil kira sebagai pembalikan terhadap penjejasan nilai sebelum ini dan diiktiraf setakat mana pembawa nilai aset tersebut telah ditentukan (bersih dan pelunasan dan susut nilai) sebelum sebarang penjejasan nilai diiktiraf. Pembalikan ini akan diiktiraf ke penyata pendapatan dengan serta-merta, kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai semula dalam kes ini, pembalikan kerugian penjejasan akan dianggap sebagai kenaikan penilaian.

Sekiranya jumlah pemulihan aset dianggap kurang daripada jumlah pembawa, jumlah pembawa aset dikurangkan ke jumlah pemulihan. Kerugian penjejasan akan diiktiraf di dalam penyata kewangan.

l) Pelaburan

Pelaburan dalam mana-mana saham tidak tersiar harga pada kos setelah ditolak peruntukan bagi sebarang pengurangan nilai yang kekal. Pelaburan saham tersiar harga dinyatakan pada kos dan nilai pasaran yang ditentukan berasaskan agregat, mengikut yang mana lebih rendah.

m) Tunai dan setara tunai

Kumpulan dan Co-opbank telah menerima pakai kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunai. Tunai dan setara tunai merangkumi baki tunai dan bank, overdraf bank, deposit dan pelaburan jangka pendek yang mempunyai mudah tunai dan sedia untuk ditukar kepada tunai dengan risiko perubahan nilai yang kecil.

n) Penjualan pembiayaan

Dalam perjalanan biasa operasi Perbankan Islam, penjualan portfolio hutang secara Islam dianggap sebagai urus niaga jual beli dari sudut pandangan Syariah. Urus niaga pembiayaan sedemikian selepas ditolak aset yang dijual dalam penyata kedudukan kewangan dan obligasi untuk membeli balik pembiayaan ditunjukkan sebagai aset yang dijual dengan bakinya yang dikelaskan sebagai komitmen dan liabiliti luar jangka.

o) Pemiutang sewa beli

Aset yang dibeli secara sewa beli dinyatakan pada amaun bersamaan dengan nilai saksama dan nilai semasa minima bayaran sewa beli, yang mana lebih rendah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian penjejasan. Tanggungan berkaitan dimasukkan dalam penyata kewangan sebagai pembiayaan.

Bayaran sewa beli adalah dibahagikan di antara kos kewangan dan pengurangan dalam liabiliti tertunggak. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan di antara jumlah penglibatan sewa beli dan nilai saksama aset yang dibeli, yang dikenalpasti sebagai belanja dalam penyata pendapatan sepanjang terma sewa beli dalam menghasilkan tempoh kadar keuntungan yang tetap atas baki tertunggak dalam setiap tempoh perakaunan.

p) Zakat

Penaksiran zakat dibuat oleh Co-opbank sebagai zakat perniagaan mengikut rukun-rukun dan syarat-syarat yang ditetapkan berdasarkan prinsip syariah bagi haul 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025 menurut kaedah modal berkembang dipelarakkan yang ditaksirkan atas ekuiti Muslim daripada pendapatan, hasil pelaburan dan daripada modal dan harta yang diperniagakan.

Oleh yang demikian, anggota tidak perlu lagi membayar zakat ke atas dividen. Penaksiran zakat ini hanya terhad kepada aktiviti perkhidmatan kewangan Islam oleh Co-opbank sahaja dan bukan penaksiran zakat untuk kumpulan yang mana ia perlu ditaksirkan secara berasingan oleh subsidiari lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

q) Cukai

Belanja cukai pendapatan mewakili jumlah cukai perlu dibayar semasa dan cukai tertunda. Cukai perlu dibayar semasa adalah berdasarkan keuntungan bercukai bagi tahun berkenaan yang dikira berdasarkan kadar cukai yang telah ditentukan mengikut undang-undang atau yang ditentukan pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Cukai semasa bagi tempoh semasa dan terdahulu adalah diiktiraf sebagai liabiliti (atau aset) sehingga mencapai tahap yang ianya menjadi tidak berbayar (atau dipulihkan).

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh penyata kedudukan kewangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan setakat tahap di mana keuntungan boleh cukai diramalkan boleh menyerap perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan.

Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara berpunca daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada permulaan pengambil alihan aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan kombinasi perniagaan dan dalam pada masa urus niaga itu, tidak mempengaruhi keuntungan perakaunan dan pendapatan bercukai.

Amaun dibawa bagi aset cukai tertunda akan diukur pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan akan berkurangan setakat tahap di mana keuntungan boleh cukai tidak boleh diramalkan untuk membolehkan keseluruhan atau sebahagian aset untuk di baik pulih.

Cukai tertunda diukur dengan menggunakan kadar cukai yang dijangka digunakan dalam jangka masa aset direalisasikan atau liabiliti telah dibuat bayaran. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan, kecuali cukai tertunda itu wujud daripada urus niaga yang diambil kira terus dalam ekuiti, di mana cukai tertunda tersebut juga diambil kira di dalam ekuiti.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dimansuhkan apabila terdapat arahan undang-undang yang sah untuk menghapuskan aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila ianya berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai di mana Kumpulan berniat untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa berdasarkan asas bersih.

r) Rosot nilai aset bukan kewangan

Jumlah bawaan aset bukan kewangan dikaji pada setiap tarikh pelaporan untuk memastikan sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Sekiranya terdapat tanda sebegini, atau apabila ujian rosot nilai tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan dan Co-opbank menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan. Jumlah aset yang boleh dipulihkan adalah nilai saksama ditolak kos jualan atau nilai kegunaannya yang mana lebih tinggi bagi sesuatu aset atau unit penjana tunai ("CGU"). Sekiranya jumlah aset atau CGU melebihi jumlah boleh dipulihkan, aset dianggap sebagai rosot nilai dan diturunkan nilainya kepada jumlah boleh dipulihkan.

Bagi penilaian nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai wang dan risiko yang khusus kepada aset. Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos jualan, transaksi pasaran semasa diambil kira. Sekiranya tiada transaksi seumpama itu boleh dikenal pasti, model penilaian yang bersesuaian digunakan. Pengiraan ini disokong oleh penilaian berganda, sebut harga saham syarikat awam atau petunjuk nilai saksama yang boleh diperolehi.

Bagi aset-aset selain muhibah, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang tanda kerugian rosot nilai diiktiraf sebelumnya tidak lagi wujud atau mungkin berkurangan. Sekiranya ada tanda sedemikian, Kumpulan dan Co-opbank menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan bagi aset atau CGU tersebut. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya apabila terdapat perubahan andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah aset yang boleh dipulihkan sejak kerugian rosot nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad supaya jumlah bawaan aset tidak juga melebihi jumlah yang boleh dipulihkan, dan tidak melebihi jumlah bawaan yang ditentukan setelah ditolak susut nilai atau pelunasan, seandainya tiada kerugian rosot nilai diiktiraf bagi aset dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

s) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan daripada urus niaga Co-opbank mengikut prinsip syariah diiktiraf menurut asas akruan. Kaedah pengiktirafan keuntungan daripada pembiayaan pelanggan-pelanggan berasaskan kaedah baki berkurangan. Apabila sesuatu akaun menjadi tidak membayar, keuntungannya digantung sehingga bayaran dijelaskan secara tunai. Akaun-akaun pelanggan dianggap tidak membayar apabila terdapat tunggakan ke atas bayaran balik melebihi tiga bulan bagi pembiayaan, pendahuluan dan sewa beli.

Pendapatan daripada projek pembangunan diiktiraf berdasarkan kaedah peratusan siapan ke atas semua unit bangunan yang telah dijual. Peruntukan kemungkinan kerugian dibuat di dalam penyata pendapatan apabila sesuatu kerugian itu dikenal pasti.

t) Manfaat Warga Kerja

(i) Manfaat warga kerja jangka pendek

Gaji, cuti tahunan membayar dan cuti sakit, bonus dan faedah-faedah lain bukan tunai di akrui berdasarkan tempoh perkhidmatan warga kerja.

(ii) Pelan caruman tertakrif

Kumpulan dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat caruman bulanan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), satu badan berkanun yang menentukan pelan caruman untuk warga kerja yang layak berdasarkan kepada kadar gaji warga kerja. Caruman Kumpulan ke KWSP dinyatakan berasaskan manakala caruman warga kerja ke KWSP adalah termasuk dalam gaji warga kerja.

3. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN YANG PRAKTIKAL DAN SUMBER UTAMA BAGI KETIDAKPASTIAN DALAM ANGGARAN

Pertimbangan kritikal dalam mengamalkan dasar perakaunan Kumpulan

Dalam proses mengamalkan polisi perakaunan Kumpulan, sepertimana yang telah diterangkan di dalam Nota 2, pihak pengurusan berpendapat bahawa sebarang keadaan yang timbul kesan dari menggunakan pertimbangan tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

Sumber-sumber utama bagi ketidakpastian dalam anggaran

Tiada sebarang andaian utama berhubung masa depan serta sumber-sumber utama bagi ketidakpastian dalam anggaran pada tarikh penyata kedudukan kewangan yang dianggap mempunyai risiko signifikan boleh mengakibatkan pelarasan material terhadap nilai pembawa bagi aset dan liabiliti bagi tahun kewangan berikutnya kecuali:

(a) Rosotnilai pembiayaan dan pendahuluan

Kumpulan dan Co-opbank menyemak portfolio pembiayaan dan pendahuluan dalam menentukan sama ada kerugian rosotnilai perlu direkodkan dalam untung atau rugi.

Pembiayaan adalah dianggap sebagai terjejas apabila terdapat bukti objektif rosotnilai disebabkan peristiwa kerugian yang telah menjejaskan jangkaan aliran tunai pembiayaan tersebut selepas pengiktirafan awal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

3. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN YANG PRAKTIKAL DAN SUMBER UTAMA BAGI KETIDAKPASTIAN DALAM ANGGARAN (SAMB.)

Sumber-sumber utama bagi ketidakpastian dalam anggaran (Samb.)

(a) Rosotnilai pembiayaan dan pendahuluan (Samb.)

Kerugian kredit dijangka

Pengiraan ECL Kumpulan dan Co-opbank di bawah MFRS 9 adalah output model kompleks dengan beberapa andaian asas mengenai pilihan input berubah-ubah dan kebergantungan mereka. Unsur-unsur model ECL yang dianggap pertimbangan dan anggaran perakaunan termasuk:

- Kriteria untuk menilai jika terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara, termasuk penilaian kualitatif, untuk menentukan sama ada aset kewangan perlu mengambil langkah-langkah berdasarkan asas jangka hayat ECL daripada asas ECL 12-bulan
- Segmentasi aset kewangan, apabila ECL mereka dinilai secara kolektif
- Pembangunan model ECL, termasuk pelbagai formula dan pilihan input
- Penentuan hubungan antara senario makroekonomi, dan input ekonomi, seperti kadar pengangguran dan kadar harga semalaman, dan kesannya kepada PD, EAD, dan LGD
- Pemilihan senario makroekonomi yang berpandangan ke hadapan dan kebarangkalian kebarangkalian mereka, untuk mendapatkan input ekonomi ke dalam model ECL

(b) Rosotnilai portfolio aset kewangan

Kumpulan dan Co-opbank menyemak semula pelaburan kewangan mereka di FVOCI dan pelaburan kewangan pada kos pelunasan di bawah MFRS 9 untuk mengiktiraf ECL pada setiap tarikh pelaporan untuk menggambarkan perubahan dalam risiko kredit pelaburan kewangan yang tidak diukur melalui FVTPL. MFRS 9 menggabungkan maklumat yang berpandangan ke hadapan dan sejarah, semasa dan ramalan ke dalam anggaran ECL.

Dalam menjalankan kajian rosotnilai, penilaian pengurusan berikut diperlukan:

- (i) Penentuan sama ada pelaburan terjejas berdasarkan penunjuk tertentu seperti, antara lain, kesulitan penerbit atau penanggung, kemerosotan kualiti kredit penerbit atau penanggung; dan
- (ii) Penentuan ECL yang mencerminkan:
 - (a) Jumlah yang tidak bias dan kebarangkalian yang ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan hasil;
 - (b) Nilai masa wang; dan
 - (c) Maklumat yang munasabah dan boleh disokong, yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, seperti pada tarikh pelaporan tentang kejadian masa lalu, keadaan semasa, dan ramalan keadaan ekonomi masa depan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

3. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN YANG PRAKTIKAL DAN SUMBER UTAMA BAGI KETIDAKPASTIAN DALAM ANGGARAN (SAMB.)

Sumber-sumber utama bagi ketidakpastian dalam anggaran (Samb.)

(c) Anggaran nilai saksama bagi pelaburan kewangan pada FVOCI

Apabila nilai saksama aset kewangan yang direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan tidak dapat diukur berdasarkan harga disebut dalam pasaran aktif, nilai saksama mereka diukur menggunakan teknik penilaian. Teknik penilaian termasuk kaedah aliran tunai terdiskaun, model harga pilihan, dan model penilaian lain yang berkaitan.

Input kepada model-model ini diambil dari pasaran yang boleh diperhatikan yang mana mungkin, tetapi jika ini tidak boleh dilaksanakan, tahap penilaian diperlukan dalam mewujudkan nilai saksama.

(d) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan setakat mana keuntungan boleh cukai diramalkan boleh menyerap perbezaan sementara ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan. Pihak pengurusan telah membuat pertimbangan yang signifikan bagi mengenal pasti jumlah aset cukai tertunda boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan tahap keuntungan cukai masa depan serta strategi perancangan cukai masa depan.

4. TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Tunai di tangan	14,666	21,506	14,666	21,506
Tunai di bank	399,540	792,529	398,960	792,140
Deposit & penempatan di bank berlesen yang matang dalam tempoh satu bulan	923,073	1,069,305	923,073	1,069,305
	1,337,279	1,883,340	1,336,699	1,882,951

5. DEPOSIT DAN PENEMPATAN DI INSTITUSI KEWANGAN

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Bank-bank berlesen	720,309	547,779	719,893	547,473
Termasuk dalam item ini adalah deposit yang mewakili: Kumpulan Wang Rizab Statutori (Nota 22)	67,113	63,794	67,113	63,794

Deposit dan penempatan yang ditempatkan dengan bank berlesen memperoleh keuntungan pada kadar 3.04% (2024: 3.6%) setahun dan akan matang dalam tempoh satu tahun.

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2025

6. PELABURAN KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		
Sekuriti hutang Islam	529,646	369,199
Terbitan pelaburan kerajaan	527,644	250,042
Sukuk Jaminan Kerajaan Malaysia	185,052	279,777
	1,242,342	899,018
Instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		
Saham tidak disebut harga	756	755
Jumlah pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	1,243,098	899,773

Pergerakan dalam peruntukan rosot nilai yang mencerminkan peruntukan ECL adalah seperti berikut:

	12 bulan ECL Tahap 1 RM'000
Pada 1 Januari 2024	89
Perubahan dalam risiko kredit	10
Pada 31 Disember 2024/ 1 Januari 2025	99
Perubahan dalam risiko kredit	42
Pada 31 Disember 2025	141

Termasuk dalam item ini adalah kewajipan atas urusanniaga sekuriti di bawah instrumen Murabahah Komoditi Bercagar (Nota 17):

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Terbitan pelaburan kerajaan	-	215,366

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

7. PELABURAN KEWANGAN PADA KOS TERLUNAS

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Pada kos terlunas		
Sekuriti hutang Islam	131,595	40,792
Terbitan pelaburan kerajaan	1,381,519	971,286
Sukuk Jaminan Kerajaan Malaysia	308,906	289,214
	1,822,020	1,301,292
 Tolak: kerugian rosotnilai terkumpul Sekuriti hutang Islam	 (357)	 (30,173)
	1,821,663	1,271,119

Pergerakan kerugian rosot nilai terkumpul adalah seperti berikut:

	12 bulan ECL Tahap 1 RM'000	ECL sepanjang hayat kredit terjejas Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2024	32	30,000	30,032
Perubahan dalam risiko kredit	141	-	141
Pada 31 Disember 2024/ 1 Januari 2025	173	30,000	30,173
Perubahan dalam risiko kredit	184	(30,000)	(29,816)
Pada 31 Disember 2025	357	-	357

Termasuk dalam item ini adalah kewajipan atas urusniaga sekuriti di bawah instrumen Murabahah Komoditi Bercagar (Nota 17):

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Terbitan pelaburan kerajaan	522,025	879,814

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2025

8. PEMBIAYAAN DAN PENDAHULUAN

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Pada kos terlunas		
Pembiayaan berjangka:		
Pembiayaan Peribadi	6,895,969	6,308,322
Pembiayaan Ar-Rahnu	618,066	557,503
Pembiayaan Hartanah	747,333	432,396
Pembiayaan Korporat	296,473	284,027
Pembiayaan Koperasi	125,829	125,631
Pembiayaan Perniagaan	52,668	31,277
Pembiayaan Kakitangan	35,495	26,694
Pembiayaan Kenderaan	12,882	-
	8,784,715	7,765,850
Tolak: Peruntukan untuk rosotnilai atas pembiayaan dan pendahuluan	(147,461)	(138,730)
Pembiayaan dan pendahuluan bersih	8,637,254	7,627,120

i) Pergerakan peruntukan untuk kerugian kredit dijangka dan pembiayaan dan pendahuluan adalah seperti berikut:

	12 bulan ECL Tahap 1 RM'000	ECL sepanjang hayat kredit tidak terjejas Tahap 2 RM'000	ECL sepanjang hayat kredit terjejas Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2024	46,124	40,439	49,233	135,796
Perubahan disebabkan pergerakan pembiayaan dan pendahuluan	20,811	(13,594)	(5,091)	2,126
Peruntukan tahun semasa	25,272	12,491	24,284	62,047
Peruntukan dipulihkan	(42,483)	(11,009)	(5,621)	(59,113)
Peruntukan dihapuskira	-	-	(2,126)	(2,126)
Pada 31 Disember 2024/1 Januari 2025	49,724	28,327	60,679	138,730
Perubahan disebabkan pergerakan pembiayaan dan pendahuluan	13,709	(9,450)	14,386	18,645
Peruntukan tahun semasa	31,580	18,912	24,827	75,319
Peruntukan dipulihkan	(42,317)	(11,750)	(12,521)	(66,588)
Peruntukan dihapuskira	-	-	(18,645)	(18,645)
Pada 31 Disember 2025	52,696	26,039	68,726	147,461
Baki kasar pembiayaan dan pendahuluan	8,428,700	208,703	147,312	8,784,715

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

8. PEMBIAYAAN DAN PENDAHULUAN (SAMB.)

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000
ii) Pergerakan untuk pembiayaan dan pendahuluan terjejas kasar adalah seperti berikut:		
Pada 1 Januari	131,387	105,594
Dikelaskan sebagai terjejas dalam tahun	63,588	45,298
Amaun dikira semula daripada pemulihan	(29,018)	(17,379)
Amaun dihapuskira dalam tahun	(18,645)	(2,126)
Pada 31 Disember	147,312	131,387
Pembiayaan dan pendahuluan terjejas kasar dalam peratus daripada pembiayaan dan pendahuluan kasar	1.68%	1.69%
iii) Pembiayaan dan pendahuluan mengikut lokasi geografi:		
Ibu Pejabat	468,405	438,017
Zon Utara	2,620,610	2,416,664
Zon Tengah dan Selatan	3,191,441	2,623,399
Zon Timur	1,503,970	1,524,438
Zon Sabah	640,345	503,903
Zon Sarawak	359,944	259,429
	8,784,715	7,765,850
iv) Pembiayaan dan pendahuluan mengikut konsep:		
Tawarruq	7,968,439	6,962,010
Bai' Al-Inah Hijrah	198,210	246,337
Ar-Rahnu	618,066	557,503
	8,784,715	7,765,850

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

9. ASET-ASET LAIN

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025	2024	2025	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Cukai pendapatan	10,988	9,837	10,988	9,837
Deposit dibayar	2,350	2,243	2,350	2,243
Keuntungan terakru	39,167	30,375	39,167	30,375
Kumpulan Wang Likuiditi Pusat	100,169	70,031	100,169	70,031
Kumpulan Wang Rizab Statutori (Nota 22)	69,497	57,078	69,497	57,078
Pendahuluan	16,842	19,351	16,842	19,351
Belum terima lain	192,472	170,051	192,620	169,957
	431,485	358,966	431,633	358,872

Belum terima lain

Struktur pengumuran belum terima lain adalah seperti berikut:

Satu hingga enam bulan	13,262	27,033	13,262	27,033
Enam bulan hingga satu tahun	107,890	123,803	107,890	123,803
Lebih satu tahun	71,320	19,215	71,468	19,121
	192,472	170,051	192,620	169,957

10. HAK PENGGUNAAN ASET

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari	5,474	6,375
Tambahan	5,577	2,014
Susutnilai terkumpul	(4,548)	(2,915)
Pada 31 Disember	6,503	5,474

11. TANAH UNTUK PEMBANGUNAN

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Kos Pembangunan dan Tanah		
Pada 1 Januari	489	819
Penilaian semula tanah untuk pembangunan	361	-
Diiiktiraf dalam penyata pendapatan	-	(330)
Pada 31 Disember	850	489

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

12. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

	CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000
Saham tidak disebut harga		
Pada kos	1,000	1,000
Tolak : Peruntukan	(1,000)	(1,000)
	-	-

Subsidiari diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Co-opbank. Saham-saham yang dimiliki adalah bernilai RM1.00 setiap satu dan Co-opbank memegang 100% kepentingan saham di dalam subsidiari tersebut. Co-opbank telah mendapat kelulusan dari Pengerusi Eksekutif SKM untuk melabur di dalam subsidiari tersebut. Butiran subsidiari yang ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama	Bahagian kepentingan pemilikan		Kegiatan utama
	2025 %	2024 %	
Dimiliki secara langsung			
River Leaf Sdn. Bhd.	100	100	Mengurus aset dan fasiliti dan sebagai ejen kutipan dan hartanah
Himayah Sukuk Berhad	100	-	Menerbitkan sukuk mengikut prinsip syariah
Iltizam Aset Berhad ^{1,2}	100	-	Menerbitkan sukuk mengikut prinsip syariah

^{1.} Penyata kewangan bagi subsidiari ini tidak diaudit oleh Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT.

^{2.} Co-opbank memegang Saham tersebut dalam kapasiti sebagai Pemegang Amanah Saham. Iltizam Aset Berhad ("IAB") ialah sebuah Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle, SPV*) yang ditubuhkan bagi tujuan khusus untuk (a) melaksanakan penerbitan Sukuk Murabahah SPV di bawah Program Sukuk Murabahah SPV dan (b) mendapatkan portfolio Pembiayaan Peribadi yang telah diperuntukkan daripada Co-opbank serta menyediakan Jaminan Sukuk Bercagar bagi obligasi Penerbit di bawah Sukuk Bercagar Berstruktur.

13. ASET DIPEGANG UNTUK JUALAN

Pada tarikh 14hb Oktober 2024 telah berlakunya perjanjian jual beli tanah diantara Co-opbank dan Emas Anuar Land Property Sdn. Bhd. Perjanjian jual beli tanah tersebut beralamat Mukim 01, Seberang Perai Utara, Negeri Pulau Pinang dan jualan tanah berjumlah RM 6.5 Juta.

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2025

14. HARTANAH DAN PERALATAN

KUMPULAN
2025
KOS

	Pada 01/01/2025 RM'000	Penilaian Semula/ Penambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Pada 31/12/2025 RM'000
Bangunan milik bebas	88,920	1,630	-	90,550
Perkakasan dan peralatan	16,482	1,739	-	18,221
Kenderaan	1,255	554	-	1,809
Peralatan komputer	16,149	2,644	-	18,793
Ubahsuai pejabat	94,547	22,239	-	116,786
	217,353	28,806	-	246,159

SUSUT NILAI TERKUMPUL

	Pada 01/01/2025 RM'000	Penambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Pada 31/12/2025 RM'000
Bangunan milik bebas	2,414	2,550	-	4,964
Perkakasan dan peralatan	8,892	1,928	-	10,820
Kenderaan	1,205	87	-	1,292
Peralatan komputer	11,895	1,418	-	13,313
Ubahsuai pejabat	11,436	1,579	-	13,015
	35,842	7,562	-	43,404

2024
KOS

	Pada 01/01/2024 RM'000	Penambahan RM'000	Pelarasan Klasifikasi Semula RM'000	Pada 31/12/2024 RM'000
Tanah milik bebas	6,300	-	(6,300)	-
Bangunan milik bebas	77,796	11,124	-	88,920
Perkakasan dan peralatan	10,947	5,535	-	16,482
Kenderaan	1,255	-	-	1,255
Peralatan komputer	14,517	1,632	-	16,149
Ubahsuai pejabat	38,462	56,085	-	94,547
	149,277	74,376	(6,300)	217,353

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2025

PENGENDALAN

KEPIMPINAN

LAPORAN

TADBIR URUS

PENYATA KEWANGAN

DIREKTORI

14. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMB.)

KUMPULAN
2024
SUSUT NILAI TERKUMPUL

	Pada 01/01/2024 RM'000	Penambahan RM'000	Peningkatan Nilai RM'000	Pada 31/12/2024 RM'000
Bangunan milik bebas	7,979	1,550	(7,115)	2,414
Perkakasan dan peralatan	7,207	1,685	-	8,892
Kenderaan	1,067	138	-	1,205
Peralatan komputer	10,155	1,740	-	11,895
Ubahsuai pejabat	9,655	1,781	-	11,436
	36,063	6,894	(7,115)	35,842

NILAI BUKU BERSIH

	KUMPULAN	
	2025 RM'000	2024 RM'000
Bangunan milik bebas	85,586	86,506
Perkakasan dan peralatan	7,401	7,590
Kenderaan	517	50
Peralatan komputer	5,480	4,254
Ubahsuai pejabat	103,771	83,111
	202,755	181,511

CO-OPBANK
2025
KOS

	Pada 01/01/2025 RM'000	Penilaian Semula/ Penambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Pada 31/12/2025 RM'000
Bangunan milik bebas	88,920	1,630	-	90,550
Perkakasan dan peralatan	16,391	1,739	-	18,130
Kenderaan	1,230	554	-	1,784
Peralatan komputer	15,998	2,644	-	18,642
Ubahsuai pejabat	94,547	22,239	-	116,786
	217,086	28,806	-	245,892

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2025

14. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMB.)

CO-OPBANK
2025
SUSUT NILAI TERKUMPUL

	Pada 01/01/2025 RM'000	Penambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Pada 31/12/2025 RM'000
Bangunan milik bebas	2,414	2,550	-	4,964
Perkakasan dan peralatan	8,801	1,928	-	10,729
Kenderaan	1,200	82	-	1,282
Peralatan komputer	11,744	1,418	-	13,162
Ubahsuai pejabat	11,436	1,579	-	13,015
	35,595	7,557	-	43,152

2024
KOS

	Pada 01/01/2024 RM'000	Penambahan RM'000	Pelarasan Klasifikasi Semula RM'000	Pada 31/12/2024 RM'000
Tanah milik bebas	6,300	-	(6,300)	-
Bangunan milik bebas	77,796	11,124	-	88,920
Perkakasan dan peralatan	10,856	5,535	-	16,391
Kenderaan	1,230	-	-	1,230
Peralatan komputer	14,366	1,632	-	15,998
Ubahsuai pejabat	38,462	56,085	-	94,547
	149,010	74,376	(6,300)	217,086

SUSUT NILAI TERKUMPUL

	Pada 01/01/2024 RM'000	Penambahan RM'000	Peningkatan Nilai RM'000	Pada 31/12/2024 RM'000
Bangunan milik bebas	7,979	1,550	(7,115)	2,414
Perkakasan dan peralatan	7,116	1,685	-	8,801
Kenderaan	1,067	133	-	1,200
Peralatan komputer	10,004	1,740	-	11,744
Ubahsuai pejabat	9,655	1,781	-	11,436
	35,821	6,889	(7,115)	35,595

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

14. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMB.)

NILAI BUKU BERSIH

	CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000
Bangunan milik bebas	85,586	86,506
Perkakasan dan peralatan	7,401	7,590
Kenderaan	502	30
Peralatan komputer	5,480	4,254
Ubahsuai pejabat	103,771	83,111
	202,740	181,491

15. ASET TAK KETARA

KUMPULAN/CO-OPBANK 2025

	Pada 01/01/2025 RM'000	Penambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Pada 31/12/2025 RM'000
KOS				
Perisian komputer	94,963	18,454	-	113,417
	94,963	18,454	-	113,417

SUSUT NILAI TERKUMPUL

Perisian komputer	37,436	5,797	-	43,233
	37,436	5,797	-	43,233

2024

	Pada 01/01/2024 RM'000	Penambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Pada 31/12/2024 RM'000
KOS				
Perisian komputer	73,071	21,892	-	94,963
	73,071	21,892	-	94,963

SUSUT NILAI TERKUMPUL

Perisian komputer	29,739	7,697	-	37,436
	29,739	7,697	-	37,436

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2025

15. ASET TAK KETARA (SAMB.)

NILAI BUKU BERSIH	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000
Perisian komputer	70,184	57,527
	70,184	57,527

16. DEPOSIT DAN SIMPANAN PELANGGAN

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000
Akaun Semasa-i Qard	13,817	3,904
Akaun Simpanan-i Qard	158,038	80,592
Akaun Simpanan-i Salam	181,896	154,120
Akaun Deposit-i Berjangka Tawarruq	9,886,480	8,982,270
Akaun Deposit-i Koperasi - Kumpulan Wang Rizab Statutori	536,001	360,194
	10,776,232	9,581,080

i) Struktur kematangan deposit seperti berikut:

Satu hingga enam bulan	4,411,992	3,117,628
Enam bulan hingga satu tahun	2,813,947	2,198,190
Lebih satu tahun	3,550,293	4,265,262
	10,776,232	9,581,080

ii) Deposit diterima dari kategori penyimpan seperti berikut:

Kerajaan	8,168,067	7,354,457
Korporat	1,490,166	1,392,388
Koperasi	711,681	547,295
Individu	362,902	253,856
Lain-lain	43,416	33,084
	10,776,232	9,581,080

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

17. KEWAJIPAN ATAS URUSNIAGA SEKURITI DI BAWAH INSTRUMEN MURABAHAH KOMODITI BERCAGAR

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Pada Kos Dilunaskan		
Pelaburan kewangan pada:		
- Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	335,425	213,962
- Kos Terlunas	1,199,275	868,584
	1,534,700	1,082,546

18. LIABILITI-LIABILITI LAIN

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025	2024	2025	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Akruan	56,307	56,165	56,307	56,165
Sumbangan Takaful	24,300	28,185	24,300	28,185
Deposit diterima	1,602	2,197	1,602	2,197
Tabung Modal Pusingan	596	1,993	596	1,993
Tabung Perumahan Bumiputera	17,925	9,616	17,925	9,616
Liabiliti pajakan (i)	3,003	3,336	3,003	3,336
Pelbagai pemiutang (ii)	61,952	87,814	61,665	87,498
	165,685	189,306	165,398	188,990
(i) <u>Liabiliti pajakan</u>				
Pada 1 Januari	3,336	5,942	3,336	5,942
Tambahan	5,577	2,014	5,577	2,014
Kos kewangan	233	194	233	194
Pembayaran pajakan	(6,143)	(4,814)	(6,143)	(4,814)
Pada 31 Disember	3,003	3,336	3,003	3,336
(ii) <u>Pelbagai pemiutang</u>				
Struktur pengumuran pelbagai pemiutang adalah seperti berikut:				
Satu hingga enam bulan	17,900	45,223	17,731	45,220
Enam bulan hingga satu tahun	37,728	25,072	37,451	25,072
Lebih satu tahun	6,324	17,519	6,483	17,206
	61,952	87,814	61,665	87,498

Termasuk dalam pelbagai pemiutang, sejumlah RM1,636.94 adalah wang yang tidak berhak diiktiraf dalam pendapatan berlandaskan kepada prinsip-prinsip Syariah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

19. LIABILITI CUKAI TERTUNDA

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Rizab Modal		
Pada 1 Januari	4,380	-
Diiktiraf dalam tahun	-	4,380
Pada 31 Disember	4,380	4,380

Komponen liabiliti cukai tertunda adalah seperti berikut:

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Liabiliti cukai tertunda		
Keuntungan daripada penilaian semula hartanah	4,380	4,380

20. PEMBIAYAAN DARIPADA INSTITUSI KEWANGAN

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Pada Kos Dilunaskan		
Pembiayaan kredit pusingan	58,000	58,000

Keuntungan yang dikenakan ke atas Pembiayaan 'Muamalat Revolving Financing' dan 'Revolving Credit-i' adalah di antara 3.80% hingga 4.30% setahun. Kedua-dua pembiayaan ini adalah dicagarkan dengan gadaian Deposit-i berjangka sebagai 'on lien' di bawah konsep 'Tawarruq'.

21. MODAL SYER ANGGOTA

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari	1,634,590	1,262,089
Terbitan dalam tahun	1,239	98,087
Penambahan dalam tahun	9,710	304,681
Penebusan dalam tahun	(41,213)	(30,267)
Pada 31 Disember	1,604,326	1,634,590
Keanggotaan pada 31 Disember adalah seperti berikut:		
Individu	91,968	96,082
Koperasi	970	954

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

22. RIZAB BERKANUN

Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Co-opbank di mana sebahagian keuntungan Co-opbank perlu dikekalkan dan tidak diagihkan kepada anggota Co-opbank. Mengikut Akta Koperasi 1993, Co-opbank perlu memindahkan sejumlah peratus keuntungan sebelum zakat setiap tahun ke dalam KWRS.

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000
KWRS diwakili oleh:		
Deposit Berjangka-I (Nota 5)	67,113	63,794
Aset-aset lain (Nota 9)	69,497	57,078
	136,610	120,872

23. RIZAB-RIZAB LAIN

KUMPULAN/CO-OPBANK

	Kumpulan Wang Penebusan Syer RM'000	Modal Syer Ditebus RM'000	Rizab Modal RM'000	Kumpulan Wang Tabung Anggota RM'000	Kumpulan Wang Tabung Bukan Anggota RM'000	Rizab nilai saksama pada FVOCI RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2024	2,592	27,220	2,321	802	512	(20,023)	13,424
Pindahan daripada keuntungan tertahan	6,209	-	-	300	100	-	6,609
Penerimaan dalam tahun	(402,768)	400,502	-	-	-	-	(2,266)
Pembayaran dalam tahun	401,481	(400,502)	-	-	-	-	979
Pindahan rizab-rizab lain	25,900	(25,900)	-	-	-	-	-
Pengagihan dalam tahun	-	-	-	(522)	(249)	-	(771)
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	1,485	1,485
Keuntungan daripada penilaian semula hartanah, loji dan peralatan	-	-	13,868	-	-	-	13,868
Pada 31 Disember 2024	33,414	1,320	16,189	580	363	(18,538)	33,328
Pindahan daripada keuntungan tertahan	5,573	-	-	300	100	-	5,973
Penerimaan dalam tahun	10,949	(11,178)	-	-	-	-	(229)
Pembayaran dalam tahun	(40,209)	41,213	-	-	-	-	1,004
Pindahan rizab-rizab lain	29,260	(29,260)	-	-	-	-	-
Pengagihan dalam tahun	-	-	-	(464)	(202)	-	(666)
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	10,759	10,759
Pada 31 Disember 2025	38,987	2,095	16,189	416	261	(7,779)	50,169

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2025

24. KOMITMEN MODAL

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025	2024
	RM'000	RM'000
Komitmen modal diluluskan dan berkontrak	242,055	58,641

25. PENDAPATAN

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025	2024	2025	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Keuntungan Pembiayaan	447,387	417,265	447,387	417,265
Keuntungan Aktiviti Perbendaharaan	178,532	156,629	178,532	156,629
Keuntungan Pembiayaan Ar-Rahnu	35,290	53,633	35,290	53,633
Bayaran Perkhidmatan	58,230	22,348	57,922	22,135
Komisen Diterima	18,875	17,195	18,875	17,195
Pulangan atas Akaun Semasa	13,206	11,658	13,206	11,658
	751,520	678,728	751,212	678,515
Masa pengiktirafan hasil				
Produk yang diberikan secara langsung	90,311	51,201	90,003	50,988
Produk dan perkhidmatan diberikan secara berperingkat	661,209	627,527	661,209	627,527
	751,520	678,728	751,212	678,515

26. PERBELANJAAN

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025	2024	2025	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Deposit-i Berjangka Tawarruq	355,823	345,235	355,823	345,235
Belanja keuntungan atas fasiliti	44,062	27,185	44,062	27,185
Akaun Simpanan-i Salam	415	1,102	415	1,102
Kos Jualan	15	18	-	-
	400,315	373,540	400,300	373,522

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

27. PERUNTUKAN UNTUK ROSOTNILAI

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Peruntukan untuk rosotnilai atas pembiayaan dan pendahuluan	75,319	62,047	75,319	62,047
Peruntukan untuk rosotnilai atas pelaburan kewangan (i)	226	151	226	151
Rugi atas hapuskira pembiayaan	816	537	816	537
	76,361	62,735	76,361	62,735
(i) Peruntukan untuk rosotnilai atas pelaburan kewangan Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	42	10	42	10
Kos Terlunas	184	141	184	141
	226	151	226	151

28. PENDAPATAN LAIN-LAIN

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Penjejasan Dipulihkan	63,135	76,052	63,135	76,052
Pelbagai Penerimaan	3,414	4,480	3,403	4,470
Pendapatan Dividen	78	64	78	64
	66,627	80,596	66,616	80,586

29. PERBELANJAAN OPERASI

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Perbelanjaan Personel (i)	120,036	112,212	120,011	112,187
Lain-lain perbelanjaan (ii)	90,175	86,542	90,002	86,465
	210,211	198,754	210,013	198,652

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2025

29. PERBELANJAAN OPERASI (SAMB.)

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025	2024	2025	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Perbelanjaan personel				
Gaji dan pampasan	77,291	71,606	77,269	71,584
Elaun dan bonus	15,711	14,656	15,711	14,656
Pelan caruman tertakrif	14,434	11,800	14,431	11,797
Caruman keselamatan sosial	1,200	1,065	1,200	1,065
Lain-lain kos berkaitan	11,400	13,085	11,400	13,085
	120,036	112,212	120,011	112,187

Bilangan warga kerja (tidak termasuk Anggota Lembaga Co-opbank) bagi Kumpulan ialah 1,138 orang (2024: 1,149).

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025	2024	2025	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Lain-lain perbelanjaan				
Termasuk dalam item ini adalah:				
Bayaran audit statutori	169	147	160	147
Elaun Anggota Lembaga Co-opbank (Nota 30)	607	626	607	626
Elaun Anggota Jawatankuasa Syariah	92	91	92	91
Elaun Anggota Jawatankuasa Juruaudit Dalam	62	63	62	63
Kos kewangan	233	189	233	189
Sewa premis	573	488	573	488
Susutnilai hak penggunaan aset	4,548	2,915	4,548	2,915
Susutnilai hartanah dan peralatan (Nota 14)	7,562	6,894	7,557	6,889
Susutnilai aset tak ketara (Nota 15)	5,797	7,697	5,797	7,697

30. ELAUN ANGGOTA LEMBAGA CO-OPBANK DAN IMBUHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

CO-OPBANK 2025	Elaun Tetap RM'000	Elaun Mesyuarat RM'000	Jumlah RM'000
Datuk Baharom Bin Embi	71	16	87
Hajah Nor Hidayah Binti Omar	63	15	78
Yunus Bin Kasim	47	13	60
Mohd Shapie Bin Idris	38	11	49
Dr. Hajah Jamilah Binti Din	52	14	66
Dato' Shahrudin Bin Mohd Saad	52	15	67
Dato' Zaini Bin Sa'ad	52	14	66
Dr. Mohd Azlan Bin Yahya	52	15	67
Dr. Azharudin bin Ali	52	15	67
	479	128	607

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

30. ELAUN ANGGOTA LEMBAGA CO-OPBANK DAN IMBUHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMB.)

	Gaji RM'000	Elaun RM'000	Pelan Caruman Tertakrif RM'000	Bonus RM'000	Jumlah RM'000
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF					
Khairil Anuar Bin Mohammad Anuar	780	6	173	293	1,252

CO-OPBANK 2024

	Elaun Tetap RM'000	Elaun Mesyuarat RM'000	Jumlah RM'000
Datuk Baharom Bin Embi	69	16	85
Hajah Nor Hidayah Binti Omar	64	16	80
Yunus Bin Kasim	52	16	68
Mohd Shapie Bin Idris	52	15	67
Dr. Hajah Jamilah Binti Din	52	16	68
Dato' Shahrudin Bin Mohd Saad	52	15	67
Dato' Zaini Bin Sa'ad	52	15	67
Dr. Mohd Azlan Bin Yahya	52	13	65
Dr. Azharudin bin Ali	46	13	59
	491	135	626

	Gaji RM'000	Elaun RM'000	Pelan Caruman Tertakrif RM'000	Bonus RM'000	Jumlah RM'000
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF					
Khairil Anuar Bin Mohammad Anuar	780	6	204	487	1,477

31. PENCUKAIAN

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Cukai pendapatan Malaysia				
Cukai Tahun Semasa	17	14	-	-
Terkurang/(Terlebih) peruntuk pada tahun sebelum	6	(5,896)	-	(5,896)
	23	(5,882)	-	(5,896)

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2025

31. PENCUKAIAN (SAMB.)

Cukai pendapatan dikira pada kadar cukai berkanun sebanyak 24% (2024: 24%) daripada anggaran keuntungan boleh ditaksir bagi tahun kewangan.

Penyelarasan perbelanjaan cukai pendapatan terpakai kepada keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan berkesan Kumpulan dan Co-opbank adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Keuntungan sebelum cukai	131,260	124,295	131,154	124,192
Cukai pada kadar berkanun	31,494	29,820	31,477	29,806
Kesan bagi cukai:				
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(77,164)	(67,781)	(77,164)	(67,781)
Perbelanjaan tidak dibenarkan	5,771	4,891	5,771	4,891
Potongan di bawah perenggan 65A (a) dan (b) dan lain-lain potongan	39,916	33,084	39,916	33,084
Terkurang/(Terlebih) peruntuk pada tahun sebelum	6	(5,896)	-	(5,896)
	23	(5,882)	-	(5,896)

32. PELARASAN BUKAN OPERASI

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Lain-lain pembahagian terkurang peruntuk	(524)	-	(524)	-

33. DIVIDEN

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000
Dividen tunai Modal Syer Anggota sebanyak 6.50% untuk tahun berakhir 31 Disember 2025 (2024: 6.50%)	88,134	63,957
Dividen tunai Syer Keutamaan sebanyak 6.98% untuk tahun berakhir 31 Disember 2025 (2024: 6.78%)	1	12,686
	88,135	76,643

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

33. DIVIDEN (SAMB.)

Pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2025, Co-opbank telah membayar dividen tunai modal syer anggota sebanyak 6.50% berjumlah RM88.135 Juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024, Co-opbank telah membayar dividen tunai modal syer anggota sebanyak 6.50% berjumlah RM63.957 Juta dan dividen syer keutamaan sebanyak 6.78% berjumlah RM12.686 Juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Bagi tahun kewangan semasa, Anggota Lembaga Co-opbank telah mencadangkan dividen tunai sehingga 6.5% berjumlah RM104.79 juta. Dividen yang dicadangkan akan diiktiraf dalam tempoh kewangan yang berikutnya selepas mendapat kelulusan pihak yang berkuasa.

34. KECUKUPAN MODAL

	CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000
Nisbah kecukupan modal Co-opbank adalah seperti berikut:		
Modal peringkat 1		
Modal syer anggota	1,604,326	1,634,590
Rizab-rizab lain	186,518	153,837
Keuntungan tertahan	147,002	134,803
Jumlah modal peringkat 1	1,937,846	1,923,230
Modal peringkat 2		
Rosotnilai kolektif - Tahap 1 dan Tahap 2	78,735	78,051
Jumlah modal peringkat 2	78,735	78,051
Asas Modal Keseluruhan	2,016,581	2,001,281
Analisa aset wajaran berisiko dalam kepelbagaian kategori wajaran risiko:		
Jumlah aset yang diberikan 20% wajaran risiko	407,434	367,530
Jumlah aset yang diberikan 50% wajaran risiko	720,277	487,382
Jumlah aset yang diberikan 100% wajaran risiko	8,014,364	7,326,924
Tuntutan Luar Kunci Kira-Kira Wajaran Risiko 50%	40,405	29,321
Caj Modal Risiko Operasi	282,343	253,830
	9,464,823	8,464,987
Sebelum dividen dicadangkan		
Nisbah modal teras	20.47%	22.72%
Nisbah modal wajaran risiko	21.31%	23.64%
Selepas dividen dicadangkan		
Nisbah modal teras	19.37%	21.68%
Nisbah modal wajaran risiko	20.20%	22.60%

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

35. INSTRUMEN KEWANGAN

a) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Co-opbank adalah untuk memastikan sumber-sumber kewangan yang mencukupi bagi pembangunan operasi Kumpulan dan Co-opbank sementara menguruskan risiko-risiko kewangannya, risiko kadar pulangan, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai.

Objektif utama pengurusan risiko kewangan adalah untuk memastikan kerugian dan risiko kewangan ditangani dengan segera supaya kerugian dihadkan pada tahap yang boleh diterima. Risiko-risiko tersebut dikawal dan dipantau secara berkala dan sejajar dengan strategi yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Aset dan Liabiliti ("ALCO").

b) Aset-aset Kewangan

Aset kewangan utama Kumpulan dan Co-opbank adalah tunai dan dana jangka pendek, deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan, sekuriti perniagaan, sekuriti pelaburan, pelaburan lain, pembiayaan dan pendahuluan, penghutang perniagaan dan penghutang lain. Aset kewangan utama Co-opbank juga termasuk amaun terhutang oleh subsidiari. Dasar perakaunan yang berkaitan dengan aset-aset kewangan utama dinyatakan di dalam Nota 2(h).

c) Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti

Instrumen-instrumen liabiliti dan ekuiti adalah diklasifikasikan sama ada sebagai ekuiti atau liabiliti menurut pati penyusunan kontrak. Liabiliti kewangan utama Kumpulan adalah deposit dan simpanan pelanggan, pemiutang perniagaan, dan liabiliti-liabiliti lain yang dinyatakan pada nilai nominal. Liabiliti kewangan Co-opbank juga termasuk amaun terhutang kepada subsidiari. Instrumen ekuiti direkodkan pada perolehan yang diterima bersih daripada kos langsung penerbitan.

d) Nilai-nilai saksama

Amaun pembawa bagi tunai dan tunai setara, akaun belum terima dagangan dan belum terima lain, akaun belum bayar dagangan dan belum bayar lain adalah menghampiri nilai saksama memandangkan ciri-ciri jangka pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

Nilai saksama agregat untuk aset dan liabiliti kewangan lain yang ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

<u>2025</u>	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	Nilai Di Bawa RM'000	Nilai Saksama RM'000	Nilai Di Bawa RM'000	Nilai Saksama RM'000
Aset				
Pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	845,553	1,243,098	845,553	1,243,098
Pelaburan kewangan pada kos terlunas	1,821,663	746,022	1,821,663	746,022
Pembiayaan dan pendahuluan	8,637,254	8,637,254	8,637,254	8,637,254
Tunai dan dana jangka pendek	1,337,279	1,337,279	1,336,699	1,336,699
Deposit dan penempatan di institusi kewangan	720,309	720,309	719,893	719,893
Liabiliti				
Deposit dan simpanan pelanggan	10,776,232	10,776,232	10,776,232	10,776,232

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

35. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

d) Nilai-nilai saksama (Samb.)

2024	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	Nilai Di Bawa RM'000	Nilai Saksama RM'000	Nilai Di Bawa RM'000	Nilai Saksama RM'000
Aset				
Pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	845,553	826,481	845,553	899,773
Pelaburan kewangan pada kos terlunas	1,271,119	746,022	1,271,119	746,022
Pembiayaan dan pendahuluan	7,624,186	6,550,211	7,624,186	7,624,186
Tunai dan dana jangka pendek	322,320	322,320	1,882,951	1,882,951
Deposit dan penempatan di institusi kewangan	547,473	547,473	547,473	547,473
Liabiliti				
Deposit dan simpanan pelanggan	9,581,080	9,581,080	9,581,080	9,581,080

Berikut merupakan kaedah-kaedah dan andaian-andaian lain yang digunakan untuk menganggar nilai saksama untuk setiap kelas instrumen kewangan berikut:

i) Tunai dan dana jangka pendek

Amaun pembawa tunai dan dana jangka pendek serta deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan adalah menghampiri nilai saksama disebabkan tempoh matang yang pendek secara relatif bagi instrumen-instrumen ini.

ii) Pelaburan

Anggaran nilai saksama bagi instrumen yang didagangkan secara awam adalah berdasarkan harga pasaran yang tersiar. Bagi instrumen-instrumen lain yang tidak tersiar, satu anggaran yang munasabah bagi nilai saksama telah dibuat berdasarkan aliran tunai yang dijangka atau asas aset bersih untuk setiap pelaburan.

iii) Akaun belum terima dan akaun belum bayar

Kos sejarah bagi amaun pembawa untuk akaun-akaun belum terima dan belum bayar lain, tertakluk kepada syarat-syarat kredit dagangan yang normal adalah menghampiri nilai saksama. Amaun pembawa bagi akaun-akaun belum terima dan belum bayar lain adalah anggaran yang munasabah bagi nilai saksama, memandangkan tempoh matangnya yang pendek.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

36.1 Pengenalan

Aktiviti perniagaan Co-opbank melibatkan penggunaan instrumen kewangan yang mendedahkan Co-opbank kepada pelbagai risiko kewangan dengan perkara-perkara berikut

- (i) Risiko Kredit
- (ii) Risiko Kecairan
- (iii) Risiko Pasaran
- (iv) Risiko Operasi

36.2 Rangka kerja pengurusan risiko

Rangka kerja pengurusan risiko merangkumi objektif, prinsip dan struktur tadbir urus untuk proses pengurusan risiko dalam Co-opbank. Ini membolehkan pengenalan, penilaian, kawalan, pengukuran dan pemantauan berterusan untuk semua risiko material dalam lingkungan Co-opbank.

Pengurusan Risiko Co-opbank adalah berpandukan prinsip-prinsip seperti di bawah:

- Penyelarasan aktiviti pengambilan risiko dengan selera risiko Co-opbank.
- Melakukan keputusan dengan mengambilkira tahap risiko yang ada serta memahami kesannya terhadap keuntungan serta keberterusan Co-opbank.
- Akauntabiliti melalui pemilikan risiko, kawalan dan keuntungan semasa dalam perniagaan Co-opbank serta fungsi sokongan.
- Integrasi pengurusan risiko, pematuhan dan etika praktis perniagaan ke dalam budaya Co-opbank.

"Strategi perniagaan dan aktiviti pengambilan risiko perlu sentiasa dalam kapasiti kemampuan Co-opbank. Ianya dicapai dengan mengukuhkan enam dimensi Tadbir Urus Risiko seperti berikut; Kecukupan Modal dan Nilai Pemegang Saham; Reputasi sebagai Bank Koperasi Islam; Kualiti Aset; Kecairan dan Daya Tahan Operasi."

Tadbir Urus Risiko

Co-opbank menguruskan risiko selaras dengan "Tiga Barisan Pertahanan", yang meletakkan akauntabiliti dan pemilikan sehampir mungkin di mana risiko wujud di samping memastikan tahap pengawasan yang bebas serta mencukupi.

"Model Tiga Baris Pertahanan" terdiri daripada komponen-komponen berikut:

i. **Pertahanan Barisan Pertama - Makluman keputusan risiko oleh unit perniagaan**

Unit-unit perniagaan bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengurus dan melaporkan risiko mereka sendiri. Pada peringkat ini, kesedaran risiko diterapkan bermula dari unit yang mengambil risiko supaya Pengurusan Risiko dimasukkan ke dalam setiap proses kerja yang dijalankan.

ii. **Pertahanan Barisan Kedua - Pemantauan oleh Pengurusan Risiko dan Pematuhan**

Pengurusan Risiko dan Pematuhan, termasuk rangka kerja Tadbir Urus Syariah, menyokong unit perniagaan, serta mengkaji dan melaporkan risiko utama kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah. Dengan berbuat demikian, Pengurusan Risiko dan Pematuhan memberikan sokongan kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah dalam memenuhi fungsi pengawasan mereka.

iii. **Pertahanan Barisan Ketiga - Semakan bebas oleh Audit Dalam**

Audit Dalam menjalankan jaminan kualiti kajian, untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti pengambilan risiko adalah selaras dengan standard yang ditetapkan. Audit Dalam memberi cadangan penambahbaikan bila perlu. Ia berfungsi melengkapkan sokongan yang diberikan kepada Pengurusan dan Jawatankuasa Audit Lembaga dalam fungsi pengawasan risiko.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.3 Risiko kredit (Samb.)

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan atau bukan kewangan sekiranya mana-mana pelanggan, klien atau rakan niaga pasaran gagal untuk memenuhi obligasi kontrak mereka melalui pembiayaan, lindungan nilai, dagangan Co-opbank dan aktiviti pelaburan.

Pendedahan kredit runcit, koperasi dan korporat Co-opbank dikawal oleh polisi kredit dan kriteria taja jamin yang ketat. Proses kredit Co-opbank adalah selaras dengan amalan terbaik industri yang menekankan akauntabiliti individu dengan tanggungjawab yang jelas dimana pentadbiran kredit, pemantauan awal dan pemulihan ini bebas dari Unit Perniagaan.

Bagi meningkatkan kualiti pengurusan risiko kredit, Jabatan Pengurusan Risiko Co-opbank terlibat dalam mengesahkan pelaksanaan peruntukan penjejasan bagi pembiayaan dan aktiviti pelaburan yang bakal gagal memenuhi obligasinya oleh rakan niaga. Ini adalah sebagai langkah kawalan agar tindakan sewajarnya diberikan kepada pembiayaan terjejas.

36.3.1 Pengurusan risiko kredit

Termasuk dalam pengurusan risiko kredit Co-opbank adalah penyediaan dasar risiko kredit yang komprehensif, garis panduan dan prosedur yang mendokumenkan standard bagi pembiayaan, penarafan risiko kredit, penilaian dan cagaran yang boleh diterima serta pematuhan kepada keperluan perundangan dan kehendak statutori. Dasar-dasar dikaji semula secara berkala untuk memastikan ia kekal relevan.

Pengurusan Risiko bertanggungjawab untuk merangka dan mengkaji dasar, garis panduan dan prosedur risiko kredit serta pemantauan portfolio kredit. Pengurusan Risiko juga menjalankan penilaian kredit bebas untuk menilai kualiti cadangan kredit oleh Unit Perniagaan untuk pelanggan koperasi dan korporat.

Pengurusan Risiko juga menyediakan laporan serta analisa untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan. Laporan ini mengandungi maklumat mengenai faktor-faktor risiko kredit yang dikenal pasti. Dengan maklumat ini, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan dapat mengenalpasti trend risiko kredit yang negatif, mengambil tindakan pembedahan dan merangka strategi perniagaan sewajarnya.

36.3.2 Pembiayaan kepada pelanggan runcit dan industri kecil dan sederhana

Pembiayaan kepada pelanggan runcit dinilai secara individu dengan berpandukan rekod prestasi pembayaran terdahulu dan kapasiti pembayaran semasa pelanggan. Proses ini dikawal oleh Dasar Risiko Kredit Runcit, Polisi Produk dan dinilai menggunakan sistem pemarkahan kredit ('credit scoring system') yang akan disemak dan dikemaskini secara berkala.

Pihak autoriti dan pegawai yang meluluskan kredit bertanggungjawab untuk memastikan bahawa risiko kredit dinilai dengan sempurna dan semua maklumat penting berkaitan kredit pelanggan diambil kira semasa permohonan pembiayaan.

36.3.3 Pembiayaan kepada pelanggan koperasi dan korporat

Pemberian kredit kepada pelanggan-pelanggan koperasi dan korporat adalah dinilai secara individu berpandukan dasar dan tahap kesanggupan tanggungan risiko serta dinilai menggunakan pemarkahan kredit ('credit scoring') bagi menentukan kadar keuntungan yang ditawarkan berdasarkan tahap risiko pelanggan. Pengurusan Risiko akan menjalankan penilaian bebas ke atas semua cadangan kredit pelanggan koperasi dan korporat sebelum diluluskan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.3 Risiko kredit (Samb.)

36.3.4 Pembiayaan Perumahan

Pengurusan Risiko telah menyemak semula serta menambahkan pemarkahan kredit bagi pembiayaan perumahan dan menggunakan sistem JURIS pada Oktober 2021. Penambahan tersebut adalah bagi memastikan Co-opbank berusaha untuk meningkatkan kualiti pembiayaan perumahan yang diluluskan. Semakan terhadap kelulusan di dalam JURIS telah dilaksanakan termasuk menggunakan sistem pemarkahan kredit ("credit scoring system") untuk memastikan gred pemarkahan adalah tepat seperti pengiraan manual.

36.3.5 Pembelian sekuriti pelaburan

Kualiti kredit bagi instrumen kewangan dinilai berdasarkan penilaian kredit agensi luar. Semakan dan pemantauan portfolio sering dijalankan dalam memastikan pendedahan diuruskan dengan berkesan dan risiko penumpuan diperhatikan pada setiap masa.

36.3.6 Cagaran ke atas pembiayaan dan pendahuluan

Untuk mengurangkan risiko kredit ke atas pembiayaan dan pendahuluan yang diberikan kepada pelanggan, cagaran yang diambil kira adalah seperti berikut:

- i) Pembiayaan perumahan - cagaran atas hartanah kediaman
- ii) Pembiayaan hartanah komersil - cagaran atas hartanah yang dibiayai
- iii) Pembiayaan dan pendahuluan lain - cagaran atas aset perniagaan seperti premis, hartanah, simpanan tetap dan lain-lain.

36.3.7 Pendedahan maksimum ke atas risiko kredit

Bagi aset di dalam penyata kedudukan kewangan, pendedahan kepada risiko kredit bersamaan dengan amaun dibawa. Bagi komitmen kredit, pendedahan maksimum kepada risiko kredit ialah jumlah keseluruhan pembiayaan yang tidak dikeluarkan kepada pelanggan.

Jadual berikut menunjukkan pendedahan maksimum kepada risiko kredit oleh Co-opbank bagi instrumen kewangan dalam kunci kira-kira dan luar kunci kira-kira.

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Aset				
Tunai dan dana jangka pendek	1,337,279	1,883,340	1,336,699	1,882,951
Deposit dan penempatan di institusi kewangan	720,309	547,779	719,893	547,473
Pelaburan Kewangan				
FVOCI	1,243,098	899,773	1,243,098	899,773
Pada kos terlunas	1,821,663	1,271,119	1,821,663	1,271,119
Pembiayaan dan pendahuluan	8,637,254	7,627,120	8,637,254	7,627,120
Aset-aset lain	431,485	358,966	431,633	358,872
	14,191,088	12,588,097	14,190,240	12,587,308

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.3 Risiko kredit (Samb.)

36.3.7 Pendedahan maksimum ke atas risiko kredit (Samb.)

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000	2025 RM'000	2024 RM'000
Komitmen				
Pembiayaan yang tidak dikeluarkan	242,055	58,641	242,055	58,641
Jumlah pendedahan risiko kredit	14,433,143	12,646,739	14,432,295	12,645,950

36.3.8 Pendedahan risiko kredit ke atas pembiayaan dan pendahuluan

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000
Pada kos terlunas		
<u>Tidak lampau tempoh dan tidak terjejas</u>		
0 bulan	8,541,112	7,578,947
<u>Lampau tempoh tetapi tidak terjejas</u>		
1 bulan	78,039	37,652
2 bulan	18,252	17,864
	96,291	55,516
<u>Lampau tempoh dan terjejas</u>	147,312	131,387
Pembiayaan dan pendahuluan kasar	8,784,715	7,765,850
<u>Tolak:</u>		
Tahap 1 - ECL 12 bulan	52,696	49,724
Tahap 2 - ECL sepanjang hayat kredit tidak terjejas	26,039	28,327
Tahap 3 - ECL sepanjang hayat kredit terjejas	68,726	60,679
	147,461	138,730
	8,637,254	7,627,120

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.3 Risiko kredit (Samb.)

36.3.9 Pendedahan risiko kredit atas sekuriti pelaburan

KUMPULAN/CO-OPBANK

	Pelaburan keuangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain RM'000	Pelaburan keuangan pada kos terlunas RM'000	Jumlah RM'000
2025			
Sekuriti dengan penarafan			
<u>Sekuriti hutang Islam</u>			
Gred AAA	302,955	20,882	323,837
Gred AA	221,647	-	221,647
Gred A	5,044	-	5,044
	529,646	20,882	550,528
Sekuriti tanpa penarafan			
Sekuriti hutang Islam	-	110,356	110,356
Terbitan pelaburan kerajaan	527,644	1,381,519	1,909,163
Sukuk Kerajaan	185,052	308,906	493,958
	712,696	1,800,781	2,513,477
Saham			
Saham tidak disebut harga	756	-	756
	1,243,098	1,821,663	3,064,761
2024			
Sekuriti dengan penarafan			
<u>Sekuriti hutang Islam</u>			
Gred AAA	287,480	20,998	308,478
Gred AA	81,100	-	81,100
	368,580	20,998	389,578
Sekuriti tanpa penarafan			
Sekuriti hutang Islam	-	10,000	10,000
Terbitan pelaburan kerajaan	250,042	971,286	1,221,328
Sukuk Kerajaan	279,777	289,214	568,991
	529,819	1,270,500	1,800,319
Saham			
Saham tidak disebut harga	755	-	755
	899,154	1,291,498	2,190,652

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.4 Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko kebolehpayaan Co-opbank menyediakan dana dalam masa yang tertentu untuk menyediakan kemudahan pembiayaan atau melunaskan obligasi semasa operasi harian dijalankan. Risiko kecairan dapat dikawal dengan mengekalkan kepelbagaian sumber dana Co-opbank serta padanan tempoh pelunasan obligasi yang pelbagai.

Co-opbank telah menggunakan pengukur kecairan "Liquid Asset Ratio" (LAR) yang diwajibkan oleh pengawalselia, disamping menggunakan nisbah kecairan yang lain seperti "Liquidity Coverage Ratio" (LCR) sebagai kawalan dan pemantauan kecairan Co-opbank.

36.4.1 Pengurusan risiko kecairan

Langkah utama yang digunakan oleh Co-opbank dalam menguruskan risiko kecairan adalah nisbah aset bersih cair kepada deposit daripada pelanggan atau "Liquid Asset Ratio" (LAR).

Pematuhan kepada nisbah ini adalah satu keperluan statutori bagi memastikan Co-opbank mempunyai aset cair bersih yang mencukupi. Aset cair bersih ini termasuklah semua aset yang mudah dicairkan kepada tunai seperti penempatan deposit di institusi kewangan yang lain dan pelaburan sekuriti yang berpenarafan GG dan ke atas.

Co-opbank perlu mematuhi minimum keperluan kecairan LAR sebanyak 25% yang ditetapkan BNM secara bulanan. Selain itu, penambahbaikan pengurusan kecairan telah dilaksanakan dengan menggunakan juga "Liquidity Coverage Ratio" (LCR) sebagai ukuran risiko kecairan secara dalaman sebagai langkah alternatif kepada nisbah aset bersih cair (LAR). LCR digunakan untuk memastikan Co-opbank mempunyai aset cair berkualiti tinggi yang secukupnya.

Co-opbank menggunakan "Liquidity Coverage Ratio" (LCR) secara dalaman berdasarkan polisi LCR yang telah diterbitkan oleh BNM dan polisi kecairan yang diluluskan oleh ALK. LCR digunakan untuk mengukur keupayaan Co-opbank dalam menguruskan kecairan di dalam senario tekanan kecairan yang serius untuk tempoh 30 hari.

Nisbah terperinci yang dilaporkan sebagai aset bersih cair kepada deposit daripada pelanggan pada akhir tempoh pelaporan dan bagi tahun adalah seperti berikut:

	KUMPULAN/CO-OPBANK	
	2025 RM'000	2024 RM'000
Purata bagi tahun	4,087	3,368
Maksimum bagi tahun	4,612	4,189
Minimum bagi tahun	3,804	2,854

36.4.2 Risiko kecairan aset dan liabiliti

Teras utama pengurusan kecairan adalah keupayaan Co-opbank dalam memastikan kecairan adalah mencukupi dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Unjuran sehingga satu tahun terhadap kematangan profil aset, liabiliti dan komitmen di luar kunci kira-kira yang dimiliki Co-opbank digunakan bagi pengukuran kecairan jangka masa pendek dan panjang.

Selain itu, pengurusan kecairan juga memastikan Co-opbank mempunyai kecairan yang mencukupi untuk tempoh 30 hari dalam senario tekanan kecairan yang serius.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.4 Risiko kecairan

36.4.2 Risiko kecairan aset dan liabiliti (Samb.)

"Stress Testing" kecairan dilakukan secara bulanan terhadap LCR bagi menguji kecairan Co-opbank apabila terdapat tekanan aset cair berkualiti tinggi seperti sukuk dan baki tunai. Tekanan terhadap aset cair mengambil kira keadaan ekonomi semasa dan pengeluaran deposit kalangan pendeposit korporat dan koperasi yang menyumbang besar kepada pengeluaran deposit besar secara mendadak.

"Stress Testing" kecairan juga memastikan Co-opbank mempunyai kecairan yang mencukupi untuk tempoh 30 hari dan dapat memitigasi senario tekanan kecairan yang serius dengan persediaan yang lebih awal.

36.4.3 Risiko kecairan aset dan liabiliti dari segi baki tempoh matang berkontrak

KUMPULAN	Tidak Melebihi 1 bulan RM'000	1 - 3 bulan RM'000	3 - 6 bulan RM'000	6 bulan - 1 tahun RM'000	Melebihi 1 tahun RM'000	Jumlah RM'000
2025						
Aset						
Tunai dan dana jangka pendek	1,337,279	-	-	-	-	1,337,279
Penempatan di institusi kewangan	279,672	311,206	20,496	108,935	-	720,309
Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	5,008	-	10,192	1,227,898	1,243,098
Kos Terlunas	-	-	-	-	1,821,663	1,821,663
Pembiayaan dan pendahuluan	95,094	305,458	309,231	614,366	7,313,105	8,637,254
Aset-aset lain	-	-	-	-	431,485	431,485
	1,712,045	621,672	329,727	733,493	10,794,151	14,191,088
Liabiliti						
Deposit daripada pelanggan	2,219,678	1,941,689	2,242,668	3,580,816	791,381	10,776,232
Kewajipan Atas Urusniaga Sekuriti di Bawah Instrumen Murabahah	-	500,000	954,700	80,000	-	1,534,700
Liabiliti-liabiliti lain	-	-	-	-	165,685	165,685
	2,219,678	2,441,689	3,197,368	3,660,816	957,066	12,476,617

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.4 Risiko kecairan (Samb.)

36.4.3 Risiko kecairan aset dan liabiliti dari segi baki tempoh matang berkontrak (Samb.)

KUMPULAN	Tidak Melebihi 1 bulan RM'000	1 - 3 bulan RM'000	3 - 6 bulan RM'000	6 bulan - 1 tahun RM'000	Melebihi 1 tahun RM'000	Jumlah RM'000
2024						
Aset						
Tunai dan dana jangka pendek	1,883,340	-	-	-	-	1,883,340
Penempatan di institusi kewangan	-	295,264	10,127	242,388	-	547,779
Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	5,113	-	79,380	-	815,280	899,773
Kos Terlunas	-	-	-	-	1,271,119	1,271,119
Pembiayaan dan pendahuluan	87,491	280,876	287,429	572,006	6,399,318	7,627,120
Aset-aset lain	-	-	-	-	358,966	358,966
	1,975,944	576,140	376,936	814,394	8,844,683	12,588,097
Liabiliti						
Deposit daripada pelanggan	1,979,346	1,926,947	2,065,546	3,343,761	265,480	9,581,080
Kewajipan Atas Urusniaga Sekuriti di Bawah Instrumen Murabahah	-	675,124	304,132	103,290	-	1,082,546
Komoditi Bercagar	-	-	-	-	189,306	189,306
Liabiliti-liabiliti lain	-	-	-	-	-	-
	1,979,346	2,602,071	2,369,678	3,447,051	454,786	10,852,932

NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.4 Risiko kecairan (Samb.)

36.4.3 Risiko kecairan aset dan liabiliti dari segi baki tempoh matang berkontrak (Samb.)

CO-OPBANK	Tidak Melebihi 1 bulan RM'000	1 - 3 bulan RM'000	3 - 6 bulan RM'000	6 bulan - 1 tahun RM'000	Melebihi 1 tahun RM'000	Jumlah RM'000
2025						
Aset						
Tunai dan dana jangka pendek	1,336,699	-	-	-	-	1,336,699
Penempatan di institusi kewangan	279,672	310,790	20,496	108,935	-	719,893
Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	5,008	-	10,192	1,227,898	1,243,098
Kos Terlunas	-	-	-	-	1,821,663	1,821,663
Pembiayaan dan pendahuluan	95,094	305,458	309,231	614,366	7,313,105	8,637,254
Aset-aset lain	-	-	-	-	431,633	431,633
	1,711,465	621,256	329,727	733,493	10,794,299	14,190,240
Liabiliti						
Deposit daripada pelanggan	2,219,678	1,941,689	2,242,668	3,580,816	791,381	10,776,232
Kewajipan Atas Urusniaga Sekuriti di Bawah Instrumen Murabahah	-	500,000	954,700	80,000	-	1,534,700
Komoditi Bercagar	-	-	-	-	165,398	165,398
Liabiliti-liabiliti lain	-	-	-	-	-	-
	2,219,678	2,441,689	3,197,368	3,660,816	956,779	12,476,330

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.4 Risiko kecairan (Samb.)

36.4.3 Risiko kecairan aset dan liabiliti dari segi baki tempoh matang berkontrak (Samb.)

CO-OPBANK	Tidak Melebihi 1 bulan RM'000	1 - 3 bulan RM'000	3 - 6 bulan RM'000	6 bulan - 1 tahun RM'000	Melebihi 1 tahun RM'000	Jumlah RM'000
2024						
Aset						
Tunai dan dana jangka pendek	1,882,951	-	-	-	-	1,882,951
Penempatan di institusi kewangan	-	295,264	10,127	242,082	-	547,473
Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	5,113	-	79,380	-	815,280	899,773
Kos Terlunas	-	-	-	-	1,271,119	1,271,119
Pembiayaan dan pendahuluan	87,491	280,876	287,429	572,006	6,399,318	7,627,120
Aset-aset lain	-	-	-	-	358,872	358,872
	1,975,555	576,140	376,936	814,088	8,844,589	12,587,308
Liabiliti						
Deposit daripada pelanggan	1,979,346	1,926,947	2,065,546	3,343,761	265,480	9,581,080
Kewajipan Atas Urusniaga Sekuriti di Bawah Instrumen Murabahah	-	675,124	304,132	103,290	-	1,082,546
Komoditi Bercagar	-	-	-	-	188,990	188,990
Liabiliti-liabiliti lain	-	-	-	-	-	-
	1,979,346	2,602,071	2,369,678	3,447,051	454,470	10,852,616

36.5.1 Pengurusan risiko pasaran

Co-opbank menguruskan pendedahan risiko pasaran dengan melaksanakan pelaporan "Spread" dan "Net Interest Margin" (NIM). Co-opbank juga sentiasa melaksanakan ujian scenario bagi memastikan kadar keuntungan bersih Co-opbank pada kadar yang stabil terutamanya bagi cadangan produk-produk pembiayaan baru Co-opbank.

Beberapa teknik pengukuran risiko digunakan untuk mengukur dan menentukan perubahan nilai pasaran dan tahap risiko pasaran seperti nilai pada risiko (Value at Risk ("VaR")), Tempoh pengubahsuaian ("Modified Duration") dan juga penilaian semasa pada satu kadar asas (Present Value on One Basis Point ("PV01")).

Pengurusan risiko pasaran pada keseluruhannya adalah terletak di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pemantauan Risiko (GROC).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.5 Risiko Pasaran (Samb.)

36.5.2 "Stress Test" kadar keuntungan

Antara kawalan lain untuk memastikan pendedahan risiko pasaran adalah pada tahap toleran kaedah "Stress Testing" terhadap sukuk yang sensitif terhadap perubahan kadar OPR, had-had yang ditetapkan didalam polisi pelaburan sukuk dan penyenaian klasifikasi instrumen yang boleh digunakan untuk diperdagangkan .

Keputusan "stress test" dilaporkan secara bulanan untuk menentukan impak perubahan harga sukuk ke atas perubahan kadar keuntungan.

"Stress test" margin kadar keuntungan melalui beberapa senario yang dikenalpasti juga dilaksanakan bagi memberikan penilaian impak kewangan terhadap pendedahan risiko pasaran keseluruhan ke atas Co-opbank.

36.5.3 Pendedahan kepada kadar keuntungan

KUMPULAN	Tidak Melebihi 1 bulan RM'000	Melebihi 1 bulan - 1 tahun RM'000	Melebihi 1 tahun RM'000	Bukan kadar untung sensitiviti RM'000	Jumlah RM'000
2025					
Aset					
Tunai jangka pendek	-	-	-	1,337,279	1,337,279
Deposit dan penempatan	279,672	440,637	-	-	720,309
Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama					
Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	15,200	1,227,898	-	1,243,098
Pelaburan Kewangan Pada Kos Terlunas	-	-	1,821,663	-	1,821,663
Pembiayaan dan pendahuluan	95,094	1,229,055	7,313,105	-	8,637,254
Hak Penggunaan Aset	-	-	6,503	-	6,503
Tanah untuk pembangunan	-	-	-	850	850
Aset-aset lain	-	-	-	431,485	431,485
Aset dipegang untuk jualan	-	-	-	6,300	6,300
Hartanah, loji dan peralatan	-	-	-	202,755	202,755
Aset Tak Ketara	-	-	-	70,184	70,184
Jumlah aset	374,766	1,684,892	10,369,169	2,048,853	14,477,680
Liabiliti					
Deposit dari pelanggan	2,219,678	7,765,173	791,381	-	10,776,232
Kewajipan Atas Urusniaga Sekuriti di Bawah Instrumen Murabahah	-	1,534,700	-	-	1,534,700
Komoditi Bercagar	-	-	-	165,685	165,685
Liabiliti-liabiliti lain	-	58,000	-	-	58,000
Pembiayaan daripada Institusi Kewangan	-	-	-	4,380	4,380
Liabiliti Cukai Tertunda	-	-	-	-	-
	2,219,678	9,357,873	791,381	170,065	12,538,997
Ekuiti pemegang syer dan lain-lain rizab	-	-	-	1,938,683	1,938,683
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang syer	2,219,678	9,357,873	791,382	2,108,748	14,477,680
Perbezaan kadar keuntungan atas penyata kedudukan kewangan	(1,844,912)	(7,672,981)	9,577,788	(59,895)	-

Kadar efektif keuntungan adalah di antara 2% hingga 10% bagi aset manakala bagi liabiliti adalah diantara 0% hingga 3%.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.5 Risiko Pasaran (Samb.)

36.5.3 Pendedahan kepada kadar keuntungan (Samb.)

KUMPULAN	Tidak Melebihi 1 bulan RM'000	Melebihi 1 bulan - 1 tahun RM'000	Melebihi 1 tahun RM'000	Bukan kadar untung sensitiviti RM'000	Jumlah RM'000
2024					
Aset					
Tunai jangka pendek	-	-	-	1,883,340	1,883,340
Deposit dan penempatan	-	547,779	-	-	547,779
Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama					
Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	5,113	79,380	815,280	-	899,773
Pelaburan Kewangan Pada Kos Terlunas	-	-	1,271,119	-	1,271,119
Pembiayaan dan pendahuluan	87,491	1,140,311	6,399,318	-	7,627,120
Hak Penggunaan Aset	-	-	5,474	-	5,474
Tanah untuk pembangunan	-	-	-	489	489
Aset-aset lain	-	-	-	358,966	358,966
Aset dipegang untuk jualan	-	-	-	6,300	6,300
Hartanah, loji dan peralatan	-	-	-	181,511	181,511
Aset Tak Ketara	-	-	-	57,527	57,527
Jumlah aset	92,604	1,767,470	8,491,191	2,488,133	12,839,398
Liabiliti					
Deposit dari pelanggan	1,979,346	7,336,254	265,480	-	9,581,080
Kewajipan Atas Urusniaga Sekuriti di Bawah Instrumen Murabahah					
Komoditi Bercagar	-	1,082,546	-	-	1,082,546
Liabiliti-liabiliti lain	-	-	-	189,306	189,306
Pembiayaan daripada Institusi Kewangan	-	58,000	-	-	58,000
Dividen dicadangkan	-	-	-	4,380	4,380
	1,979,346	8,476,800	265,480	193,686	10,915,312
Ekuiti pemegang syer dan lain-lain rizab	-	-	-	1,924,086	1,924,086
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang syer	1,979,346	8,476,800	265,480	2,117,772	12,839,398
Perbezaan kadar keuntungan atas penyata kedudukan kewangan	(1,886,742)	(6,709,330)	8,225,711	370,361	-

Kadar efektif keuntungan adalah di antara 2% hingga 10% bagi aset manakala bagi liabiliti adalah diantara 0% hingga 3%.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.5 Risiko Pasaran (Samb.)

36.5.3 Pendedahan kepada kadar keuntungan (Samb.)

CO-OPBANK					
	Tidak Melebihi 1 bulan RM'000	Melebihi 1 bulan - 1 tahun RM'000	Melebihi 1 tahun RM'000	Bukan kadar untung sensitiviti RM'000	Jumlah RM'000
2025					
Aset					
Tunai jangka pendek	-	-	-	1,336,699	1,336,699
Deposit dan penempatan	279,672	440,221	-	-	719,893
Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama					
Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	-	15,200	1,227,898	-	1,243,098
Pelaburan Kewangan Pada Kos Terlunas	-	-	1,821,663	-	1,821,663
Pembiayaan dan pendahuluan	95,094	1,229,055	7,313,105	-	8,637,254
Hak Penggunaan Aset	-	-	6,503	-	6,503
Tanah untuk pembangunan	-	-	-	850	850
Lain-lain aset	-	-	-	431,633	431,633
Aset dipegang untuk jualan	-	-	-	6,300	6,300
Hartanah, loji dan peralatan	-	-	-	202,740	202,740
Aset Tak Ketara	-	-	-	70,184	70,184
Jumlah aset	374,766	1,684,476	10,369,169	2,048,406	14,476,817
Liabiliti					
Deposit dari pelanggan	2,219,678	7,765,173	791,381	-	10,776,232
Kewajipan Atas Urusniaga Sekuriti di					
Bawah Instrumen Murabahah					
Komoditi Bercagar	-	1,534,700	-	-	1,534,700
Liabiliti-liabiliti lain	-	-	-	165,398	165,398
Pembiayaan daripada Institusi Kewangan	-	58,000	-	-	58,000
Liabiliti Cukai Tertunda	-	-	-	4,380	4,380
	2,219,678	9,357,873	791,381	169,778	12,538,710
Ekuiti pemegang syer dan lain-lain rizab	-	-	-	1,938,107	1,938,107
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang syer	2,219,678	9,357,873	791,382	2,107,885	14,476,817
Perbezaan kadar keuntungan atas penyata kedudukan kewangan	(1,844,912)	(7,673,397)	9,577,788	(59,479)	-

Kadar efektif keuntungan adalah di antara 2% hingga 10% bagi aset manakala bagi liabiliti adalah diantara 0% hingga 3%.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.5 Risiko Pasaran (Samb.)

36.5.3 Pendedahan kepada kadar keuntungan (Samb.)

CO-OPBANK	Tidak Melebihi 1 bulan RM'000	Melebihi 1 bulan - 1 tahun RM'000	Melebihi 1 tahun RM'000	Bukan kadar untung sensitiviti RM'000	Jumlah RM'000
2024					
Aset					
Tunai jangka pendek	-	-	-	1,882,951	1,882,951
Deposit dan penempatan	-	547,473	-	-	547,473
Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama					
Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	5,113	79,380	815,280	-	899,773
Pelaburan Kewangan Pada Kos Terlunas	-	-	1,271,119	-	1,271,119
Pembiayaan dan pendahuluan	87,491	1,140,311	6,399,318	-	7,627,120
Hak Penggunaan Aset	-	-	5,474	-	5,474
Tanah untuk pembangunan	-	-	-	489	489
Lain-lain aset	-	-	-	358,872	358,872
Aset dipegang untuk jualan	-	-	-	6,300	6,300
Hartanah, loji dan peralatan	-	-	-	181,491	181,491
Aset Tak Ketara	-	-	-	57,527	57,527
Jumlah aset	92,604	1,767,164	8,491,191	2,487,630	12,838,589
Liabiliti					
Deposit dari pelanggan	1,979,346	7,336,254	265,480	-	9,581,080
Kewajipan Atas Urusniaga Sekuriti di Bawah Instrumen Murabahah					
Komoditi Bercagar	-	1,082,546	-	-	1,082,546
Liabiliti-liabiliti lain	-	-	-	188,990	188,990
Pembiayaan daripada Institusi Kewangan	-	58,000	-	-	58,000
Liabiliti Cukai Tertunda	-	-	-	4,380	4,380
	1,979,346	8,476,800	265,480	193,370	10,914,996
Ekuiti pemegang syer dan lain-lain rizab	-	-	-	1,923,593	1,923,593
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang syer	1,979,346	8,476,800	265,480	2,116,963	12,838,589
Perbezaan kadar keuntungan atas penyata kedudukan kewangan	(1,886,742)	(6,709,636)	8,225,711	370,667	-

Kadar efektif keuntungan adalah di antara 2% hingga 10% bagi aset manakala bagi liabiliti adalah diantara 0% hingga 3%.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.6 Risiko Operasi

Risiko operasi ialah risiko kerugian yang berpunca daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, sumber manusia, sistem, atau faktor luaran yang boleh mengganggu operasi perniagaan. Di bawah rangka kerja Basel II, risiko operasi tidak merangkumi risiko strategik dan risiko reputasi. Walau bagaimanapun, ia termasuk risiko ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Kerugian boleh dialami secara langsung atau tidak langsung dalam bentuk kewangan.

Berdasarkan definisi Risiko Operasi, Unit Risiko Operasi di Jabatan Pengurusan Risiko telah mengumpul data-data insiden meliputi risiko ketidakpatuhan syariah, perundangan / litigasi, teknologi maklumat, keselamatan bangunan dan lain-lain risiko berkaitan yang dilaporkan oleh Jabatan dan Cawangan melalui Laporan Incident Data Management (IDM) termasuk saranan-saranan penambahbaikan seterusnya dibawa ke peringkat pengurusan dan ahli lembaga untuk pertimbangan.

Pendedahan pengurusan operasi risiko adalah melalui pembangunan dan penyelenggaraan kawalan dalaman yang menyeluruh ke atas prosedur berasaskan pengasingan tugas, pemeriksaan bebas, pembahagian sistem akses kawalan dan proses kelulusan pelbagai peringkat. Kepentingan Pengurusan Risiko Operasi adalah untuk membendung risiko-risiko kerugian selain daripada Risiko Kredit dan Risiko Pasaran. Beberapa inisiatif telah diambil untuk mengukuhkan pengurusan risiko operasi di Co-opbank. Co-opbank telah menambah baik Polisi Pengurusan Kesenambungan Perniagaan bagi memastikan segala keperluan di dalam dokumen telah dikemaskini dengan betul. Pindaan yang dilakukan di dalam dokumen Polisi ini lebih memberi fokus secara 'high-level' dan 'generic' ke atas dasar, tadbir urus, skop dan tanggungjawab sebagai asas tadbir urus dalaman bagi pemilik proses yang terlibat dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pemulihan operasi di fungsi masing-masing. Pelaksanaan "Business Impact Analysis (BIA)" juga telah dilaksanakan bagi tujuan mengenalpasti impak dan aras kritikal setiap fungsi perniagaan di Co-opbank. Ia juga secara tidak langsung akan membantu Co-opbank merangka strategi pemulihan dan memastikan kesinambungan fungsi perniagaan kritikal secara minimum semasa gangguan atau bencana.

Disamping itu, Unit Risiko Operasi juga terlibat secara aktif dan mendalam bagi projek-projek yang terlibat seperti Credit Value Chain (CVC), projek Menaiktaraf Sistem Perbankan Teras Co-opbank (FIRST) dan projek-projek tender-tender perolehan lain di Co-opbank terutamanya dalam mengenalpasti risiko-risiko operasi yang terlibat dan memberi saranan penambahbaikan terhadap projek yang terlibat.

36.7 Pengurusan Modal

Objektif Co-opbank dalam pengurusan modal, adalah merupakan konsep yang lebih luas daripada ekuiti pada penyata kedudukan kewangan, antaranya:

- i) Untuk mematuhi keperluan modal yang ditetapkan oleh pengawal selia pasaran perbankan di mana entiti di dalam Co-opbank beroperasi;
- ii) Untuk melindungi keupayaan Co-opbank agar mampu berterusan memberikan pulangan kepada pemegang saham dan keuntungan bagi pihak yang mempunyai kepentingan; dan
- iii) Untuk mengekalkan asas modal yang kukuh dalam menyokong pembangunan perniagaan.

Kecukupan modal dan penggunaan modal kawal selia adalah dipantau secara harian oleh pihak pengurusan Co-opbank, dengan menggunakan teknik-teknik berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan di bawah Rangka Kerja Kecairan Baru yang dibangunkan oleh BNM. Maklumat yang dikehendaki difailkan dengan BNM pada setiap bulan.

Co-opbank mengekalkan nisbah jumlah modal kawal selia kepada aset berwajaran risiko mereka di atas paras minimum yang telah dipersetujui dengan BNM dengan mengambil kira profil risiko Co-opbank. Keperluan modal kawal selia adalah dipatuhi dengan ketat bagi pengurusan modal ekonomi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2025

36. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

36.7 Pengurusan Modal (samb.)

Modal kawal selia Co-opbank terdiri daripada dua peringkat:

- i) Modal tahap 1: modal syer anggota, rizab berkanun, rizab modal dan keuntungan tertahan;
- ii) Modal tahap 2: syer keutamaan, peruntukan penjejasan kolektif bagi pembiayaan tidak terjejas nilai dan rizab kawal selia.

Operasi perbankan dikategorikan sebagai sama ada buku perdagangan atau buku perbankan, dan aset berwajaran risiko adalah ditentukan mengikut keperluan khusus bertujuan untuk mencerminkan tahap risiko yang berbeza berkaitan dengan aset dan pendedahan yang tidak diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan.

Dasar Co-opbank adalah untuk mengekalkan modal asas yang kukuh bagi memastikan keyakinan pelabur, pemiutang dan pasaran disamping mengekalkan pembangunan perniagaan pada masa depan. Impak tahap modal atas pulangan kepada pemegang saham juga diiktiraf dan Co-opbank juga mengiktiraf keperluan untuk mengekalkan keseimbangan antara pulangan yang lebih tinggi yang mungkin boleh dicapai dengan kadar keberhutangan yang tinggi dan kelebihan serta jaminan yang boleh diperolehi dari kedudukan modal yang baik.

Nisbah Kecukupan Modal

Co-opbank adalah dikehendaki untuk mematuhi nisbah modal teras dan nisbah kecukupan modal berwajaran risiko yang ditetapkan oleh pengawal selia. Co-opbank telah mematuhi kebanyakan nisbah modal yang ditetapkan sepanjang tempoh ini.

	CO-OPBANK	
	2025	2024
Nisbah Aset Mudah Tunai	30.8%	32.6%
Nisbah Pembiayaan Kepada Deposit	81.5%	81.1%
Nisbah Perlindungan Kerugian Pembiayaan	100.1%	105.6%

36.8 Pematuhan

Jabatan Pematuhan komited dalam menambahbaik persekitaran agar mempunyai kawalan keseluruhan dan pembudayaan pematuhan dengan melaksanakan dasar pematuhan yang komprehensif, melaksanakan penilaian dan semakan pematuhan berkala, menjalankan sesi penglibatan tetap dengan unit perniagaan dan program latihan di dalam Co-opbank untuk memastikan semua pekerja sentiasa mengikuti perkembangan keperluan peraturan.

Jabatan Pematuhan secara bebas memantau dan menilai keperluan pematuhan kepada peraturan dan akta daripada pengawal selia seterusnya dasar dan prosedur yang telah ditetapkan. Jabatan Pematuhan juga menjalankan semakan pematuhan keatas operasi cawangan dan unit perniagaan secara berkala dan memberi pandangan dan cadangan penambahbaikan sekiranya perlu keatas proses pengoperasian untuk mengelakan berlakunya ketidakpatuhan kepada peraturan pengawal selia. Co-opbank terus berusaha dalam mencapai prestasi dan standard etika kerja yang tinggi, serta pematuhan kepada keperluan perundangan, peraturan dan standard professional. Co-opbank komited merangka dan melaksanakan program berkaitan pencegahan pengubahan wang haram yang bertujuan memberi pengetahuan dan memupuk kesedaran kepentingan dalam membanteras aktiviti pengubahan wang haram.

Tambahan pula, ianya juga melibatkan kepentingan dan kesedaran, sebagai contoh, peraturan kewangan, prosedur pematuhan dan laporan kepada pengawal selia. Laporan Pematuhan kepada Pengurusan Kanan dan Ahli Lembaga Penuh sebagai kaedah pengawalan dan pengawasan yang menyokong kebebasan fungsi Jabatan Pematuhan.

DIREKTORI

IBU PEJABAT

Wisma Co-opbank Pertama,
No 115, Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
Kampung Bharu, 50300 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-7650
Faks : 03-2694 7652

DUNGUN

Lot 7933, Jalan Baru Pak Sabah,
23000 Kuala Dungun, Terengganu.
Tel : 09-845 7650
Faks : 09-845 7651

KOTA KINABALU

Lot No. 2, A-0-1 & A-1-1, Blok A,
Alamesra Plaza Utama,
Lorong Plaza Utama 3, Jalan Sulaman,
88400 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088-487 650
Faks : 088-487 530

ALOR SETAR

No. 59, Wisma Co-opbank Pertama,
Pekan Simpang Kuala,
05400 Alor Setar, Kedah.
Tel : 04-771 7650
Faks : 04-771 7653

IPOH

C-G-1, Wisma Co-opbank Pertama,
Greentown Square,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh, Perak.
Tel : 05-254 7650
Faks : 05-243 4267

KUALA LUMPUR

Tingkat 1, No. 27, Wisma JCBNext,
Lorong Medan Tuanku 1,
Off Jalan Sultan Ismail,
50300 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2698 7650
Faks : 03-2694 7651

OUTLET AR-RAHNU GOMBAK

No. 17-G, Plaza KL Traders Square, 99,
Jalan Gombak, 53000 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan.
Tel : 03-4031 7650

JOHOR BAHRU

No. 45, Wisma Co-opbank Pertama,
Jalan Padi Emas 1/3,
Bandar Baru Uda,
81200 Johor Bahru, Johor.
Tel : 07-244 6650
Faks : 07-244 6651

KUALA SELANGOR

No. 19-G & 1, Jalan Bendahara 1/1,
Taman Bendahara,
45000 Kuala Selangor, Selangor.
Tel : 03-3289 7560
Faks : 03-3289 5650

BATU PAHAT

No. 12, Jalan Setia Jaya, Taman Setia Jaya,
83000 Batu Pahat, Johor.
Tel : 07-433 7560
Faks : 07-437 7650

KANGAR

No. 346, Jalan Baru Kangar-Alor Setar,
Taman Mutiara,
01000 Kangar, Perlis.
Tel : 04-977 7650
Faks : 04-976 7655

KUALA TERENGGANU

No. 1553, Tingkat Bawah & Tingkat 1,
Jalan Masjid Abidin,
20100 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09-626 7650
Faks : 09-626 7657

BAYAN BARU

No. 118, Wisma Co-opbank Pertama,
Jalan Mayang Pasir,
Taman Sri Tunas,
11950 Bayan Baru, Pulau Pinang.
Tel : 04-643 9790
Faks : 04-644 6181

KEPALA BATAS

No. 30, Wisma Co-opbank Pertama,
Jalan Usahawan 2,
Kompleks Perniagaan Kepala Batas,
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
Tel : 04-575 1199
Faks : 04-575 1794

KUANTAN

No. 1, Jalan Putra Square 4,
Putra Square,
25200 Kuantan, Pahang.
Tel : 09-517 3650
Faks : 09-517 3651

BUTTERWORTH

No. 43-45, Wisma Co-opbank Pertama,
Jalan Selat, Taman Selat,
12000 Butterworth, Pulau Pinang.
Tel : 04-333 7424
Faks : 04-331 8176

KOTA BHARU

PT 1562, Persiaran KK6,
Bandar Baru Kubang Kerian,
16150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-743 7650
Faks : 09-748 7650

KUCHING

No. Lot 423 & 424, Jalan Kulas,
93400 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-257 650
Faks : 082-250 651

DIREKTORI

MANJUNG

No.2482A, Taman Samudera,
32040 Seri Manjung, Perak.
Tel : 05-688 1650
Faks : 05-6681660

SEREMBAN

No. 8, Jalan S2 B15,
Pusat Dagangan Seremban 2,
70300 Seremban 2, Negeri Sembilan.
Tel : 06-601 9650
Faks : 06-601 7651

TAWAU

Lot 47-0, Lot 47-1, Lot 48-0, Lot 48-1
Kubota Square,
Jalan Kubota,
91000 Tawau, Sabah.
Tel : 089-761 740
Faks : 089-761 741

AYER KEROH

No. 27, Jalan Komersial,
Kota Fesyen MITC,
75450 Ayer Keroh, Melaka.
Tel : 06-234 7650
Faks : 06-234 3650

SETAPAK

No. C-05, C-06, Starparc Point,
Jalan Genting Klang,
53300 Setapak, Kuala Lumpur.
Tel : 03-4161 7650
Faks : 03-4131 9350

TEMERLOH

No.1, Tingkat Bawah,
Jalan Dagang 2,
Dynaton Bukit Angin,
28000 Temerloh, Pahang.
Tel : 09-290 8650
Faks : 09-290 8651

MIRI

Lot 2001, Block 9,
Marina Square,
98000 Miri, Sarawak.
Tel : 085-616064

SHAH ALAM

No. 2, Jalan Tengku Ampuan Zabedah
D9/D, Seksyen 9,
40100 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-5511 7650
Faks : 03-5510 7650

JERTEH

Lot 5276, Jalan Pasar Bharu,
22000 Jerreh, Terengganu.
Tel : 09 694 3400
Faks : 09 694 3401

NIBONG TEBAL

No. 26, Jalan Sungai Bakap,
Taman Merbah,
14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang.
Tel : 04-593 5007
Faks : 04-593 5961

SUNGAI PETANI

No. 16, Wisma Co-opbank Pertama,
Jalan Legenda 2, Legenda Heights,
08000 Sungai Petani, Kedah.
Tel : 04-423 0853
Faks : 04-423 1361

PAPAR

Lot 1 (C) & 2 (I) of 3 Storey Shoplots,
Parklane City Benoni, 89600 Papar, Sabah.
Tel : 088 917700
Faks : 088 917722

PORT DICKSON

No. 8, Lot 20, Bandar Port Dickson,
Jalan Pantai (Jalan Dato Abd Samad),
71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
Tel : 06-647 7650
Faks : 06-646 6951

TAIPING

No. 159-161, Jalan Barrack,
34000 Taiping, Perak.
Tel : 05-807 7058
Faks : 05-807 7078

SANDAKAN

Lot 6&7, Block 1,
Prima Square, Batu 4,
Jalan Utara,
90000 Sandakan, Sabah.
Tel : 089-216 965
Faks : 089-219 465

PUTRAJAYA

No. 25, Jalan P8G1, Presint 8,
62250 Putrajaya, Wilayah Persekutuan.
Tel : 03-8861 8650
Faks : 03-8861 8651

TANAH MERAH

No. 15, Jalan Humaira 2,
17500 Tanah Merah, Kelantan.
Tel : 09-954 4636
Faks : 09-954 4951

KUCHING II

Lot 1&2, Section 65,
Jalan Matang,
93050 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-648 661
Fax : 082-648 580

www.cbp.com.my



**KOPERASI CO-OPBANK
PERTAMA MALAYSIA BERHAD (1146)**

Wisma Co-opbank Pertama,
No 115, Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
Kampung Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Tel : 1-300-88-7650
Whatsapp : 019-756 7650
Website : www.cbp.com.my
Email : info@cbp.com.my



mycbpofficial